



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAJ KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 20

Khamis

4 September 2025

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025	(Halaman 67)
Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025	(Halaman 77)
Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025	(Halaman 89)
Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025	(Halaman 119)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
5. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
6. “ Tuan Manolan bin Mohamad
7. “ Puan Susan Chemerai Anding
8. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
9. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
10. “ Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang
11. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
12. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
13. “ Prof. Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
14. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
15. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
16. “ Datuk Nelson W Angang
17. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
18. “ Puan Noorita binti Sual
19. “ Tuan Pele Peter Tinggom
20. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
21. “ Datuk Rosni binti Sohar
22. “ Dato' Leong Ngah Ngah
23. “ Dato' Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
24. “ Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
25. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)
26. “ Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman (Selangor)
27. “ Dr. Jufitri bin Joha (Negeri Sembilan)
28. “ Dato' Wu Him Ven (Negeri Sembilan)
29. “ Puan Tiew Way Keng (Selangor)
30. “ Tuan Azahar bin Hassan (Perlis)
31. “ Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu)
32. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 34. | “ | Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani (Pahang) |
| 35. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 36. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 37. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 38. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 39. | “ | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 40. | “ | Tuan Shahrol Wizan bin Sulung (Pahang) |
| 41. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 42. | “ | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 43. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 44. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 45. | “ | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 46. | “ | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 47. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 48. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah) |
| 49. | “ | Datuk Edward Linggu Bukut (Sabah) |

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |
| 4. | “ | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] |
| 5. | “ | Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] |
| 6. | “ | Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] |
| 7. | “ | Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli |
| 8. | “ | Tuan Abun Sui Anyit |
| 9. | “ | Tuan Roderick Wong Siew Lead |

Hadir Bersama

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong) |
| 2. | " | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong) |
| 3. | " | Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang) |
| 4. | " | Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)] (Sekijang) |
| 5. | " | Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian) |
| 6. | " | Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong) |
| 7. | " | Datuk Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan) |
| 8. | " | Datuk Armizan bin Mohd Ali [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Papar) |
| 9. | " | Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri) |
| 10. | " | Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping) |
| 11. | " | Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai) |
| 12. | " | Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti) |
| 13. | " | Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan) |

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI

(HANSARD TEAM)

Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi @Bijirani
Alzian binti Baharudin
Rosmawati binti Mat Nor
Dayang Norsuria @ Melinna binti Salleh

Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Noor Sheila binti Razali
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Aizafasya binti Zainal
Nur Aliya binti Mustaz
Adele Beatrice anak Rabeng
Syaqira binti Abd. Razak
Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim	
Azmir bin Mohd Salleh	Maryam binti Azinuddin
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nor Kamsiah binti Asmad	Nurul Syakirah binti Ibharim
Aifarina binti Azaman	Suhaila binti Sariffuddin
Noorfazilah binti Talib	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Julia binti Mohd. Johari	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Ismalinda binti Ismail	Anisah Sahirah binti Hamzah
Amir Arshad bin Ab Samad	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Shazryn bin Mohd Faizal
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Sharon Eugena Jack Aman

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA

Khamis, 4 September 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

1. Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, jumlah Program Jualan Rahmah di seluruh negara dan berapakah jumlah pasar raya besar, kedai runcit dan pasar awam yang terlibat dengan Program Jualan Rahmah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Armizan bin Mohd Ali]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dato Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas segala syor, pandangan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli Dewan Negara berkenaan Program Jualan Rahmah MADANI.

Selain daripada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati pagi ini, beberapa orang lagi Senator seperti Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan dan Senator Datuk Anna Bell @Suzieana binti Perian turut membangkitkan perkara sama sewaktu perbahasan RMK13.

Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) merupakan salah satu ikhtiar di bawah inisiatif Payung Rahmah yang merupakan salah satu mekanisme intervensi bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Program ini menawarkan penjualan barangan keperluan

harian, makanan dan bukan makanan pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran sesuatu kawasan dan sekitarnya.

Pada tahun 2023, sebanyak 6,870 siri PJRM telah berjaya diadakan dan jumlah ini meningkat kepada 12,419 PJRM pada tahun 2024. Manakala sehingga 31 Ogos 2025 bermula 1 Januari, sebanyak 15,308 PJRM telah dilaksanakan di seluruh negara.

Susulan daripada pengumuman peruntukan pada 23 Julai 2025 yang diumumkan oleh Perdana Menteri untuk tambahan pelaksanaan PJRM bagi tahun 2025, sasaran KPDN adalah untuk melaksanakan sejumlah 20,000 siri PJRM iaitu peningkatan sebanyak 190 peratus berbanding tahun 2023 dan peningkatan sebanyak 61 peratus berbanding 2024. Penganjuran ini akan meliputi 222 kawasan Parlimen, 600 DUN serta 40 zon di Wilayah Persekutuan.

Buat masa ini penganjuran PJRM melibatkan kerjasama dengan rakan strategik untuk pelaksanaan melalui kaedah dalam premis, luar premis dan PJRM bergerak. Sehingga 2 September 2025, bilangan rakan strategik yang terlibat dalam PJRM adalah sebanyak 1,234 yang merangkumi pasar raya besar, pasar raya pemborong, kedai runcit, koperasi, vendor logistik, pertubuhan dan 48 buah pasar awam. Terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya. Terima kasih Dato Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab dengan begitu baik.

Soalan saya, program Jualan Rahmah merupakan satu langkah kerajaan yang bagus, cuma rakyat melihat barangan yang terpilih dalam Jualan Rahmah ini seolah-olah tersorok dan disorok. Kadang-kadang rak Jualan Rahmah tidak nampak, tidak strategik, tidak mengundang untuk orang ramai membelinya, malahan tidak adapun makluman *bunting*, *banner* dan pasar raya berkenaan. Soalan saya, adakah kementerian cakna dalam hal ini? Apakah langkah kementerian prihatin dalam menggiatkan promosi dan hebahan untuk maklumkan kepada mereka yang terlibat terutamanya pasar raya besar supaya mengadakan lorong-lorong kaunter khas untuk membayar barangan Jualan Rahmah. Terima kasih.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya, apa yang di suarakan oleh Yang Berhormat adalah amat baik.

Sejak dilaksanakan pada Januari 2023, fokus awal PJRM adalah kepada *acceptance* dengan izin, dan juga *accessibility* dengan izin oleh rakyat dan memang dari semasa ke semasa kita cuba untuk menambah baik. Saya sebutkan tadi bahawa ada tiga kaedah pelaksanaan dalam premis, luar premis dan juga secara bergerak.

Insyallah Yang Berhormat, kita sedia maklum. Itu sebabnya bagi pelaksanaan di dalam premis, kita telah meminta supaya diwujudkan rak-rak khas supaya rakyat boleh melihat akses kepada barang-barangan tersebut dan kita juga dalam perancangan untuk memperbanyakkan, pertama, penganjuran di luar premis khusus bagi sudut PJRM dan juga

pelaksanaan secara bergerak, *mobile* PJRM yang boleh bukan hanya di pekan-pekan, tetapi masuk ke kawasan-kawasan penempatan di kampung dan sebagainya.

Kita amat mengalu-alukan dan berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat yang juga sememangnya langkah yang sedang kita pertimbangkan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PJRM.

Tuan Che Alias bin Hamid: Soalan tambahan,

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Soalan tambahan.

Tuan Che Alias bin Hamid: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Program Jualan Rahmah ini ringkasnya PJRM ini kita yakin ia nya memberi manfaat yang sangat besarlah kepada rakyat khususnya dalam suasana peningkatan kos sara hidup yang berlaku pada hari ini.

Namun, dalam pada ia memberi manfaat kepada banyak pihak, pasti akan ada pihak yang terjejas iaitu peniaga-peniaga dan peruncit-peruncit kecil yang tidak mampu memenuhi syarat dan kapasiti untuk menjadi rakan strategik PJRM ini.

Soalan saya, pada peringkat kementerian, adakah terdapat apa-apa mekanisme untuk membantu dan menggalakkan lebih ramai lagi peruncit dan peniaga-peniaga kecil ini terlibat sebagai rakan strategik PJRM ini? Terima kasih.

■1010

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan sememangnya dalam perhatian ya apabila wujudnya kebimbangan yang disuarakan oleh pihak-pihak tertentu. Atas sebab itulah apabila ada syor supaya KPDN melaksanakan kedai tetap, pernah dilaksanakan kedai KR1M dan dicadangkan di nama Kedai MADANI.

Pada setakat ini kita tidak merancang untuk melaksanakan kaedah tersebut kerana kita mahu membuka lebih banyak ruang kepada peruncit-peruncit untuk terlibat dengan izin, *instead of* tertakluk kepada vendor-vendor atau pun peruncit tertentu. Kita buka ruang lebih luas dan kita juga berusaha untuk memperbanyakkan rakan strategik kita tetapi mengambil kira dua perkara.

Pertama, syarikat peruncit yang — ataupun kedai runcit yang ingin terlibat. Pertama, memastikan mereka mampu untuk menawarkan SKU dalam jumlah yang banyak. Sebab kita mahu bila pengguna datang mereka boleh mendapat pilihan SKU, SKU yang pelbagai daripada terpaksa untuk ke kedai yang lain.

Yang keduanya adalah dalam aspek lokasi tersebut sebab kita tahu ini program intervensi bukan tetap, satu DUN kita laksanakan dua kali sebulan maka premis mereka adalah premis yang mempunyai akses kepada pelanggan untuk datang. Jadi, kita

pertimbangan dan yang paling penting pelaksanaan kita juga tertakluk kepada peruntukan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyuarakan supaya MOF dapat mempertimbang, memperbanyakkan lagi peruntukan PJRM untuk tahun depan, *insya-Allah* kita yakin kita boleh menggarap dan merangkul lebih banyak lagi kedai-kedai runcit untuk terlibat dalam program ini. Terima kasih.

Tuan Azahar bin Hassan: Soalan tambahan.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Soalan tambahan. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak KPDN membuat pemantauan khas dengan pelaksanaan RM100 untuk 22 juta rakyat Malaysia kerana semalam difahamkan ada viral di media sosial dakwaan terhadap pihak yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan. Sekian.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, berkenaan dengan SARA ini, pelaksanaannya, mekanismenya ditentukan oleh MOF. Namun, sebagai kementerian yang juga bertanggungjawab dalam sektor peruncitan, sememangnya apabila sebaik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan, inisiatif khas RM100 SARA ini kepada 22 juta rakyat Malaysia yang dianggarkan perbelanjaannya akan di sektor peruncitan melibatkan jumlah hampir — melebihi 2 bilion sebenarnya. Kita telah mengambil langkah-langkah awal.

Pertama adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDN untuk mengelakkan ada pihak yang mengambil kesempatan dan saya ingin maklumkan daripada 31 Ogos sehingga 2 September, kita telah melaksanakan lawatan atau pemeriksaan daripada Bahagian Penguatkuasa ke 8,438 premis yang terlibat dalam pelaksanaan SARA.

Yang kedua, kita juga menggerakkan pemantauan harian yang dilaksanakan oleh pegawai pemantau harga. Jadi, kita menyemak data-data yang dikemukakan, sebagaimana yang kita maklum bahawa pemantauan harian yang dilaksanakan oleh PPH ini melibatkan 1,160 premis dengan 316 item yang disemak dalam program pemantauan harian. Jadi, kita semak data tersebut. Dan yang ketiga, kita juga telah memasukkan semua barang-barang yang dimasukkan dalam senarai untuk SARA ini sebagai item yang terlibat dalam pemantauan PPH. Jadi, ini tindakan, tiga pendekatan proaktif yang dilaksanakan oleh KPDN.

Dan ingin saya sebutkan di sini bahawa sejak pelaksanaan RM100 bantuan ini pada 31 Ogos hingga 2 September, kita telah menerima aduan, bila kita semak aduan, ada lima aduan yang diterima di platform rasmi KPDN dan hanya dua aduan yang melibatkan secara langsung berkaitan dengan SARA. Dan komitmen KPDN, sebarang aduan rasmi yang disalurkan di platform, platform aduan, kita akan susul tindakan dalam tempoh 24 jam iaitu

aduan yang terkait dengan bekalan dan juga harga, *insya-Allah*. Kita akan membuat pemantauan terhadap setiap aduan dan kita mengharap supaya rakyat kita jika ada sebarang aduan, kemukakan di platform-platform aduan KPDN supaya tindakan susulan segera dapat kita ambil dalam tempoh 24 jam, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Shahrol Wizan.

Tuan Shahrol Wizan bin Sulong: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, apakah projek ekonomi komuniti yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat orang asli.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Dato Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited meningkatkan pendapatan masyarakat orang asli melalui pelaksanaan pelbagai projek komuniti. Antara projek tanaman komuniti yang — ialah tanaman getah dan juga kelapa sawit yang kebanyakannya dilaksanakan oleh koperasi, manakala tanaman lain seperti serai, nenas dan lain-lain dilaksanakan secara individu.

Sektor ekonomi yang dioperasikan oleh koperasi ini antara lain merangkumi bidang pertanian, pelancongan dan juga aktiviti ekonomi lain melalui sokongan modal, latihan, pemberian geran, serta pengurusan yang tersusun. Kementerian berjaya memberi peluang kepada pengusaha koperasi untuk menjana pendapatan, mengembang perniagaan tempatan, mencipta peluang pekerjaan dan memperkukuhkan kesejahteraan komuniti. Sebagai contoh, Koperasi Sendayan Jaya Temerloh Berhad, telah berjaya mengurus ladang kelapa sawit dan ternakan lembu.

Selain daripada itu, terdapat Koperasi Orang Asli Lata Kinjang dan Koperasi Orang Asli Sungai Tonggang Berhad yang telah mengusahakan geran untuk membangunkan sektor *ecotourism*. Sehingga tahun 2025, sejumlah 21 buah koperasi orang asli telah dibantu oleh JAKOA dengan geran berjumlah 1,104,655 juta dalam pelbagai sektor ekonomi, antaranya dalam bidang ekopelancongan, *homestay*, input pertanian, penternakan, peralatan kedai runcit, peralatan ICT dan sebagainya.

Selain daripada itu, projek ekonomi komuniti turut difokuskan dalam sektor pertanian dan perladangan, di mana sepanjang RMK12, seramai 768 masyarakat orang asli telah menerima manfaat daripada program pembangunan ekonomi orang asli dan Program Modernisasi Pertanian Orang Asli. Seramai 2,196 orang asli juga telah didaftar sebagai peserta

Program Tanam Semula Ladang Kelapa Sawit. Kementerian juga menyokong usaha peningkatan ekonomi komuniti, penyertaan orang asli dalam program SejaTi MADANI. Setakat ini sebanyak 92 kampung orang asli telah berjaya mendapat geran SejaTi MADANI bagi pelaksanaan program ekonomi di kampung masing-masing. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Shahrol Wizan bin Sulong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Sebentar tadi saya tertarik dengan penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyentuh beberapa contoh koperasi orang asli yang telah dibantu dalam mengusahakan pengurusan ladang, ternakan, ekopelancongan dan sebagainya. Soalan tambahan saya, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kejayaan koperasi-koperasi tersebut dan impak pendapatan yang dijana.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih YB Senator atas soalan tambahan tadi. Dato Yang di-Pertua, Kementerian amat berbangga dengan kejayaan beberapa koperasi orang asli yang telah pun menerima bantuan dan bimbingan yang telah menunjukkan impak positif terhadap pendapatan komuniti.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 100 koperasi orang asli telah ditubuhkan dan hanya 49 sahaja yang masih aktif. Sebagai contoh, Koperasi Sendayan Jaya Temerloh Berhad, seperti yang saya maklumkan tadi, telah berjaya menguruskan ladang kelapa sawit dan ternakan lembu. Melalui bantuan geran dan latihan yang disalurkan oleh JAKOA, koperasi ini juga berjaya menambah aktiviti ekonomi dengan membuka kedai runcit, *Mini Mart* Sendayan Jaya dan telah memberi peluang pekerjaan kepada tiga orang pekerja yang mana gaji dia mengikut gaji minimum RM1,700.

■1020

Sehingga September 2024, jumlah pendapatan koperasi ini adalah sebanyak RM3.996 juta. Selain daripada itu, terdapat koperasi yang telah menggunakan geran untuk membangunkan sektor *ecotourism* ataupun ekopelancongan seperti Koperasi Kampung Orang Asli Sungai Tonggang Berhad dan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad.

Untuk makluman Yang Berhormat, Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad mempunyai ahli seramai 72 orang dan pendapatannya adalah RM526,500 sehingga September 2024 dan mendapat pengiktirafan Koperasi Terbaik Negeri Perak 2024. Jumlah pengunjung ke Kampung Lata Kinjang tadi adalah setakat 2 September 2025 adalah 60,032 orang. Pada tahun 2024, kampung ini mencatat pengunjung sebanyak 82,205 orang. Ini data yang kita dapat daripada Kementerian Pelancongan, daripada Kementerian Pelancongan.

Inisiatif ini bukan sahaja menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat melalui aktiviti yang dijalankan. Kejayaan-kejayaan ini

membuktikan bahawa dengan sokongan yang disasarkan, koperasi orang asli mampu menjadi entiti ekonomi yang mampan dan proaktif dan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan komuniti.

Untuk makluman, sepanjang RMKe-12 sebanyak 20 buah koperasi telah diluluskan, bantuan geran dengan nilai RM974,655 bagi tujuan sokongan dan pelbagai aktiviti ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, ada lima kampung ataupun lima koperasi akan diberi pengiktirafan sebagai Kampung Desa Kirana pada tahun ini, yang mana program ini kita fokuskan untuk Tahun Melawat Malaysia tahun depan. Ini persiapan kementerian dalam memastikan peningkatan ekonomi komuniti khususnya dalam sektor ekopelancongan. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kakitangan awam yang diambil bekerja pada tahun 2024 serta tahun 2025 yang memilih Skim KWSP dan Skim Pencen.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa]: Terima kasih Dato Seri Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa terdapat beberapa pihak berkuasa melantik yang diberi kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan, antaranya:

- (i) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang bertanggungjawab melantik pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan serta pegawai di empat negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan juga Negeri Sembilan;
- (ii) Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang bertanggungjawab melantik guru dan pegawai pendidikan lain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (iii) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP). Yang ini pula bertanggungjawab melantik pegawai yang akan mengisi jawatan majistret, hakim mahkamah rendah, timbalan pendakwa raya, peguam persekutuan dan juga penasihat undang-undang;

- (iv) Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) yang bertanggungjawab melantik anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia;
- (v) Majlis Angkatan Tentera ataupun MAT yang bertanggungjawab melantik pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia;
- (vi) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang bertanggungjawab melantik Pegawai Perkhidmatan Awam di negeri-negeri. Contohnya Pentadbiran Johor di negeri Johor, Selangor, Sabah dan juga Sarawak; dan
- (vii) pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab melantik pegawai dan kakitangan di agensi berkanun serta pihak berkuasa tempatan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Manakala bagi pemilihan opsyen oleh penjawat awam sama ada skim pencen ataupun skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia nya hanya boleh dibuat setelah pegawai memenuhi kesemua syarat sah dalam perkhidmatan seperti:

- (i) memenuhi tempoh percubaan antara satu hingga tiga tahun;
- (ii) menghadiri Program Transformasi Minda (PTM);
- (iii) lulus peperiksaan perkhidmatan awam dan atau jabatan; dan
- (iv) diperakui oleh ketua jabatan.

Jadi hal ini, bermula pada 1 Februari 2024, tahun lepas, pengambilan pegawai baharu telah dibuat secara Lantikan Kontrak Interim (LKI) dan dilaksanakan oleh SPA, SPP serta juga pihak berkuasa melantik yang lain secara berperingkat. Pegawai perkhidmatan awam yang dilantik selepas tarikh ini tidak mempunyai opsyen untuk memilih skim pencen. Walau bagaimanapun, skim perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan polis adalah dikecualikan daripada urusan lantikan kontrak interim ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, data daripada SPA sehingga 31 Oktober 2025 menunjukkan seramai 2,361 orang pegawai yang dilantik sebelum kuat kuasa lantikan kontrak interim telah pun memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan dan layak untuk opsyen sama ada skim pencen mahupun skim KWSP. Daripada jumlah ini, 1,997 orang telah pun memilih skim pencen, yakni 84 peratus lebih kurang dan 364 orang, selebihnya memilih skim KWSP. Terakhir untuk tahun 2024 hingga Jun 2025, seramai 18,881 orang penjawat awam telah pun dilantik oleh SPA. Terima kasih.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Kita tahu yang EPF kita ini lebih baik daripada banyak negara termasuk CPF. Di Singapore sendiri pun, kita punya kadar lebih tinggi. Cuma bagi penjawat awam yang telah membuat pilihan opsyen mungkin lima ataupun 10 tahun yang lalu dia pilih opsyen pencen, tapi sekarang ini dia tahu bahawa EPF lebih baik. Adakah masih dibenarkan?

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Baik. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, untuk soalan itu, yang telah memilih opsyen skim pencen tidak dibenarkan untuk membuat opsyen semula ke skim KWSP. Pemilihan yang dibuat, sebenarnya telah pun kita anggap sebagai teratur dan muktamad dan pegawai telah pun mempunyai masa yang secukupnya untuk membuat pilihan. Jadi, memandangkan pemberian taraf berpencen diberikan kepada pegawai yang menolak skim KWSP serta telah berkhidmat genap tempoh selama tidak kurang tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasuki, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Soalan tambahan.

Datuk Edward Linggu Bukut: Terima kasih Dato Speaker. Sekadar terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dan sekadar menyuarakan satu soalan tambahan iaitu apakah jaminan kerajaan bahawa penjawat awam yang baharu khususnya di Sabah yang memilih untuk mengambil KWSP terus tetap menikmati perlindungan kebajikan setara dengan skim pencen khususnya melibatkan persaraan, kesihatan dan kos sara hidup yang lebih. Terima kasih, ya.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya telah juga digariskan ya, sama ada mereka memilih untuk opsyen berpencen mahupun KWSP. Masing-masing daripada skim ini mereka ada orang kata dia punya, dia punya masing-masing punya keberuntunganlah ataupun mempunyai, apa ini, *masya-Allah...*

Seorang Ahli: Kelebihan, kelebihan.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Kelebihan. Ya, kelebihan masing-masing. Terima kasih. Tiba-tiba hilang pula ya perkataan tersebut. Kelebihan masing-masing.

Jadi, bagi saya, mereka seperti yang saya sebut di awalnya, mereka mempunyai masa yang cukup untuk mereka memikirkan apa yang terbaik bagi mereka masing-masing. Jadi, saya kira cumanya untuk mereka yang baru masuk ini, dia akan dimasukkan dalam skim yang barulah iaitu lantikan interim itu tadi, ya. Selepas daripada ini, kita akan, dia akan terus diseraplah dengan sistem SSPA yang telah diperkenalkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dato' Prof. Emeritus, pembahas yang terakhir ya.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Ya. Terima kasih Dato Speaker. Berkaitan dengan pengambilan bagi tahun 2025, antara perkara yang ingin saya timbulkan ialah tentang pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik khususnya bagi tahun 2024. Dan sudah tentu pengambilan ini sering ditimbulkan sepertimana yang mencerminkan wajah Malaysia maksudnya kepelbagaian dan sebagainya. Dan bagaimana kecenderungan bagi kategori ini dari segi pemilihan antara KWSP dengan skim persaraan? Terima kasih.

■1030

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi untuk pegawai diplomatik (PTD) ya: Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, SPA telah pun melantik Kadet PTD Gred M9 seramai 120 orang bagi tahun 2024 dan 165 orang pula dilantik pada tahun ini.

Dalam lantikan ini sudah tentunya dia ada pelbagai kaum yang terdiri daripada semua warganegara Malaysia dan mereka mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam perkhidmatan ini. Proses persaingan ini saya kira adalah satu proses persaingan yang memang adil tanpa kita mengira apa-apa sahaja latar belakang kaum.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, data statistik yang kita ada kalau mengikut kaum Yang Berhormat, bagi tahun 2024 kita ada 120 orang yang telah dilantik dan di antara mereka yang ramainya orang Melayu dan ada juga daripada kaum Cina satu orang, tiga orang daripada kaum India, tujuh orang calon bumiputera Sabah dan empat orang pula adalah calon bumiputera Sarawak dan satu orang calon daripada lain-lain kaum.

Bagi tahun 2025 pula, kita ada 165 orang yang ini dilantik, yang terdiri daripada juga ramainya kita daripada kaum Melayu iaitu 139 orang, enam orang pula adalah calon kaum Cina, empat orang India, sembilan orang bumiputera Sabah, dua orang calon bumiputera Sarawak dan lima orang calon daripada lain-lain kaum.

Jadi, cuma yang kita tak jumpa lagi ialah daripada orang asli tetapi setakat ini, hanya kita ada untuk tahun 2024 dan 2025 ini kurang daripada 0.1 peratus orang asli. Jadi, yang ini SPA sedang ada satu inisiatif untuk mendorong sebenarnya belia orang asli untuk bersama-sama dalam perkhidmatan khususnya dalam skim PTD ini. Jadi, sudah tentu kalau berkait dengan skim KWSP dan juga pencen ini tertakluk kepada perkara yang sama Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dato Yang di-Pertua, mohon penjelasan soalan saya nombor 4. Terima kasih.

4. Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, sama ada dapatan kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang menyimpulkan tiada pelanggaran undang-undang persaingan telah mengambil kira kemungkinan wujudnya penguasaan pasaran oleh segelintir syarikat besar dalam industri beras yang berpotensi membentuk struktur seperti kartel, serta apakah tindakan susulan yang dirancang?

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bidang kuasa kementerian ini terhadap industri padi dan beras adalah berpandukan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 atau juga dikenali sebagai Akta 522. Manakala entiti yang diberikan kuasa serta peranan untuk menyiasat kewujudan kartel adalah di bawah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Berhubung dakwaan mengenai kewujudan kartel di dalam industri padi dan beras, satu kajian am ke atas industri padi dan beras telah dijalankan oleh MyCC pada tahun 2024. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara, Bilangan 2, Tahun 2024 pada 17 Disember 2024. Berdasarkan kajian tersebut, pihak MyCC tidak menemui sebarang amalan anti-persaingan atau apa-apa isu yang bertentangan dengan peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010. Sehubungan dengan itu, dakwaan mengatakan bahawa kemungkinan wujudnya penguasaan pasaran oleh segelintir syarikat besar dalam industri beras yang berpotensi membentuk struktur seperti kartel adalah tidak berasas.

Dalam mengorak langkah ke hadapan, kementerian sedang melaksanakan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak bulan Oktober 2024, yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkukuh kebajikan pesawah serta menjamin bekalan beras negara. Antara agenda utama yang sedang dilaksanakan di bawah reformasi padi dan beras adalah untuk menekankan keperluan untuk menilai kerangka perundangan sedia ada agar kekal relevan dan berkesan dalam mengawal selia industri padi dan beras.

Penilaian ini penting sebagai respons kepada pelbagai isu yang membelenggu industri sejak kebelakangan ini, termasuk ketidakseimbangan dalam ekosistem industri, dakwaan mengenai manipulasi bekalan melalui aktiviti percampuran beras dan lain-lain. Dapatan dan

syor MyCC turut diambil kira demi mewujudkan persekitaran yang adil di sepanjang rantaian nilai industri padi dan beras. Adalah diharapkan segala usaha yang sedang dilaksanakan akan mendapat sokongan daripada semua pihak untuk kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara. Sekian dan terima kasih.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Dato Yang di-Pertua, mohon penjelasan soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan daripada soalan nombor 4 tadi.

Untuk soalan tambahan saya, bolehkah pihak kementerian jelaskan sama ada pasaran benih padi kini yang dikuasai oleh segelintir pemain sahaja. Jika ya, jika benar, apakah mekanisme ataupun cadangan untuk membuka pasaran ini supaya ia lebih kompetitif dan tidak membebankan pesawah? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya tekankan bahawa laporan daripada MyCC telah menemui bahawa tidak ada perwujudan kartel ataupun tidak ada sebarang aktiviti yang menunjukkan amalan anti-persaingan.

Tetapi pada masa yang sama, dalam negara ini kita mempunyai 52 syarikat dan di antara 52 syarikat itu mereka masing-masing telah mengeluarkan jenis dan juga jenama beras masing-masing tetapi semuanya mesti mematuhi kepada proses kawalan serta piawaian standard yang telah digariskan. Sebagai contoh yang pertama, di peringkat benih padi, mereka mesti mematuhi kepada Skim Pensijilan Benih Padi.

Di peringkat kedua pula, diproses dalam proses pengilangan dan penggredan serta pengeluaran beras, dia mesti tertakluk kepada piawaian kebangsaan di bawah Standard Malaysia dan SIRIM Berhad. Dan juga penilaian kualiti beras akan dijalankan iaitu ujian makmal yang bertauliah, termasuk makmal padi beras di bawah BERNAS yang diiktiraf oleh ISO. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Tiew Way Keng.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan yang ke-5.

5. Puan Tiew Way Keng minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk menjamin kualiti sayur-sayuran yang diimport dan bilangan kes yang dikompaun dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Makanan 1983.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Puan Tiew Way Keng. Saya akan menjawab juga bersekali dengan soalan Puan Senator yang mempunyai struktur soalan dan juga jawapan yang sama.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) menjalankan aktiviti berdasarkan mandat yang telah diberikan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi menguatkuasakan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan makanan termasuklah kawalan di pintu masuk.

Aktiviti kawalan keselamatan makanan di atas makanan import di pintu masuk negara termasuk sayur-sayuran adalah meliputi pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal, pemeriksaan label, pengambilan sampel dan penahanan di gudang pengimport. Pemantauan ke atas konsainan sayur yang diimport dijalankan melalui *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) yang menggunakan pendekatan enam tahap pemeriksaan berasaskan risiko.

Sayur-sayuran yang tidak memenuhi paras maksimum residu racun perosak yang dibenarkan di bawah Peraturan 41(3) Peraturan-peraturan Makanan 1985 akan dikenakan tindakan penguatkuasaan termasuklah arahan penarikan balik produk di seluruh negara, pelupusan, re-eksport dan pendakwaan kes. Tindakan tahan uji lepas akan dikenakan pada kemasukan konsainan yang seterusnya. Larangan pengimportan juga boleh dikenakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

■1040

Pelanggaran paras maksimum residu racun perosak di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 adalah kesalahan yang tidak boleh dikompaun. Berdasarkan data kumulatif dari tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 2.38 peratus pelanggaran residu racun perosak telah direkodkan bagi sayur-sayuran import.

Selain daripada itu, sebagai langkah tambahan dan berdasarkan data serta sejarah pelanggaran, bermula 3 Februari 2022, pengimportan cili segar dari Vietnam yang tidak disertakan dengan sijil analisis, *Certificate of Analysis* (COA) daripada makmal yang diluluskan akan ditolak pengimportannya. Penyelarasan ini juga dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Pertanian Malaysia di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sekian, terima kasih.

Puan Tiew Way Keng: Soalan tambahan. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Soalan saya adalah sejauh manakah kes-kes sebegini dibawa ke mahkamah dan seberapa cepat bagi pihak kementerian untuk membawa kes-kes sebegini ke mahkamah?

Soalan saya ditujukan adalah, berasaskan terdapat ada kes-kes sebelum ini apabila pihak kementerian hanya membawa kes ke mahkamah, selepas satu bulan, pihak yang kena saman telah hilang peluang untuk ambil sampel makanan, jalankan ujian makmal kali kedua. Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Berdasarkan maklumat yang ada kepada saya, sepanjang tempoh 2022 hingga 2024, kita mempunyai lebih kurang 49 pendakwaan dan juga beberapa tindakan seperti tarik balik sebanyak tujuh kes dan juga *re-export* sebanyak dua kes dan juga saya tidak mempunyai jawapan yang spesifik bagi tempoh proses pendakwaan tersebut. Walaupun demikian, kita juga bergantung kepada kemampuan teknikal makmal-makmal kita untuk menyemak kandungan residu bagi kandungan-kandungan... *[Tidak jelas]*

Dan juga, ia juga bergantung kepada analisis keputusan daripada makmal-makmal kita. Dan juga makmal-makmal kita bukan makmal di bawah Kementerian Kesihatan, kita juga mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Kimia untuk mendapatkan keputusan kerana setiap makmal-makmal ini mempunyai kemampuannya masing-masing.

Dan juga kita meletakkan tindakan ataupun kompaun sebanyak — tindakan sebanyak maksimum RM10,000 untuk kesalahan dan juga atau dua tahun penjara bagi kesalahan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah. Walaupun demikian, seperti apa yang ditanya oleh Puan Senator tadi, kita akan menyemak lagi dan juga memberikan jawapan secara bertulis berkenaan tentang *details*, *details* dengan izin, berkenaan tentang pendakwaan berkaitan dengan pengimportan sayur-sayuran ini. Terima kasih.

Puan Tiew Way Keng: Saya hanya nak minta untuk sekiranya ada jawapan bertulis, bagaimana pula dengan masalah apabila pihak yang kena saman atau kena dakwa itu hilang peluang untuk ambil sampel makanan, menjalankan ujian makmal bagi kali kedua. Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta Menteri Pendidikan menyatakan, perancangan untuk menjadikan Akademi Bahasa MADANI di Sekolah Berasrama Penuh sebagai jendela pemindahan ilmu, nilai dan budaya luhur daripada tamadun lain bagi peningkatan dan kemajuan tamadun negara ini, bukan sekadar sebagai pelajaran bahasa asing semata-mata.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang Sariyan berkenaan dengan Akademi Bahasa MADANI. Jawapan saya akan berlandaskan kepada Akademi Bahasa MADANI. Dalam soalan ada menyebut berkenaan Akademi Bahasa MADANI, sepatutnya “bahas”.

Dalam usaha membangunkan kepimpinan murid Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia optimis menyediakan peluang perdebatan melalui pelbagai platform. Salah satu platform adalah Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri yang memberi kepada murid di SBP untuk mengasah bakat masing-masing dan Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri ini pada tahun ini telah masuk ke tahun ke-50.

Dan dalam debat pertandingan bahas tersebut, KPM juga telah mengumumkan penubuhan Akademi Bahas MADANI yang bermatlamat melahirkan generasi pendebat ulung yang menyerlah di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan serta mampu menjadi penanda aras baharu dalam pembangunan bahas dan juga kepimpinan murid SBP selaras dengan agenda MADANI negara. Akademi Bahas MADANI bukan sekadar program kokurikulum, tetapi merupakan satu pelaburan jangka masa panjang dalam membentuk modal insan unggul yang mampu menjadi pemimpin berfikiran kritis, beretika dan berkepimpinan tinggi.

Akademi Bahas MADANI juga memfokuskan kepada aspek pembudayaan intelektual, pembangunan hujah rintis, kritis dan latihan berterusan bagi memastikan semua murid SBP mendapat peluang yang sama untuk dilatih secara menyeluruh. Justeru, generasi pembahas berupaya menyampaikan pandangan dengan keyakinan, kematangan dan menekankan nilai akhlak serta beradab dalam berhujah walaupun wujud perbezaan pandangan.

KPM mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kualiti perbahasan dengan memanfaatkan kepakaran alumni pembahas yang pernah terlibat dalam Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri di peringkat kebangsaan. Sinergi ini diwujudkan melalui penyediaan latihan komprehensif dan juga berstruktur kepada murid SBP. Akademi Bahas MADANI akan dilaksanakan kepada semua Sekolah Berasrama Penuh secara berperingkat mulai tahun 2026 dengan pelaksanaan pada peringkat pertama melibatkan 38 Sekolah Berasrama Penuh.

KPM turut menjalin kerjasama erat dengan institut pengajian tinggi serta Dewan Bahasa dan Pustaka demi memastikan Akademi Bahasa MADANI melaksanakan secara — dilaksanakan secara mantap, berkesan dan memberi impak meluas kepada murid di seluruh negara. Dan akademi ini berpotensi menjadi pusat rujukan serantau dalam bidang bahas, sekali gus mengangkat martabat pendidikan negara ke peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Dato Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana usaha mengangkat satu bentuk rekayasa pengucapan awam ataupun *public speaking*, dengan izin. Suatu keterampilan ini memang diperlukan oleh generasi muda bagi menjadi pemimpin pelapis dan juga penggerak dalam pembangunan pemikiran.

Soalan saya ialah adakah program ini dibataskan hanya pada 72 atau 75 buah Sekolah Berasrama Penuh? Dan saya harapkan KPM akan mengangkat program ini sebagai program menyeluruh termasuk sekolah harian. Ini suatu keterampilan yang sangat diperlukan. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator. Sememangnya bagi program Akademi Bahas MADANI ini telah pun diumumkan pada bulan Julai yang lepas semasa pertandingan akhir Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri Ke-50 yang mana juga dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri.

Dan idea ini tercetus dan kita hendak mulakan, apabila — kita mulakan dengan Sekolah Berasrama Penuh dulu. Tadi saya sebut untuk peringkat pertama, 38 sekolah, tetapi pada peringkat ini, sebelum kita melangkau masuk ke tahun 2026, kita akan mulakan dengan empat sekolah di empat zon terlebih dahulu yang mana sekolah-sekolah tersebut memang sudah mempunyai satu struktur ataupun satu ekosistem bahas yang begitu baik dan seterusnya, ia akan diperluaskan kepada 38 SBP dan selepas itu 72.

Dan sudah tentu selepas kita melaksanakan program ini — berjaya melaksanakan program ini di peringkat SBP, sudah tentu akademi ini boleh diperluaskan kepada sekolah-sekolah harian. Namun demikian, sebelum ia diperluaskan pun, saya percaya bahawa di sekolah-sekolah harian yang kita ada ini, sememangnya ekosistem ataupun budaya perbahasan ini telah pun wujud. Tetapi, apa yang kita hendak adalah untuk menstrukturkan dengan lebih tersusun berkenaan dengan budaya dan juga latihan dari segi perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Azahar bin Hassan: Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, berkaitan dengan banyak program-program Kementerian Pendidikan yang menggunakan kata kunci MADANI. Cuma saya nak tahu di pihak Menteri, apakah banyak — berapa program yang menggunakan perkataan-perkataan “MADANI”? Contohnya seperti Program Gotong-royong MADANI, Program Duta MADANI dan banyak lagi: semua menggunakan perkataan “MADANI”. Nak tanya di sini, berapakah program-program yang telah menggunakan nama perkataan “MADANI” ni sekarang? Terima kasih.

■1050

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Azahar atas soalan yang diajukan. Dengan izin daripada Yang Berhormat Dato Speaker, sememangnya aspirasi Malaysia MADANI merupakan hala tuju dan juga merupakan penanda aras bagi negara kita untuk maju ke hadapan. Kita mempunyai teras-teras berkenaan dengan aspirasi MADANI ini

dan kita percaya bahawa sememangnya ia merupakan satu aspirasi yang penting untuk kita memupuk nilai MADANI mula daripada anak-anak kita dan dari situlah kita juga menerapkan nilai MADANI dalam satu pentadbiran yang bersih, yang telus, yang mampu membawa negara ke hadapan.

Seperti Yang Berhormat Senator Azahar sedia maklum, kita ada program-program khasnya selain daripada Program Gotong Royong MADANI, kita juga ada program pembinaan karakter melalui Program Generasi MADANI yang dibawa dan juga dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program Generasi MADANI ini adalah penting untuk membina akhlak dan juga karakter anak-anak kita untuk memastikan anak-anak kita bukan sahaja kuat dan juga cemerlang dari segi akademik, kokurikulum tetapi kita hendak membina satu akhlak, satu karakter yang kuat dan satu karakter yang mampu untuk menjadi pimpinan negara pada masa hadapan.

Pihak KPM dan juga Kerajaan MADANI mengajak supaya kesemua wakil rakyat yang ada dalam Dewan ini, biarpun di Dewan Rakyat, kita bersama-sama mengangkat aspirasi MADANI sebagai satu hala tuju dan juga aspirasi yang penting bagi negara kita untuk maju ke hadapan. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Datuk Nelson.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. Datuk Nelson W Angang minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, sejauh manakah kerajaan telah bersedia untuk menghadapi kemungkinan keputusan Amerika Syarikat yang mungkin tidak menguntungkan Malaysia berkenaan pengecualian tarif dan apakah strategi yang ada untuk melindungi sektor semikonduktor dan farmaseutikal.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Nelson Angang.

Dato Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dimaklumkan, kadar baru tarif timbal balas Amerika Syarikat ke atas Malaysia adalah pada kadar 19 peratus. Selain daripada tarif timbal balas yang telah diumumkan, terdapat juga tarif khusus untuk produk-produk tertentu seperti keluli dan aluminium sebanyak 50 peratus sejak bulan Mac, tembaga dan produk derivatif tembaga, *copper and copper derivative* sebanyak 50 peratus sejak bulan Ogos dan automotif dan alat ganti automotif sebanyak 25 peratus.

Manakala, bagi produk semikonduktor dan farmaseutikal yang dikecualikan buat setakat ini, Kerajaan Amerika Syarikat sedang menjalankan siasatan di bawah seksyen 232, Akta Perluasan Perdagangan 1962 di mana tarif khusus kepada produk-produk berkenaan

mungkin dikenakan oleh Amerika Syarikat. Pada 15 Ogos 2025, Presiden Trump telah memberi bayangan bahawa produk semikonduktor dan farmaseutikal boleh dikenakan tarif tambahan. Keputusan siasatan ini dijangka akan diumumkan sebelum bulan Disember 2025.

Eksport farmaseutikal ke Amerika Syarikat pada tahun 2024 adalah RM3.04 bilion dan import farmaseutikal dari Amerika Syarikat adalah sebanyak RM11.77 bilion iaitu 3.8 kali lebih banyak berbanding eksport. Bermakna import farmaseutikal 3.8 kali lebih banyak daripada eksport. Oleh kerana jumlah eksport farmaseutikal ke Amerika Syarikat sangat kecil, saya akan menumpukan jawapan saya pada sektor semikonduktor.

Eksport semikonduktor ke Amerika Syarikat bernilai kira-kira RM56.2 bilion, mewakili sekitar 14.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport semikonduktor Malaysia. Limpahan manfaat industri E&E dan semikonduktor turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor-sektor seperti automotif, peralatan perubatan, tenaga boleh diperbaharui, digital dan aeroangkasa di Malaysia. Kerajaan melalui MITI mengambil pendekatan yang menyeluruh, merangkumi diplomasi perdagangan, mempelbagaian dan peluasan pasaran eksport, serta pengukuhan daya saing syarikat tempatan agar industri tempatan kekal berdaya tahan.

Walaupun tarif Amerika Syarikat akan memberi kesan kepada industri Malaysia, memandangkan pasaran Amerika Syarikat merupakan pasaran pengguna terbesar di dunia terdapat beberapa faktor lain yang perlu diberikan perhatian. Satu, banyak rantai bekalan semikonduktor berada di Jepun, Korea Selatan, China, India, Taiwan dan Asia Tenggara. Dan, syarikat-syarikat Malaysia merupakan sebahagian daripada rantai bekalan, bukan Amerika Syarikat sahaja.

Faktor kedua, sebelum ini Malaysia menumpukan kepada usaha mempromosikan integrasi menegak atau *vertical integration*, syarikat semikonduktor multinasional di Malaysia yang menghasilkan produk untuk pasaran luar negara tanpa banyak integrasi mendatar atau *horizontal integration* dengan sektor lain di Malaysia. Kini Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) berhasrat untuk memastikan keupayaan industri semikonduktor di Malaysia dapat diintegrasikan dengan sektor automotif, pertahanan, peranti perubatan, pertanian, pusat data dan sektor-sektor lain. Strategi *integration* mendatar ini akan menjadi kunci untuk mewujudkan teknologi baru Malaysia.

Faktor ketiga ialah Malaysia adalah kuasa pertengahan yang sangat penting, *indispensable middle* dalam rangkaian bekalan semikonduktor global. Kita akan terus membekalkan kepada negara-negara maju, tetapi pada masa yang sama Malaysia bercita-cita untuk membangunkan teknologi pertengahan dan bekerjasama dengan negara-negara *Global South* di Asia, Afrika dan Amerika Selatan untuk membangunkan pasaran baru.

Pada masa yang sama, MITI semasa rundingan perjanjian perdagangan timbal balas telah memberi penjelasan kepada Amerika Syarikat bahawa eksport Malaysia saling melengkapi rantai bekalan dan membincangkan pertimbangan Amerika Syarikat untuk memberikan pengecualian kepada produk Malaysia yang tidak dihasilkan atau dikeluarkan di Amerika Syarikat.

MITI juga bekerjasama dengan badan industri utama seperti Dewan Peniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM) atau, dan *US-ASEAN Business Council* untuk memastikan tindakan responsif serta maklum balas lapangan sentiasa dapat disalurkan dengan berkesan. Kita juga sentiasa mengadakan libat urus dengan pelabur Amerika Syarikat di Malaysia, badan pemikir dan pemegang taruh lain yang berkaitan. Terima kasih.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah atau adakah langkah-langkah baru atau tawaran atau usaha yang diambil atau dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk memastikan keyakinan terhadap pemain dan pelabur industri semikonduktor di Malaysia tidak terkesan atau mereka kekal perniagaan mereka di Malaysia akibat ketidaktentuan tarif oleh Amerika Syarikat?

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Nelson. Seperti apa yang saya katakan tadi, *National Semiconductor Strategy* (NSS) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei tahun lepas memastikan supaya pelaburan dalam sektor semikonduktor bukan sahaja dari pelabur asing tetapi juga dari pelabur tempatan dan kita berhasrat untuk mewujudkan rantai bekalan yang lebih kukuh, lebih berdaya tahan bersama dengan pelabur asing yang telah berada di Malaysia dan juga pelabur tempatan.

Satu faktor lagi ialah kita telah bergerak daripada era *just-in-time*. Kita dalam era *just in case*, di mana syarikat-syarikat antarabangsa berhasrat untuk ada beberapa *supply chain* dan rantai bekalan dan bukan sahaja semasa dulu, mereka hanya ada satu rantai bekalan. Dalam konteks yang baru, Malaysia bersama dengan Singapura dan Vietnam adalah rantai bekalan yang sangat menarik untuk pelabur asing dan juga pelabur tempatan. Dan, kita harap dengan strategi NSS, kita boleh mewujudkan rantai bekalan semikonduktor yang sangat kukuh dan berdaya tahan. Terima kasih.

Datuk Edward Linggu Bukut: Dato Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Semikonduktor sudah disoal oleh orang Sabah, bagi...

Datuk Edward Linggu Bukut: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada. Saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan sempadan Kelantan-Thailand, khususnya di sepanjang Sungai Golok yang mempunyai banyak laluan haram, sedangkan pintu masuk rasmi di Kelantan melalui ICQS Rantau Panjang, Bukit Bunga dan Pengkalan Kubor masih tidak dilengkapi mesin pengimbas kargo dan kenderaan.

■1100

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: *Bismillahirrahmanirrahim.* Dato Yang di-Pertua, Yang Berhormat, KDN melalui Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia terlibat langsung dalam penugasan kawalan sempadan Malaysia-Thai, khususnya di sepanjang Sungai Golok dan telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif antaranya ialah memperkukuh operasi penguasaan.

Op Wawasan Kelantan merupakan operasi penguatkuasaan sempadan yang dilaksana secara berterusan di kawasan tanggungjawab PDRM yang meliputi kawasan sempadan Malaysia-Thai di negeri Kelantan termasuk kawasan Sungai Golok.

Op Wawasan Kelantan merupakan operasi bersepadu yang melibatkan penugasan pegawai-pegawai daripada Briged Tenggara PGA PDRM, Pasukan Polis Marin, PDRM dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Kalau kita lihat berdasarkan statistik keberhasilan operasi PGA PDRM di kawasan sempadan Sungai Golok Yang Berhormat, pada tahun 2022 sehingga 31 Julai tahun ini, kita telah merekodkan sebanyak 6,416 kes dan 6,865 tangkapan dengan nilai rampasan RM518,850,850.67, saya bagi *detailed, ni lah* hasil dia.

Kita juga menggunakan teknologi terkini berasaskan *artificial intelligence* dan analitik data. KDN sedang membangunkan Sistem Kawalan Sempadan Negara (SKSN) yang dilengkapi dengan sistem pengawasan terkini berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan analitik data bagi membolehkan operasi dilaksanakan tanpa pengawasan, penyebaran maklumat secara pantas dengan masa sebenar, *real time* dan pengawasan sepanjang masa secara berterusan dalam melindungi sempadan darat dan maritim Malaysia untuk keamanan sebagaimana diharapkan oleh rakyat.

Untuk makluman PGA PDRM juga dalam proses kelulusan untuk perolehan aset-aset berteknologi tinggi, termasuk dron, radar dan sebagainya. Kita juga membuat pemantauan kerjasama serantau dengan negara-negara lain melalui Majlis Keselamatan Negara dan banyak platform kita, mesyuarat-mesyuarat antaranya Jawatankuasa Peringkat Tertinggi, Jawatankuasa Persempadanan Serantau, *Boarder Management Working Group* yang membincangkan berhubung isu pembangunan sempadan dan banyak lagi termasuk

intelligence working group yang bertanggungjawab dalam perkongsian maklumat dan pelbagai jawatankuasa di peringkat serantau. Kita juga memantapkan pembangunan pengimbas kargo di ICQS.

Dato Yang di-Pertua, saya tambah sedikit. Ada maklumat sedikit lagi. Untuk ini, dalam kita memantapkan aset pengimbasan kargo di ICQS, urusan pemeriksaan barangan pengembara di Rantau Panjang telah dilengkapi dengan dua unit mesin penimbang berteknologi AI di laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan penumpang mulai Februari tahun ini. Penggunaan mesin pengimbas ini telah membantu pegawai-pegawai AKPS kita di lapangan dalam melaksanakan urusan pemeriksaan barangan dengan lebih cekap dan berkesan terutama bagi mengesan penyeludupan barangan terlarang dan termasuk dadah.

Untuk penggunaan mesin pengimbas kargo, sebagaimana yang dibangkitkan di dalam soalan tadi, ICQS Rantau Panjang tidak mempunyai kemudahan pemeriksaan ini memandangkan infra sedia ada tidak mampu untuk menampung penempatan kemudahan tersebut. Pemeriksaan barangan import dan eksport di pintu masuk berkenaan pada masa ini, kita hanya laksana melalui pemeriksaan fizikal oleh pegawai-pegawai AKPS.

Sebagai langkah tambahan, cadangan perolehan untuk *cargo scanner* ini telah kita masukkan dalam permohonan bajet kementerian pada tahun hadapan. Selain daripada itu, KDN turut memastikan cadangan penempatan kemudahan pemeriksaan laluan mesin pengimbas kargo dimasukkan dalam perancang pembangunan semula SUKS yang akan di laksana secara berfasa bermula dengan pengambilan tanah dengan kos sebanyak RM65.4 juta.

AKPS inilah agensi yang mengurus, mengawal sempadan pintu masuk negara, termasuk pelabuhan dan sebagainya. Sebab itu dalam urusan menjaga sempadan negara, kita kombinasi dengan pelbagai agensi untuk pastikan sempadan kita sentiasa terpelihara. Terima kasih.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan untuk menutup atau mengawal lorong-lorong tikus dengan lebih ketat? Dan bagaimana kerajaan memastikan integriti ataupun ketelusan anggota penguat kuasa di sempadan supaya tidak berlaku kompromi dengan sindiket penyeludupan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Dato Yang di-Pertua, kalau boleh saya kongsi sedikit data, kebetulan ada di tangan saya ini. Kalau ikut statistik tangkapan dan nilai rampasan oleh Pasukan Gerak Am PDRM di kawasan Sungai Golok, sepanjang 2022 sehingga 31 Julai. Kita telah dapat merampas sebanyak barang-barangan seperti rokok,

barangan bersubsidi yang dibawa keluar dan lain-lain. Nilai rampasan sebagaimana saya sebutkan tadi, bernilai 518 juta, lebih kurang.

Dalam keadaan yang sama, kita juga mengawal kerana jumlah pos keselamatan sempadan kita ada 33 pos, kekuatan petugas kita ialah 339 orang. Ini langkah jangka pendek yang kita buat. Malah kita juga mengawal dan mengetahui bilangan jeti-jeti haram sepanjang Sungai Golok. Kita lebih kurang 128 lokasi jeti dan pangkalan haram di kawasan tanggungjawab yang kita sentiasa pantau, termasuklah bilangan lorong-lorong tikus yang kita kenal pasti.

Dari segi perancangan jangka panjang yang kita sedang lakukan, saya dah jawab tadi, memang ada dalam rancangan kita untuk menambah baik dan membaiki infrastruktur di ICQS dan sebagainya. Dan tentunya bagi memelihara soal-soal yang berkaitan dengan integriti, kita sentiasa memberi latihan berterusan kepada anggota penguat kuasa kita, meningkatkan etika kerja, nilai integriti, anti rasuah dan sebagainya.

Kita sentiasa melaksanakan siasatan dalaman, kita pantau melalui Unit Khas Jabatan Integriti Pematuhan Standard kita di bawah PDRM. Kita lihat sentiasa gaya hidup pegawai-pegawai kita dari segi pemilikan aset dan sebagainya, juga respons pada setiap daripada aduan awam dan banyak lagi perkara-perkara lain termasuk kerjasama dengan SPRM. Kita gunakan teknologi CCTV, kamera badan dan sebagainya. Dan yang penting, kita sentiasa peka dan meningkatkan keupayaan kita untuk pastikan sempadan kita sentiasa dipelihara dan memperkukuhkan keupayaan kita dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pegawai-pegawai kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Senator Puan Norhasmimi.

Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan nombor 9.

9. Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengawal kadar premium takaful agar tidak membebankan rakyat, khususnya keluarga berpendapatan rendah dan mereka yang bekerja sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Peningkatan tuntutan insurans dan takaful perubatan dan kesihatan atau dengan izin, *Medical and Health Insurance and Takaful* (MHIT) akibat inflasi kos perubatan didorong oleh pelbagai faktor. Ini termasuk peningkatan penyakit tidak berjangkit, kos penggunaan teknologi perubatan terkini serta kos penyediaan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan yang kurang terkawal.

Pada Disember 2024, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan langkah-langkah interim untuk membantu pemegang polisi termasuk keluarga berpendapatan rendah dan mereka yang bekerja sendiri yang mengalami peningkatan tinggi pada premium produk MHIT. Langkah-langkah interim ini telah diperkenalkan bagi mengurangkan kesan kewangan terhadap pemegang polisi pada masa ini serta memastikan perlindungan MHIT yang berterusan.

Data terkini menunjukkan bahawa lebih daripada 90 peratus polisi yang dilaraskan mengalami peningkatan premium yang kurang daripada 10 peratus pada tahun pertama. Walau bagaimanapun, cabaran kos inflasi perubatan adalah kompleks dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak atau *whole of nation approach*, dengan izin.

Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta dalam usaha menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta dan inflasi perubatan. Jawatankuasa ini menjadi platform utama untuk memantau pelaksanaan kerangka RESET yang merangkumi lima teras strategik seperti berikut:

- (i) menyusun semula produk MHIT yang menyediakan liputan asas yang mampu milik;
- (ii) meningkatkan ketelusan harga bagi ubat, prosedur perubatan dan perkhidmatan hospital;
- (iii) memperkukuh ekosistem digital kesihatan termasuk pembangunan platform rekod perubatan elektronik yang lebih menyeluruh dan efisien;
- (iv) meluaskan pilihan kos efektif serta menggalakkan pengembangan hospital bukan berasaskan keuntungan; dan

■1110

- (v) mengubah *mechanism* pembayaran penyedia perkhidmatan kesihatan dengan model berasaskan Diagnosis-Related Group atau DRG yang menyokong penjagaan berorientasikan nilai.

Buat masa ini, kerajaan dengan pihak berkepentingan sedang membangunkan produk asas MHIT. Produk ini bertujuan untuk memastikan perlindungan kesihatan asas yang mencukupi dan mampu milik demi menyokong sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berasaskan nilai, dengan izin, *value based health*. Pembangunan konsep produk asas MHIT disasarkan untuk dimuktamadkan pada hujung tahun ini dengan pelaksanaan penuh dijangka pada hujung 2026.

Di samping itu, bagi menggalakkan langkah pertama pembelian insurans dalam kalangan individu berpendapatan rendah, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan skim Perlindungan Tenang. Skim ini mempunyai ciri-ciri seperti harga mampu milik iaitu serendah RM50 setahun.

Akses mudah secara dalam talian serta pelan yang sesuai dengan keperluan risiko termasuk elaun kemasukan ke hospital dan pampasan bagi kematian akibat kemalangan. Sepanjang tahun 2024, terdapat lebih 530,000 langganan produk mikro insurans dan mikro takaful di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang. Sekian, terima kasih.

Dato' Wu Him Ven: *[Bangun]*

Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani: Terima kasih Timbalan Menteri yang memberi pencerahan sebentar tadi. Seperti yang kita maklum di luar sana, ramai golongan B40 yang masih belum lagi mempunyai perlindungan insurans dan takaful asas sedangkan merekalah yang paling terdedah kepada risiko kewangan jika berlaku musibah.

Soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk memperluaskan perlindungan sosial kepada golongan B40 tadi? Termasuk dengan peruntukan semula ataupun menambah baik program Baucar Perlindungan Tenang? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan melalui Bank Negara serta syarikat insurans dan pengendali takaful telah melancarkan program Baucar Perlindungan Tenang atau PTV 3.0. Satu insentif strategik untuk memperkukuh perlindungan sosial bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Ini dilancarkan sejak 1 September beberapa hari yang lalu, baucar bernilai RM30 tersedia kepada 2 juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah atau STR yang layak. Setiap penerima boleh menggunakan bantuan kewangan ini untuk menampung sebahagian kos pembelian produk asas insurans dan takaful termasuk takaful keluarga, insurans hayat dan insurans am yang ditawarkan oleh pengendali insurans dan takaful berlesen yang mengambil bahagian dalam program PTV 3.0. Setakat ini terdapat 10 produk Perlindungan Tenang (PT) yang ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful.

Seperti yang saya nyatakan tadi, lebih daripada 530,000 langganan produk mikro insurans dan mikro takaful di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang sepanjang tahun 2024. Produk ini memberi perlindungan asas terhadap risiko utama seperti kematian, kemalangan dan musibah lain. Sejak pelancaran dokumen dasar PT pada tahun 2017, kadar pengambilan PT menunjukkan peningkatan yang positif. Jumlah langganan secara keseluruhan telah mencecah 4.9 juta, iaitu dianggarkan 49 kali ganda berbanding kadar pengambilan sejak rangka kerja ini mula diperkenalkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Wu Him Ven: Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira bahawa kos penjagaan kesihatan di negara ini terus meningkat dari tahun ke tahun. Sementara kadar liputan insurans kesihatan swasta masih rendah khususnya dalam kalangan isi rumah B40 dan pekerja sektor tidak formal serta hospital, kerajaan kini menanggung beban pesakit yang semakin tinggi akibat keterbatasan kemampuan rakyat untuk menampung kos rawatan di sektor swasta.

Maka, adakah kerajaan bersedia untuk memperkenalkan satu skim insurans kesihatan nasional yang lebih inklusif dan menyeluruh yang bukan sahaja dapat meluaskan akses rakyat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti pada kos mampu milik, malah terus memastikan golongan rentan, warga emas dan mereka yang tidak mempunyai perlindungan insurans mendapat manfaat daripada perlindungan kesihatan asas.?

Seperti yang kata sedia maklum, ada beberapa negara seperti UK dan Jepun termasuk negara jiran kita mengambil pendekatan skim insurans kesihatan nasional. Adakah kerajaan akan mengikuti langkah yang sama selaras dengan aspirasi kerajaan menuju ke arah sistem kesihatan awam yang lebih mampan dan meningkatkan keadilan sosial? Sekian.

Puan Lim Hui Ying: Yes, terima kasih. Ini adalah satu topik yang ramai rakyat memang tanya-tanya. Jadi, pada setakat ini, kerajaan dengan rundingan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan utama sedang membangunkan produk asas MHIT sejagat yang lebih inklusif. Pada masa ini, produk asas MHIT tidak bertujuan untuk menjadi insurans kesihatan nasional. Tidak, atau sosial yang mandatori.

Namun begitu, produk asas ini berpotensi untuk dijadikan sebagai tanda aras kepada pelaksanaan skim insurans kesihatan nasional sekiranya diperkenalkan pada masa hadapan. Produk asas MHIT ini digariskan untuk mencapai tiga objektif utama:

- (i) untuk memberi akses yang meluas kepada rakyat Malaysia;
- (ii) untuk menyalurkan peruntukan pembiayaan penjagaan kesihatan swasta secara lebih cekap dan berkesan; dan
- (iii) mencetus kemajuan ke arah pencapaian hasil kesihatan berasaskan nilai.

Jadi, buat masa ini kita masuk dalam sesi libat urus bersama dengan pihak-pihak berkepentingan utama dengan secara giat dijalankan, memastikan semua pandangan berkenaan dengan ciri-ciri reka bentuk produk ini diambil kira.

Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat Senator dan Dato Yang di-Pertua, struktur dan reka bentuk produk ini masih belum dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Amir.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

10. Tuan Amir bin Md Ghazali minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, inisiatif yang digariskan dalam RMK13 untuk memperkasakan wanita dalam bidang ekonomi dan kepimpinan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, menerusi kerangka Ekonomi MADANI meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 60 peratus telah dijadikan salah satu sasaran sebagai salah satu strategi untuk menaikkan siling dari sudut ekonomi serta menaikkan lantai dari sudut sosial.

Selaras dengan kerangka tersebut, Dasar Wanita Negara ataupun DWN 2025–2030 memberi tumpuan kepada empat bidang keutamaan iaitu ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan dengan memberi pendekatan yang lebih fokus dan bersasar. Kesemua ini telah diterjemah menerusi inisiatif berkaitan pekerjaan, latihan dan sokongan sosial yang telah dilakarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas, antara inisiatif yang digariskan dalam RMK13 untuk memperkasa wanita termasuklah:

- (i) sasaran kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 60 peratus sebagai matlamat kebangsaan. Ini adalah sasaran utama yang mempengaruhi banyak inisiatif berkaitan pekerjaan, latihan dan sokongan sosial;
- (ii) pengembangan ekosistem penjagaan sebagai intervensi langsung untuk mengurangkan halangan penjagaan yang mengekang penyertaan ekonomi wanita;
- (iii) sokongan kewangan dan ekosistem keusahawanan termasuk usahawan wanita; dan
- (iv) insentif kepada majikan dan intervensi pasaran buruh yang turut meliputi galakan ibu untuk kembali bekerja.

Inisiatif ini adalah selari dengan fokus Dasar Wanita Negara dalam memperkasa wanita dalam bidang ekonomi dan kepimpinan iaitu pertama, pengarusperdanaan perspektif gender yang dipaksakan dalam perancangan dasar dan bajet dan dipantau menerusi audit gender yang diperkenalkan bagi program dan projek berimpak tinggi untuk memastikan kesaksamaan akses dan penyertaan aktif wanita.

Kedua, penyertaan wanita dalam kepimpinan dengan mempergiatkan pelaksanaan kuota 30 peratus penyertaan wanita dalam jawatan pembuat keputusan di semua peringkat serta meningkatkan program kepimpinan wanita secara berterusan. Wanita kembali ke pasaran kerja antaranya menerusi pelaksanaan dasar berkaitan aturan kerja fleksibel, memperluaskan penyediaan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti dan mengiktiraf syarikat swasta yang menggalakkan serta mengekalkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Inisiatif-inisiatif pemerkasaan wanita yang digariskan dalam RMK13 serta Dasar Wanita Negara 2025 ke 2030 adalah satu misi yang boleh direalisasikan. KPWKM boleh menyediakan laluan dan membina ekosistem untuk memperkukuhkan peranan wanita sebagai pemacu pembangunan negara, tetapi pada masa yang sama ia memerlukan sokongan, penyertaan dan juga kerjasama sepenuhnya oleh semua pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang baik. Soalan tambahan, apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam usaha meningkatkan kepimpinan wanita bukan sahaja dalam pembuat keputusan di dalam organisasi, tetapi juga politik. Dan juga apakah sasaran 30 peratus itu belum tercapai ataupun akan ditingkatkan lagi peranan wanita di dalam sektor awam dan sektor swasta? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS). Ini adalah satu program terkini bagi kita kerana ia meliputi semua jenis kepimpinan.

Ia dimulakan pada tahun 2024 di mana Program PERANTIS diperkenalkan sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran antara tokoh wanita yang memerlukan bimbingan selain mengukuhkan jaringan kerjasama di kalangan pemimpin atau bakal wanita merangkumi sepuluh bidang keutamaan iaitu kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan. Ini yang kita cuba promosikan.

Kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 dapat dilihat apabila seramai 1,247 orang peserta PERANTIS telah dibimbing oleh 25 tokoh dalam sepuluh bidang yang terpilih seperti yang dinyatakan. Oleh itu, program ini akan diteruskan lagi pelaksanaan pada tahun ini. Sebenarnya baru kami selesai dari segi *assessment*, dengan izin dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan mensasarkan penglibatan seramai 100 orang tokoh wanita dan 5,000 orang peserta.

Jadi, tadi Yang Berhormat bertanya 30 peratus itu sudah capai kah tidak? Kalau dalam sektor awam kita sudah capai. Sektor swasta mungkin mereka nak capai agak sukar juga, tetapi semuanya kita cuba membantu untuk mensasarkan apatah lagi dari segi politik. Inilah kita gunakan PERANTIS ini merupakan program yang kita nak galakkan wanita supaya menyertai politik dan kita mengharapkan parti politik juga memainkan peranan masing-masing untuk membantu supaya membawa wanita untuk menyertai politik.

Jadi, sehingga 8 Ogos 2025 sebanyak empat siri program inspirasi wanita telah kita laksanakan dengan perkongsian ilmu dan pengalaman oleh tokoh-tokoh yang dikenal pasti dalam topik kepimpinan wanita dalam bidang ekonomi, kesejahteraan dan keselamatan yang melibatkan 1,813 orang peserta. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Dato Yang di-Pertua.

Tuan Pele Peter Tinggom: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Dato.

Puan Susan Chemerai Anding: Soalan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya mohon pencerahan bukan soalan defensif.

Tuan Yang di-Pertua: Persoalan? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya tadi, soalan, tetapi tidak bermaksud defensif. Saya dengar tadi untuk mendapatkan penyertaan 60 peratus wanita dalam empat sektor dan kemudian diikuti dengan sepuluh sektor yang lain. Saya tak faham 60 peratus itu, saya bincang-bincang juga dengan Prof tadi, maksud 60 peratus itu ertinya 40 peratus itu laki-laki? Mohon pencerahan Yang Berhormat sebab saya hendak juga tahu dari segi keseimbangan nanti dalam masyarakat.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Faham Yang Berhormat. Terima kasih. Sebenarnya kalau Yang Berhormat dengar Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dengar pada masa 2023 untuk 2024 kalau tak silap Yang Amat Berhormat telah membentangkan untuk bajet untuk MADANI di mana diadakan supaya kita mencapai 60 peratus wanita untuk pergi bekerja.

Jadi, ataupun terlibat dalam sektor pekerjaan. Ini bukan hanya menjadi tanggungjawab kementerian kami, ini adalah menjadi tanggungjawab kerajaan. Sebab pada masa ini kita hanya untuk wanita kita hanya dalam 55 peratus lebih dan lelaki adalah 80 lebih peratus yang pergi bekerja. Jadi, kita hendak menggalak dia bukan *arithmetic* yang *direct* sebab kita hendak menggalakkan supaya wanita itu sampai 60 peratus, kita nak sampai kerana setakat ini lelaki sudah sampai 83 peratus.

Inilah statistik yang terkini Yang Berhormat. Jadi, kita memohon agar semua bekerjasama untuk membantu menggalakkan wanita untuk bekerja sama ada kerja di rumah ataupun di luar sana yang penting mereka mendapat menjana pendapatan ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan. Kita nak maklumkan bahawa kita ada lima rang undang-undang untuk dibahaskan dan dibentang pada hari ini. Maka Setiausaha.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, ditetapkan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan:

- (i) Rang Undang-undang Bantuan Guaman;
- (ii) Rang Undang-undang Feri Pengkalan Kubor;
- (iii) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025;
- (iv) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025; dan
- (v) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025.

Seperti yang tertera di nombor 1 hingga 5, *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10 hari Isnin, 8 September 2025.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN
DAN PEMBELAAN AWAM 2025**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.28 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bantuan Guaman [Akta 26] telah digubal sejak tahun 1971. Selama lebih pada 50 tahun akta ini menjadi asas kepada perkhidmatan bantuan guaman di negara kita. Dalam tempoh itu, kita telah menyaksikan pertukaran beberapa Perdana Menteri namun dari segi reformasi menyeluruh terhadap sistem bantuan guaman tiada perubahan besar yang telah dilakukan.

Akses kepada keadilan adalah hak asasi setiap rakyat. Oleh itu, pada tahun 2023 selaras dengan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2023, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Akta Pembelaan Awam (JAPA) dan JAPA ini diterajui secara bersama oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Bantuan Guaman dengan libat urus bersama pelbagai pihak seperti Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak, Mahkamah Syariah, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan masyarakat sivil.

Dalam tempoh kurang daripada dua tahun, hasil daripada penelitian mendalam dan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, hari ini kita membawa ke hadapan Dewan Negara satu cadangan reformasi yang konkrit. Inilah bukti bahawa Kerajaan MADANI bukan sahaja berjanji, tetapi lebih kepada '*walk the talk*', dengan izin.

■1130

Rang undang-undang ini merupakan sebuah langkah penting dalam agenda reformasi institusi untuk menjamin akses kepada keadilan bagi semua rakyat. Secara asasnya, rang undang-undang ini membawa tiga pembaharuan besar.

Yang pertama, ia memperluas skop bantuan guaman sivil dan syariah. Jika sebelum ini hanya terhad kepada jenis kes-kes tertentu, rang undang-undang ini membolehkan lebih banyak kategori prosiding sivil dan syariah diliputi termasuk melibatkan hak-hak pekerja dan perlindungan pengguna serta beberapa perkara baharu dalam mahkamah syariah seperti pengesahan nasab anak dan pengesahan nikah.

Keduanya, rang undang-undang ini memperkenalkan buat pertama kalinya satu kerangka perundangan khusus bagi pembelaan awam dalam kes jenayah. Sebelum ini, perkhidmatan sebegini tidak diwujudkan secara berasaskan undang-undang, sebaliknya hanya digalas oleh YBGK sebagai sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh kerajaan. Dengan adanya akta ini, rakyat yang berdepan pertuduhan jenayah dan tidak berkemampuan akan mempunyai akses kepada khidmat pembelaan awam yang diinstitusikan di bawah Jabatan Bantuan Guaman.

Ketiga, rang undang-undang ini turut memperkenalkan penambahbaikan melalui penggunaan teknologi dan perkhidmatan secara dalam talian. Sebagai contoh, khidmat nasihat guaman boleh diberikan melalui platform elektronik selaras dengan keperluan semasa

dan inspirasi kerajaan tentang penggunaan sistem digital. Pendekatan ini akan memudahkan rakyat menjimatkan kos dan masa serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan undang-undang.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 25 Ogos 2025 selepas melalui perbahasan yang menyeluruh. Dalam perbahasan tersebut, beberapa isu penting telah dibangkitkan yang telah lagi memperkuat proses penggubalan undang-undang ini. Bagi maksud bacaan kedua di Dewan yang mulia ini, izinkan saya mengkategorikan antara isu-isu yang dibangkitkan di Dewan Rakyat.

Pertamanya berkenaan isu fi dan sumbangan termasuk persoalan mengapa bayaran hanya RM10 dikenakan dan kebimbangan ia bertentangan dengan semangat bantuan guaman percuma.

Isu mengenai *means test*: uji kemampuan termasuk nilai ambang RM50,000 serta kebimbangan berhubung ketelusan penentuan kelayakan.

Kemudian isu berkaitan dengan YBGK khususnya tentang kesinambungan perkhidmatan YBGK, pembayaran kepada peguam panel dan penyerapan struktur yang sedia ada.

Kemudian isu skop khidmat pembelaan awam termasuk mengapa terdapat batasan kesalahan tertentu dalam Jadual Kelima.

Dan isu kelayakan pegawai dan peguam syarie termasuk cadangan agar graduan undang-undang syariah turut dipertimbangkan untuk memegang jawatan Ketua Pengarah atau Ketua Pembelaan Awam.

Oleh itu, izin saya juga mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini bagi menjawab isu-isu yang lazimnya yang turut dibangkitkan ketika perbahasan. Ada yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan persoalan berhubung dengan fi atau bayaran yang ditetapkan. Izin saya nyatakan bahawa kadar fi yang ditentukan hanya RM10 dan ia adalah kadar yang amat nominal. Tujuan dia bukan untuk membebaskan penerima bantuan, tetapi untuk menunjukkan komitmen pemohon agar nasihat guaman yang diberi tidak dianggap remeh.

Selain itu, fi nominal ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan asas bagi mengelakkan penyalahgunaan sistem. Contohnya pemohon yang hanya mencuba-cuba tanpa keperluan sebenar. Bayaran kecil ini juga membantu menampung kos pentadbiran asas bantuan guaman seperti fail dan penggunaan sumber pejabat.

Namun yang lebih penting, peraturan yang bakal digubal kelak akan memastikan fi ini tidak menghalang akses kepada golongan rentan. Malah jika penerima bantuan melanggar

terma bantuan sehingga mengganggu prosiding mahkamah atau melibatkan pembaziran dana awam, maka perakuan bantuan ini boleh dibatalkan. Ini selaras dengan prinsip akauntabiliti dalam penggunaan wang kerajaan.

Ada juga yang membangkitkan tentang ujian kemampuan bagaimana ditentukan kelayakan seorang penerima bantuan. Kerajaan ingin menegaskan bahawa dasar sedia ada ini dikekalkan iaitu nilai ambang pendapatan RM50,000 setahun. Ini adalah kesinambungan daripada dasar lama di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] dan ia terbukti praktikal selama ini. Peraturan-peraturan yang digubal di bawah rang undang-undang ini akan memperincikan jenis-jenis pendapatan dan perbelanjaan yang diambil kira bagi memastikan penilaian dibuat secara seragam dan tulus.

Malah, *means test* ini bukanlah sesuatu yang baharu atau terasing dalam negara kita. Di banyak negara luar seperti United Kingdom, Australia dan juga Singapura, konsep *means test* turut digunakan sebagai penapis untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak menerima bantuan guaman. Ambang pendapatan yang ditetapkan di negara-negara ini berbeza-beza, tetapi prinsip asasnya tetap sama iaitu untuk mengimbangkan antara keperluan rakyat dengan tanggungjawab kewangan kerajaan.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan tentang kuasa Menteri di bawah rang undang-undang ini yang terlalu luas. Ingin saya tegaskan bahawa kuasa yang diberikan kepada Menteri adalah kuasa peraturan (*regulatory power*) bukan kuasa mutlak, segala perincian berhubung dengan fi nominal, kadar bayaran kepada panel peguam, Jawatankuasa Disiplin serta mekanisme ujian kemampuan akan ditentukan melalui peraturan-peraturan yang digubal oleh Menteri.

Ini adalah penting bagi memastikan wujudnya keseragaman dalam pelaksanaan seluruh negara dengan adanya peraturan yang diwartakan oleh Menteri, garis panduan ini adalah seragam, telus dan memperoleh kuasa undang-undang yang jelas. Malah sistem ini adalah satu penambahbaikan berbanding dengan Akta 26. Di bawah akta yang lama, keputusan Ketua Pengarah adalah muktamad tanpa perlu merujuk pada mana-mana peraturan bertulis. Kini, sebarang keputusan perlu berlandaskan peraturan yang digubal secara formal.

Untuk memaklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, amalan memberi kuasa kepada Menteri untuk menggubal peraturan-peraturan adalah satu praktis antarabangsa yang lazim. Di *United Kingdom*, Australia dan Singapura, hal-hal berkaitan kadar bayaran, *eligibility* dengan izin, dan prosedur bantuan guaman turut ditetapkan melalui *subsidiary legislature* yang digubal oleh Menteri. Ini adalah kerana sifat perkhidmatan guaman

awam ialah memerlukan fleksibiliti agar penyesuaian boleh dibuat mengikut kos sara hidup semasa dan perkembangan undang-undang tanpa perlu setiap kali meminda akta induk.

Dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa kuasa Menteri bukan saja terikat pada prinsip kebertanggungjawaban, tetapi juga memberikan kelonggaran untuk menyesuaikan dasar dengan teliti, realiti semasa demi menjamin keberkesanan pelaksanaan undang-undang ini.

Perkara- perkara yang dibangkitkan juga adalah berkenaan dengan YBGK, Tuan Yang di-Pertua. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga pada masa itu menekankan soal bayaran kepada peguam panel yang lewat, sistem lantikan peguam yang kurang telus serta kebimbangan mengenai nasib firma-firma kecil. Untuk itu, kerajaan memberi jaminan bahawa dengan rang undang-undang ini, semua fungsi bantuan guaman jenayah YBGK akan diambil alih oleh Jabatan Bantuan Guaman, tetapi pelaksanaannya dibuat secara peringkat, bukan serta-merta. Semua tunggakan-tunggakan bayaran kepada peguam panel YBGK perlu diselesaikan dahulu sebelum pemindahan kuasa ini berkuat kuasa sepenuhnya.

Dalam masa peralihan ini, YBGK akan terus berfungsi seperti biasa di bawah mekanisme yang sedia ada manakala Jabatan Bantuan Guaman akan beroperasi di bawah Akta 26 sehingga ia dimansuhkan apabila akta baharu ini berkuat kuasa. Kerajaan juga memberi perhatian bahawa penyerapan struktur YBGK ke dalam sistem baharu ini akan melibatkan penempatan semula pegawai-pegawai undang-undang YBGK ke dalam perkhidmatan awam mengikut kelayakan dan skim perkhidmatan setara, penyerapan kakitangan YBGK secara adil mengikut kelayakan akademik dan penyerapan panel peguam YBGK sedia ada ke dalam panel baharu di bawah Jabatan Bantuan Guaman.

Tambahan pula, kerajaan akan memperkenalkan mekanisme perakuan segera bantuan guaman, penurunan kuasa pelantikan panel kepada negeri serta memperkemas pembayaran tuntutan supaya lebih cepat, telus dan adil kepada semua peguam termasuk firma kecil.

Ada juga kebimbangan mengapa terdapat batasan dalam Jadual Kelima iaitu kesalahan tertentu tidak termasuk dalam skop perkhidmatan pembelaan awam. Kerajaan berpandangan bahawa batasan ini adalah perlu kerana ia berkait dengan dasar awam (*public policy*). Pada masa yang sama, Jabatan Bantuan Guaman juga menyediakan khidmat pendampingan guaman (*legal companion*) dengan izin, untuk mangsa kanak-kanak, maka adalah tidak wajar kerajaan menanggung kos pembelaan tertuduh dalam kes jenayah terhadap kanak-kanak yang sama agar tidak menimbulkan persepsi negatif dan konflik kepentingan.

Mungkin ada juga yang akan bertanya mengapakah kita membezakan antara bantuan guaman (*legal aid*) dengan izin, dan pembelaan awam (*public defense*) dengan izin. Secara asasnya, bantuan guaman meliputi perkara-perkara sivil dan syariah, termasuk nasihat undang-undang, pengendalian kes penceraian, tuntutan nafkah, hak-hak penjagaan anak, pertikaian kontrak, kes buruh, perlindungan pengguna dan khidmat perantaraan. Ia juga melibatkan khidmat pendampingan guaman untuk mangsa kanak-kanak. Dengan kata lain, bantuan guaman memberi akses undang-undang kepada rakyat dalam urusan kehidupan harian mereka supaya hak-hak sivil dan keluarga mereka tidak terabai hanya kerana kekangan kewangan.

Manakala, pembelaan awam adalah khusus untuk kes-kes jenayah di mana seorang individu berdepan pertuduhan di mahkamah. Sebelum ini, tiada kerangka undang-undang khusus bagi pembelaan awam. Ia digalas oleh YBGK melalui penglibatan peguam panel secara kontrak. Dengan adanya akta ini, buat pertama kalinya kita menginstitusikan jawatan Ketua Pembela Awam dan Pegawai-pegawai Pembela Awam di bawah Jabatan Bantuan Guaman untuk memastikan tertuduh yang tidak berkemampuan mendapat pembelaan sewajarnya.

■1140

Oleh itu, kedua-duanya berbeza dari segi skop, tujuan dan implikasi undang-undang. Bantuan guaman memberi rakyat suara dalam urusan sivil, keluarga dan syariah manakala pembelaan awam memenuhi hak rakyat untuk dibela apabila dituduh dalam kes jenayah. Kedua-duanya saling melengkapi dan menjamin prinsip dengan izin, *access to justice* kepada semua rakyat.

Akhir sekali, timbul juga cadangan agar graduan undang-undang syariah turut dipertimbangkan bagi jawatan utama seperti Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau Ketua Pembelaan Awam.

Kerajaan ingin menegaskan bahawa rang undang-undang ini tidak mengehadkan kelayakan kepada lulusan LLB semata-matanya, manakala individu yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang undang-undang yang diiktiraf serta pengalaman litigasi yang mencukupi boleh dipertimbangkan untuk jawatan ini. Ini akan memastikan tadbir urus bantuan guaman lebih inklusif, mencerminkan kepelbagaian bidang guaman di Malaysia dan selari dengan realiti bahawa khidmat guaman dan pembelaan awam dalam negara kita meliputi bukan sahaja Mahkamah Sivil, tetapi juga Mahkamah Syariah.

Bagi melancarkan penggubalan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam ini, Jabatan Bantuan Guaman telah mengadakan beberapa sesi libat urus dan taklimat serta perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Taklimat

Pemberian Bantuan Guaman Jenayah Majlis Peguam pada 14 Ogos 2024, sesi libat urus bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 9 Disember 2024, sesi libat urus bersama Kementerian Sumber Manusia, 12 Oktober 2024, bersama Mahkamah Perindustrian, 21 November 2024.

Sesi libat urus bersama Sabah Law Society, 23 Januari 2025. Sesi libat urus bersama Advocates Association of Sarawak, 24 Januari 2025. Taklimat Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam kepada Timbalan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kos Sara Hidup pada 4 Februari. Libat urus Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan pada 20 Februari 2025.

Sesi libat urus bersama Badan Guaman Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan pada 11 April 2025 sekali lagi. Mesyuarat bersama Majlis Peguam Sabah Law Society dan Advocates Association of Sarawak berhubung dengan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam juga sekali lagi pada 3 Jun 2025 dan mesyuarat bersama Majlis Peguam yang paling akhir adalah 21 Ogos 2025 iaitu beberapa hari sebelum Bacaan Kedua dan Ketiga di Dewan Rakyat.

Selain itu, Jabatan Bantuan Guaman juga telah mengadakan sesi libat urus dengan Mahkamah-mahkamah Syariah dan pejabat mufti serta Majlis Agama Islam negeri-negeri berhubung dengan pengurusan litigasi syariah dan usaha-usaha penggalakkan penyelesaian kes yang di luar mahkamah melalui khidmat perantaraan yang ditambah baik.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini dicadangkan mengandungi enam bahagian, 83 fasal dan lima jadual sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, perincian dan penjelasan lanjut mengenai fasal-fasal di bawah rang undang-undang ini adalah sebagaimana dinyatakan dalam naskhah biru dengan izin, *the blue bill*.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Ahli Yang Berhormat untuk memberi sokongan penuh kepada rang undang-undang ini dan rang undang-undang ini bukan saja dapat memastikan tertuduh dibantu mendapat pembelaan tetapi memastikan negara kita mempunyai kerangka undang-undang yang dikemas kini selaras dengan cabaran semasa bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat keadilan yang sepatutnya. Dengan

sokongan dan komitmen oleh semua pihak, kita mampu membina sebuah negara yang lebih adil dan saksama dalam melindungi hak serta kebajikan setiap warganegara termasuk golongan yang rentan.

Jadi, saya memohon mencadangkan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Menteri. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memperkukuhkan khidmat bantuan guaman di Malaysia dengan mengadakan peruntukan untuk pemberian bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam kepada orang yang tertentu, mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan pegawai yang lain berhubungan dengan penyediaan khidmat bantuan guaman kepada orang yang dibantu. Dan, pelantikan Ketua Pembela Awam dan pegawai pembela awam berhubungan dengan penyediaan khidmat pembelaan awam kepada yang tertuduh yang dibantu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang Ahli yang hendak berbahas, banyak itu. Maka saya buat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang. *[Ketawa]* Saya mohon ya, seperti mohon, seperti Yang Berhormat Menteri mohon kita meluluskan rang undang-undang ini. Saya mohon Yang Berhormat ikut masa yang ditetapkan.

Sekarang saya jemput YB Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

11.45 pg.

Dato' Setia Salehudin bin Saidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba lima minit sepertimana yang diarahkan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehudin bin Saidin: Pertama sekali, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Undang-undang yang telah menggariskan latar belakang berkaitan dengan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan juga Pembelaan Awam ini.

Sebenarnya ini adalah satu kerangka undang-undang yang bagi saya amat baik sekali sebab Rang Undang-undang ataupun Undang-undang Bantuan Guaman dulu, semenjak 1971 dah. Sebenarnya, sepatutnya dah lama patut kita rangka semula ataupun semak semula untuk diwujudkan satu mekanisme yang sesuai untuk keadaan semasa. Dan apa yang

diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu memperkenalkan satu konsep *public defense* untuk akses keadilan secara menyeluruh dan juga memastikan bahawa golongan yang lebih ramai akan dapat menikmati peluang-peluang untuk mendapat pembelaan di bawah undang-undang seperti golongan B40, OKU, kanak-kanak tanpa mengira kerakyatan untuk perkhidmatan pendamping guaman dan juga yang tidak mampu melantik peguam bagi mendapatkan khidmat guam, guaman yang setara.

Soalan saya daripada aspek ini, kita tahu bahawa *threshold* RM50,000 setahun ini, saya tak pasti sama ada di undang-undang yang sedia ada sekarang ini, ia juga merupakan satu jumlah yang meletakkan bahawa kelayakan seseorang untuk mendapatkan bantuan guaman. Jadi, andai kata RM50,000 tetap menjadi satu panduannya, bagi saya dalam keadaan ekonomi yang begitu meruncing sekarang ini, sepatutnya RM50,000 itu dinaikkan kepada satu tahap yang — kadar yang lebih tinggi supaya melayakkan lebih ramai lagi golongan yang tidak berkemampuan.

Sebab kita tahu bahawa miskin itu, apakah definisi miskin ataupun tidak mampu? Kadang-kadang RM50,000 pun kalau tanggungan dia ramai, dia mungkin tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan guaman melalui bantuan guaman dan juga pembelaan awam ini. Jadi disebabkan itu, mungkin pihak kerajaan boleh menimbang semula kriteria untuk menentukan bahawa jumlah RM50,000 adalah merupakan kadar minimum ataupun kadar maksimum yang boleh kerajaan, pihak-pihak kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan perkhidmatan guaman.

Dan dalam masa yang sama, RM10 untuk bagi pendaftaran itu tidak menjadi isu sebenarnya. Cuma, bila kita mengadakan sesuatu kadar tersebut, siapa yang menentukan kadar itu, kita tahu bahawa di bawah undang-undang, ia ialah terletak pada pihak Ketua Pengarah dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab. Cuma, adakah pihak kerajaan akan mengadakan satu peraturan yang *detil* berkaitan dengan bagaimanakah nak buat satu *assessment* terhadap mereka yang berkecukupan untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman ini? Itu yang pertama.

Yang keduanya berkaitan dengan skop, skop yang dikatakan diperluaskan. Kalau dulu, dalam kes-kes jenayah, hanyalah ia nya melibatkan kesalahan mengaku salah dan pihak bantuan guaman akan membantu dari segi *mitigating factor* ataupun memberikan permohonan untuk meringankan kadar hukuman, tetapi sekarang diperluaskan lagi.

Namun, kalau dilihat balik kepada kriteria ataupun jenis kesalahan yang jenis undang-undang yang boleh mendapatkan bantuan guaman itu, bagi saya ia nya juga agak terhad sebab kalau kita lihat kepada jadual yang telah dinyatakan di sini, kalau di bawah seksyen 15, dia mengatakan bahawa berapa kategori yang boleh dibenarkan iaitu mendapat nasihat

guaman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah bab 2. Dan, bab 2 menyatakan bahawa ruang lingkupnya sepertimana di dalam jadual yang kedua tetapi jadual ini agak terhad, ia tidak begitu, begitu meluas ya, iaitu berkaitan dengan perihal prosiding sivil dan syariah yang. — eh *sorry*, ini jadual yang pertama iaitu hal-hal perkara yang berkenaan dengannya, nasihat guaman boleh diberikan iaitu nasihat guaman atas segala hal perkara perundangan berhubung dengan undang-undang di Malaysia.

Dan yang kedua ini berkaitan dengan seksyen 20 yang menyatakan bahawa dia juga menghadkan jenis-jenis perkhidmatan yang boleh diberikan iaitu ruang lingkup bantuan guaman dalam prosiding sivil dan syariah yang dinyatakan sepertimana di dalam jadual kedua. Ianya tidak mencakupi semua aspek di dalam Mahkamah Syariah sebab kita tahu Mahkamah Syariah itu sendiri mengandungi pelbagai jenis kesalahan yang mana kalau diikutkan bahawa hukuman ini tidaklah begitu banyak. Hukuman denda, hukuman penjara ini tidaklah begitu tinggi. Sepatutnya mewajarkan untuk pihak bantuan guaman juga memberikan perkhidmatan kepada mereka yang layak untuk mendapatkan perkhidmatan bagi kes-kes yang dinyatakan di bawah kesalahan-kesalahan di bawah enakmen syariah...

■1150

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Salehuddin, memandangkan Dato' Salehuddin merupakan bekas pendakwa raya kan, saya rasa saya bagi masa lebih sedikitlah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menghargainya.

Seterusnya kalau kita lihat juga kepada di bawah jadual yang keempat dinyatakan Jadual Keempat di bawah seksyen 52 membenarkan bahawa untuk pihak Menteri membenarkan ketua pengarah ataupun ketua pembela awam untuk menyediakan khidmat pembelaan awam selain daripada apa-apa prosiding yang dinyatakan di Jadual Keempat bermakna ada pengecualian dia.

Namun pengecualian yang diberikan di bawah seksyen 52(2) itu, sejauh manakah pengecualian itu diberikan. Bagaimanakah pihak ketua pengarah itu tadi nak menentukan siapa yang layak untuk dapat pengecualian tersebut?

Kalau kita lihat di dalam prosiding mahkamah juga kalau kes-kes yang melibatkan kes bunuh, *of course*, Jadual Kelima mengatakan kes bunuh, kes hukuman mati ia nya tidak tertakluk, tapi adakah juga pengecualian yang dimaksudkan di sini, mengambil kira juga kadang-kadang mahkamah dalam kes-kes bunuh, kes-kes yang berat di mahkamah tinggi dia memberikan lantikan peguam. Jadi, bagaimana kedudukan bantuan guaman ini di bawah akta ini berkaitan juga dengan lantikan peguam oleh mahkamah bagi kes-kes yang melibatkan hukuman mati dan hukuman bunuh? Adakah ianya — apakah kaitannya dan bagaimana pihak

kerajaan nak *synchronize* antara kedua-dua peruntukan ini? Ini satu perkara yang juga perlu dilihat oleh pihak kerajaan.

Seterusnya kita lihat kepada transformasi institusi. Fungsi Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang telah diserap masuk ke bawah Jabatan Bantuan Guaman. Kalau kita lihat kepada fungsi bantuan guaman kebangsaan yang diserap masuk, dia *basically* kalau kita lihat kepada peruntukan ini dia tidak banyak beza. Cuma dulu peruntukannya di bawah satu peruntukan kerajaan khas kepada pihak YBGK dan kini ia telah diubah dan dimasukkan diserapkan ke bawah Jabatan Bantuan Guaman. Namun struktur asalnya masih sama. Peguam-peguamnya yang dilantik masih lagi kalangan mereka yang *practitioner*.

Jadi, persoalan dia sekarang ini kalau sekiranya mahkamah pihak kerajaan, pihak kementerian mahukan satu sistem yang lebih telus, satu sistem yang lebih boleh memastikan bahawa perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada mereka yang mendapatkan perkhidmatan di bawah akta ini, bagaimanakah pihak kementerian nak pastikan bahawa YBGK dia dulu yang dikatakan kurang dapat memberikan perkhidmatan baik, begitu juga dengan isu-isu ketirisan, isu-isu rasuah, isu-isu tuntutan palsu dapat diselesaikan melalui peruntukan akta yang baru ini?

Perlu diingat juga sebagaimana YB Menteri telah mengatakan bahawa bagi mereka yang dalam proses transisi antara YBGK dan juga kuat kuasanya undang-undang ini, mereka yang telah melakukan perkhidmatan secara separuh mungkin boleh dibayar, tetapi sejauh manakah pihak Jabatan Bantuan Guaman ini dapat mengambil alih balik apa yang telah ditinggalkan dan sejauh manakah bayaran patut diberikan kepada mereka yang telah melaksanakan perkhidmatan tersebut. Ini adalah satu proses yang bagi saya agak sukar ya untuk ditentukan. *Of course*, mekanisme pihak kementerian boleh memastikan bahawa perkara ini dapat diselesaikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Salehuddin, saya rasa eloklah Dato' Salehuddin mula untuk...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Menggulung?

Timbalan Yang di-Pertua: Menggulung ya. *[Ketawa]* Dah sembilan minit pun.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sedikit sahaja saya nak tambah berkaitan dengan peruntukan di bawah seksyen 73(2)(d) iaitu ada juga satu peruntukan yang berkaitan dengan perakuan segera.

Saya kurang pasti tentang apa yang dimaksudkan dengan perakuan segera di bawah peruntukan 73(1)(d) yang mengatakan untuk menetapkan apa-apa peruntukan yang perlu bagi hal keadaan khas jika seseorang mula menerima bantuan guaman — *sorry*, setelah

meminta bantuan guaman dan khidmat pembelaan awam adalah sesuatu perkara yang perlu disegerakan oleh sebab yang khas.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan keadaan yang khas? Adakah ia nya melibatkan isu berkaitan dengan seseorang yang telah ditangkap untuk tahanan reman dan dia memerlukan bantuan segera ataupun ia nya melibatkan satu bantuan khas yang melibatkan seseorang yang tidak mampu ataupun di dalam di kawasan yang jauh. Kita kurang pasti apa yang dimaksudkan Menteri mempunyai kuasa untuk menentukan satu perakuan khas boleh dibenarkan. Adakah satu peraturan telah pun dibuat bagi memastikan bahawa mekanisme prosedur bagaimana perakuan khas ini dapat dikeluarkan dan dapat dilaksanakan dengan cara yang betul? Ini adalah satu benda yang baru bagi saya. Mungkin pihak kementerian boleh meneliti aspek ini.

Sebenarnya banyak lagi, tetapi tak apalah masa pun tidak mengizinkan. Saya harap saya ada peluang lagi untuk kemudiannya nanti mencelah apabila pihak YB Menteri membentangkan, memberikan rumusan itu nanti. *Insyah-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Salehuddin. Memang perbincangan itu tadi itu teknikal dan amat menarik sekali untuk memberikan rangka undang-undang ini, tapi kita perlu adil kepada YB-YB lain juga yang nak berbincang.

Jadi, sekarang saya jemput Senator Datuk Anna Bell Perian.

11.56 pg.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Izinkan saya memulakan perbincangan ini dengan menegaskan bahawa setiap rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama mahupun kedudukan sosial mempunyai hak yang tersendiri untuk mendapatkan keadilan bagi diri mereka. Hak ini adalah asas kepada negara hukum dan telah pun dijamin secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan kita khususnya dalam Perkara 8 yang menekankan kesamarataan di sisi undang-undang.

Tidak ada sesiapa pun yang boleh dinafikan haknya untuk didengar dan dibela apabila berdepan dengan proses perundangan. Namun, cabaran utama yang kita hadapi ialah bagaimana memastikan hak ini benar-benar boleh diakses oleh rakyat di peringkat akar umbi khususnya mereka yang berada dalam keadaan serba kekurangan. Justeru, penggubalan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 ini adalah satu usaha penting untuk memperkukuhkan kedudukan hak asasi rakyat dalam sistem perundangan negara.

Rang undang-undang ini merupakan satu langkah yang amat baik dan tepat pada masanya kerana ia memberi nafas baru dalam usaha kerajaan mengangkat keadilan untuk semua. Saya melihat RUU ini sebagai satu reformasi undang-undang yang tidak hanya menambah baik struktur pentadbiran bantuan guaman, tetapi juga memperluaskan akses kepada rakyat yang dahulunya berada terpinggir dalam sistem keadilan terutamanya kepada golongan kanak-kanak, golongan miskin dan Orang Kurang Upaya (OKU) sememangnya mendapat manfaat melalui RUU ini.

Datuk Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kos guaman pada hari ini adalah terlalu tinggi dan tidak dapat ditanggung oleh sebilangan besar golongan berpendapatan rendah. Sebagai rakyat khususnya dalam kelompok B40 tidak mampu mengupah peguam untuk mewakili mereka di mahkamah.

Kesannya mereka sering hadir ke mahkamah tanpa sebarang pembelaan profesional lalu menyebabkan mereka berada dalam kedudukan yang tidak seimbang berbanding pihak lawan yang mempunyai keupayaan kewangan untuk mendapatkan khidmat guaman. Keadaan ini mengakibatkan ketidakadilan yang nyata dalam proses kehakiman. Dengan adanya rang undang-undang ini maka kebimbangan rakyat yang tidak berkemampuan dapat dirungkaikan kerana mereka kini mempunyai saluran yang sah untuk mendapatkan khidmat guaman dan pembelaan awam.

Datuk Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu isu yang sangat penting iaitu ketiadaan cawangan Jabatan Bantuan Guaman di kawasan Pantai Timur Sabah.

Pada ketika ini hanya terdapat satu cawangan JBG yang beroperasi di Kota Kinabalu sedangkan kita sedia maklum jumlah penduduk di kawasan Pantai Timur melebihi satu juta orang meliputi daerah besar seperti Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna. Mereka yang tinggal jauh dari Kota Kinabalu perlu menempuh perjalanan beratus-ratus kilometer semata-mata untuk mendapatkan akses kepada bantuan guaman. Hal ini bukan sahaja membebankan dari segi masa dan kos, tetapi juga melemahkan semangat rakyat untuk menuntut hak mereka.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka cawangan JBG di kawasan Pantai Timur bagi memberi manfaat kepada masyarakat di kawasan sana?

Selain itu saya ingin menyentuh tentang syarat kelayakan pendapatan bagi mendapatkan bantuan guaman dan pembelaan awam yang ditetapkan tidak melebihi RM3,600 setahun. Persoalan besar yang timbul di sini ialah bagaimana pula nasib mereka

yang berada di kelompok pertengahan atau golongan yang sering disebut sebagai miskin bandar.

■1200

Realitinya meskipun pendapatan mereka sedikit melebihi paras kelayakan ini, mereka tetap tidak mampu menanggung kos guaman yang mencecah ribuan ringgit, kos sara hidup yang tinggi khususnya di kawasan bandar-bandar besar menjadikan rakyat tidak mampu mempunyai lebih pendapatan untuk tujuan guaman. Maka, sekiranya mereka tidak layak di bawah syarat yang disediakan, mereka akan terus terpinggir daripada akses pembelaan ini.

Sebagai rumusan Datuk Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 adalah satu langkah reformasi undang-undang yang amat progresif dan berpaksikan kepada prinsip keadilan untuk semua. Ia membawa harapan baru kepada golongan yang tidak berkemampuan. Ia juga menjanjikan akses lebih luas kepada khidmat guaman dan ia memperkukuhkan keyakinan rakyat kepada sistem keadilan negara.

Saya amat menyokong pelaksanaan undang-undang ini. Namun, dalam masa yang sama, saya berharap agar kerajaan juga turut memberi perhatian terhadap cadangan yang saya kemukakan terutamanya berkaitan dengan ketiadaan cawangan di pantai timur Sabah serta semakan semula syarat kelayakan pendapatan. Dengan adanya pembaharuan ini, saya yakin RUU ini akan benar-benar menjadi pemangkin ke arah keadilan yang inklusif dan menyeluruh. Saya mohon untuk terus menyokong. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB dan terima kasih kerana menepati masa. Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Azahar bin Hassan.

12.01 tgh.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Okey, Biro Bantuan Guaman ini sebenarnya dah lama dah ada di Malaysia ini.

Terima kasih kepada kerajaan yang telah memudahkan rakyat-rakyat yang susah di bawah sana untuk mendapatkan khidmat guaman bagi kes-kes yang ada lah dan reformasi undang-undang ini bagi bantuan guaman dan pembelaan awam 2025 ini lebih melengkapi proses-proses bantuan kepada rakyat di bawah sanalah.

Once kita nak mohon selepas ini mungkin kita wujudkan mudah — kemudahan yang mudah untuk yang didakwa, yang tertuduh dan sebagainya untuk mendapatkan kemudahan guaman ini dengan adanya pejabat-pejabatlah. Pejabat-pejabat di seluruh negara yang lebih mungkin kalau di kampung-kampung itu, mungkin kita ada juga peranan-peranan van-van bergerak untuk memberi maklumat-maklumat kepada rakyat mendapatkan khidmat guaman secara percuma daripada kerajaan dengan bayaran yang tertentu.

Kemudian kalau tengok dalam RUU ini juga kriteria untuk pemilihan panel peguam-peguam. Kita rasa lepas ini mungkin akan ada peguam-peguam yang tetaplah yang akan di pejabat guaman masing-masing sebab kita nak tengok kriteria pemilihan peguam-peguam ini yang sama ada yang baru ataupun yang lama. Adakah mereka ini diberi emolument yang tetap ataupun juga berdasarkan kes-kes yang tertentu. Mungkin bayaran-bayaran yang lain.

Kita juga membuat pemilihan untuk *lawyer*, *lawyer* ini, peguam-peguam panel ini memberi perhatian seriuslah. Mungkin juga ramai peguam muda yang baru *grad* dan mungkin dia boleh diberi peluang untuk — dalam peluang pekerjaan yang barulah selain daripada kita nak pakai panel-panel daripada peguam-peguam yang berpengalaman.

Kemudian kalau kita tengok rang undang-undang ini sebenarnya memang saya sokonglah. Memang sangat-sangat orang kata terbaiklah. Cuma kita kena elakkan juga peranan ini dia tidak bertindih dengan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Mungkin dia bila ada ini, dia akan bertindihlah. Kita tengok supaya tidak ada pertindihan.

Kemudian kita nak tengok juga dari segi penerima-penerima perkhidmatan ini. Adakah kita nak buka juga kepada warganegara asing yang memerlukan? Mungkin mereka tinggal di sini dan dia warganegara asing mungkin juga boleh mendapatkan perkhidmatan guaman daripada kita punya cadangan penambahbaikan rang undang-undang ini selain daripada warga Malaysia.

Kemudian kita tengok RUU ini tidak meletakkan secara spesifik kategori kes jenayah yang akan diberi khidmat pembelaan awam. Mungkin kes-kes yang macam mana yang boleh. Kes curi motor kah? Kes bunuh kah tak boleh kah? Kita kena tengok spesifiklah sebab kes jenayah ini dia macam-macam. Ada juga kes yang berprofil tinggi. Mungkin tertuduh pun tidak mampu mendapatkan khidmat peguam yang biasanya sangat mahallah. Mungkin ada kita punya ini boleh membantulah bagi kes-kes yang besar juga.

Okey, cadangannya kita masukkanlah jadual ataupun senarai skop kes yang jelas dalam setiap akta ataupun peraturan. Jadi, pada dasarnya rang undang-undang ini sangat baiklah. Lebih membantu rakyat. Terima kasih pada kerajaanlah kerana kita bawa rang undang-undang ini sebab rakyat akan dapat lebih perkhidmatanlah. Cuma kita buat penambahbaikan dari segi pentadbiran dan juga sebagainya. Cuma satu lagi kita nak tengok, kita minta kelayakan kewangan itu ditambah sikitlah. Mungkin RM3,000 sebulan itu mungkin biasa. Mungkin yang berpendapatan RM5,000, RM6,000 itu mungkin boleh dapat perkhidmatanlah.

Jadi, terima kasih saya menyokong rang undang-undang bagi Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB dan juga kerana menepati masa.

Sekarang saya jemput Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

12.06 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu rang undang-undang yang sangat baik iaitu undang-undang yang memang sepatutnya dah digubal lebih awal kerana ramai orang di luar sana yang memerlukan satu khidmat guaman yang diperlukan, yang profesional, yang dibantu oleh kerajaan kerana bukan semua rakyat layak ataupun layak mendapatkan peguam-peguam yang baik, tetapi keadilan itu kita mesti tegakkan dan keadilan itu mesti diterima oleh semua rakyat.

Saya tengok akta ini sangat baik khususnya dia memberi satu nafas baru kepada rakyat di luar sana khususnya golongan-golongan yang kurang berkemampuan. Soalan saya, adakah Biro Bantuan Guaman ini juga dia terlibat di dalam proses mediasi kalau sekiranya mereka dituduh? Sekiranya ada dilibatkan dan bagaimana proses itu boleh dijalankan?

Seterusnya juga saya ingin bertanya pada Menteri. Sekiranya kes yang katakan pihak yang dituduh itu kalah dan adakah proses rayuan itu boleh diteruskan oleh peguam yang sama sehingga ke mahkamah dan mungkin majistret, Mahkamah Tinggi dan sehingga ke Mahkamah Persekutuan atau bagaimana?

Seterusnya bayaran yang akan dibayar kepada peguam yang dilantik tersebut seperti yang ditanya oleh rakan saya tadi, berapa jumlah bayaran itu yang dibayar? Adakah mengikut kes ataupun mengikut kelayakan ataupun profesionalisme ataupun senioriti peguam-peguam tersebut? Bolehkah juga pihak yang dituduh tadi memilih peguam-peguam yang dia rasakan sesuai dan dimasukkan ke dalam panel Jabatan Bantuan Guaman ini?

Sebab apa, kalau ada satu kes Yang Berhormat Menteri, kes di Johor iaitu kes Adong bin Kuwau di mana orang asli telah melantik seorang peguam dan kes itu menang dan pihak yang disaman itu telah membayar pampasan, tak silap saya dalam RM17 juta macam itu, tetapi peguam tersebut telah menyeleweng wang tersebut dan akhirnya pihak yang orang asli itu, plaintif hanya — saya tak tahu bagaimana mereka dapat ataupun tak dapat, tetapi yang saya tahu peguam tersebut telah membeli beberapa kondominium di Kuala Lumpur ini.

■1210

Apakah tindakan pihak Jabatan Bantuan Guaman ini, pengarah dia sama ada boleh membatalkan sijil peguam ini begitu juga dalam bantuan guaman ini. Sebab kita kadang-kadang bila orang memerlukan bantuan guaman ini khususnya yang kurang pengetahuan

berkenaan dengan perundangan ini, mereka akan dieksploitasikan oleh peguam-peguam ini walaupun tidak ada bayaran dan mungkin mereka mengenakan bayaran juga. Jadi, bagaimana Jabatan Bantuan Guaman ini untuk mengatasi supaya perkara ini tidak berlaku?

Jadi, saya fikir sekian sahaja daripada saya Datuk Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Manolan.

Sekarang saya jemput YB Senator Datuk Rosni binti Sohar.

12.11 tgh.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam bagi tahun 2025 dan menyatakan sokongan terhadap pembentangan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 ini. Usaha penting ini bagi memperluaskan akses kepada keadilan khususnya bagi wanita dan komuniti luar bandar yang sering terpinggir. Langkah ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan, keterangkuman dan keadilan sosial.

Walaupun saya menyokong cadangan rang undang-undang ini, terdapat beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan untuk penjelasan bagi pihak kerajaan.

Fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa Menteri dalam melantik seorang ketua pembela awam. Persoalan pertama, apakah mekanisme yang diguna pakai dalam memastikan pelantikan ketua pembela awam tersebut dibuat secara telus serta bebas daripada sebarang pengaruh politik?

Adakah sebuah panel pelantikan yang melibatkan Majlis Peguam, NGO berkecuali atau akademi perundangan akan diwujudkan bagi menjamin integriti institusi ini? Bagaimana pula kah ketelusan dan integriti ketua pembela awam ini dapat dipastikan apabila beliau perlu mengendalikan kes yang melibatkan pihak kerajaan sendiri? Adakah terdapat jaminan bahawa jawatan ini bebas daripada sebarang tekanan politik atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan keadilan dalam kes sebegini?

Kedua, apakah mekanisme terbaik bagi memastikan penempatan pegawai pembela awam ini tidak akan tertumpu di bandar-bandar utama, tetapi juga melibatkan kawasan luar bandar? Adakah kementerian bersedia menetapkan syarat bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga pegawai ini ditempatkan di luar bandar dan kawasan pendalaman termasuk Sabah dan Sarawak dalam memastikan akses kepada keadilan benar-benar menyeluruh dan tidak hanya bersifat elitis?

Saya menyambut baik peruntukan yang memberikan jaminan bahawa kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual akan diberi pendamping guaman secara automatik tanpa perlu permohonan sepertimana yang dinyatakan dalam fasal 36. Ini ialah langkah sangat progresif dan refleksi kepada nilai ihsan dalam Malaysia MADANI.

Namun begitu, soalan ketiga. Apakah jaminan bahawa pegawai pendamping ini benar-benar terlatih dalam aspek psikologi trauma, komunikasi berasaskan empati dan pemahaman hak kanak-kanak? Selain itu, adakah terdapat sebarang garis panduan atau modul latihan yang komprehensif disediakan kepada semua pegawai yang terlibat sebelum mereka diberi tanggungjawab mendampingi mangsa di mahkamah?

Lebih penting lagi, adakah proses latihan ini melibatkan kerjasama rentas kementerian khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan ataupun Lembaga Kaunselor bagi memastikan latihan ini memenuhi keperluan kesan trauma dan emosi mangsa secara menyeluruh. Adakah kerajaan akan memperkenalkan sistem akreditasi dan pemantauan berterusan bagi memastikan pegawai pendamping kekal kompeten serta bersedia menangani kes-kes sensitif secara berkesan?

Saya menyokong pembentangan rang undang-undang ini kerana membawa harapan baru kepada akses keadilan yang lebih saksama khususnya untuk golongan rentan yang sering kali terpinggir dalam sistem perundangan, tetapi saya berharap agar setiap persoalan dan cadangan yang saya bangkitkan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian kerana akhirnya keadilan yang sebenar ialah keadilan yang boleh dicapai, difahami dan dirasakan oleh semua lapisan masyarakat. Dengan ini, terima kasih sekali lagi saya ucapkan dan saya menyokong Rang Undang-undang bagi Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk. Sekarang saya jemput Tuan Haji Hussin bin Ismail.

12.15 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Saya pergi cepat-cepat: poin. Tiga perkara ada, empat atau lima, tetapi setakat sempat.

Pertamanya, saya nak ucapkan tahniah atas pembentangan ini. Namun, secara khusus, saya cuma nak sebutkan untuk diberi perhatian beberapa perkara supaya benda ini akan ditambah baik lagi bagi mendapatkan impak terbaik, *insya-Allah*.

Yang pertamanya, saya nak pergi kepada perkara dalam pelantikan ketua pengarah. Dalam bidang kuasa ini ada dua bidang. Satunya mahkamah sivil, satunya ialah mahkamah syariah dan kedua-dua ini kalau boleh — Yang Berhormat Menteri Agama pun ada dekat sini,

supaya kita dapat diberikan pertimbangan. Dalam pelantikan ketua pengarah misalnya, ketua pengarah di sini disebutkan ialah undang-undang diiktiraf oleh kerajaan.

Dalam JBG yang lalu, hanya peringkat tertinggi pegawai syariah atau pegawai mahkamah syariah ini, hanya di peringkat Ketua Pengarah — Timbalan Ketua Pengarah II sahaja. Apa tidak mungkin supaya orang yang duduk dalam bidang syariah juga mempunyai peluang untuk diiktiraf sebagai pengarah di peringkat Jabatan Bantuan Guaman dan juga ketua pengarah bahagian guaman atau ketua pengarah awam, pembela awam dilantik juga, diberi ruang untuk hakim-hakim syariah?

Yang keduanya, dalam Jadual yang fasal 20, dia menyebut tentang Jadual Kedua Bantuan Sivil Syariah tidak dinyatakan secara jelas. Tidak dinyatakan secara jelas kanak-kanak OKU warganegara atau kanak-kanak OKU yang bukan warganegara. Timbul di sini saya lihat ialah di situ ada juga ruang yang perlu diberi sedikit pencerahan lagi, penjelasan lagi sebab bagaimana pula dengan pasangan yang bukan warganegara, yang berkahwin dengan rakyat Malaysia dalam kes-kes rumah tangga, dalam kes-kes sivil, syariah? Adakah mereka ini untuk diberikan ruang juga layak untuk menerima bantuan guaman?

Yang ketiganya, saya nak sebut secara secepat ini ialah tentang kedudukan kuasa bidang mahkamah yang nak disatukan. Mahkamah sivil itu di peringkat Persekutuan, mahkamah syariah di peringkat negeri. Bagaimana nak diselaraskan sebahagian daripada tindakan-tindakan? Sebabnya, Jadual Keempat hanya menyebut prosiding jenayah secara umum, tidak menyebut jenayah syariah secara khusus.

Sebaliknya, dalam Jadual Kedua Bantuan Guaman Sivil dan Syariah disebut dengan jelas prosiding di mahkamah sivil dan prosiding di mahkamah syariah. Wujud ketidakselarasan apabila mahkamah syariah disebut, tetapi kes jenayah syariah tidak disebut. Contoh, seperti kes arak, minum arak, tidak puasa, kes khalwat dan kes-kes yang lain. Memperincikan bidang-bidang ini akan menjadikan mudah untuk penjelasan dan pentafsiran. Sebab pegawai di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) mungkin membuat tafsiran berbeza tentang sama ada jenayah syariah yang diliputi atau tidak. Saya fikir ini pentinglah sebab yang saya sebut tadi itu atas bidang dua kuasa syariah di peringkat negeri dan juga sivil di peringkat Persekutuan.

Poin yang akhir yang mungkin saya nak *highlight*-kan di sini ialah macam satu peranan yang dulunya fungsi pengantara ataupun mediasi (*mediator*). Semacam hilang daripada sini dan fungsi ini perlu dilihat lebih terjurus. Maksud yang ada sekarang ini, mediasi itu lebih menjurus kepada orang-orang yang dilantik oleh pihak Jabatan Guaman terbabit, tapi sebelum ini kita pernah juga tak silap saya ada *mediator* daripada kalangan luar yang mungkin

mempunyai pengalaman. Walaupun dia mungkin tidak — dia di luar, tetapi mungkin pengalamannya jauh dan bidang itu juga terkait dengan mereka.

■1220

Apa mungkin supaya dikembalikan mediasi luar? Atau saya tak pasti, sebab saya tak jumpa nak cari dekat sini, supaya diperanankan kembali dan diperkasakan kembali di dalam tatacara RUU yang kita maksudkan ini. Saya cepat lebih awal sikit. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Haji. Saya dah bersedia nak bagi masa lebih sikit tadi, tapi Haji dah tamatkan dah. *[Ketawa]*

Baik, sekarang saya jemput Senator Tuan Haji Abdul Nasir Idris.

12.20 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang ini untuk saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 iaitu sebuah institusi penting dalam memperkukuhkan prinsip semak dan imbang di negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, mengapa RUU ini penting dalam *the rules of law*, dan kesamarataan akses. Di Malaysia, melalui Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, ribuan rakyat Malaysia telah mendapat khidmat guaman percuma di peringkat tahanan reman dan perbicaraan jenayah sejak dari 2022.

Ini menjadikan akses guaman lebih inklusif tanpa mengira kemampuan kewangan. Namun, statistik daripada Jabatan Guaman Malaysia menunjukkan skala permohonan masih besar jumlah pelawat laman web lebih hampir sejuta. Menunjukkan kepada kita bahawa permintaan tinggi terhadap bantuan guaman ini.

Ini menunjukkan RUU ini bukan sahaja untuk memperkuat *check and balance*, tapi ia memenuhi keperluan tuntutan asas keadilan sosial. Datuk Yang di-Pertua, meskipun kita kekurangan data nasional terhadap – terkini, berkenaan jumlah kes yang dibantu di bawah Legal Aid Department (LAD), kita boleh merujuk kepada kejayaan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, kita merujuk sejak penubuhannya pada 2012, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan telah mengendalikan kira-kira 40,839 kes dengan purata 8,304 kes sebulan antara April hingga Ogos.

Kuantiti ini Datuk Yang di-Pertua mencerminkan beban yang ditanggung oleh institut guaman kita bagi memastikan rakyat dibela, sekali gus menunjukkan pentingnya peruntukan yang stabil dan sistem tertib pelaporan yang baik.

Datuk Yang di-Pertua, makluman langsung tentang peruntukan daripada bantuan guaman dalam Belanjawan 2025, masih belum dipaparkan secara spesifik. Namun, kita mengetahui bahawa kerajaan bercadang untuk menyediakan sistem penilaian fleksibel dalam kelayakan bantuan ini.

Tanpa angka belanjawan yang jelas, seperti jumlah Ringgit, nisbah penggunaan, kita harus menegaskan kepentingan peruntukan tahunan khusus yang mencukupi dan dirangka dengan telus sebagai sebahagian daripada semak dan imbang.

Datuk Yang di-Pertua, cadangan kita laporan tahunan yang dibentangkan ke Parlimen menunjukkan jumlah kes jenayah sivil dan syariah. Peruntukkan yang digunakan, *outcome* kes dan isu kelewatan dan ketirisan hendaklah perlu dibentangkan ke Parlimen. Jawatankuasa khas Parlimen juga wajar ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan RUU ini demi memastikan ia bukan sekadar undang-undang di atas kertas.

Datuk Yang di-Pertua, terdapat pelbagai skim bantuan, tetapi syarat kelayakan berbeza-beza. Dan ini tidak mencukupi sepenuhnya mereka yang memerlukan. Jadi, cadangan kita, RUU ini mesti menyasarkan, memperkukuhkan skema bantuan syariah agar akses keadilan lebih merata dan menyeluruh.

Datuk Yang di-Pertua, isu penyalahgunaan integriti peguam. Menurut *Bar Council* 2023, terdapat 33 kes pecah amanah jenayah oleh peguam dengan jumlah kerugian lebih daripada RM33 juta. Cadangan ini, RUU ini harus menyertakan langkah-langkah pencegahan seperti audit pemantauan dana bantuan dan mekanisme pengauditan agar integriti bantuan guaman ini tidak dicemari dan rakyat dilindungi.

Jadi, Datuk Yang di-Pertua, akhirnya RUU bantuan guaman ini memperkuat keadilan Malaysia tanpa mengira kekayaan dan latar belakang. Ia menyatukan prinsip semak dan imbang dan ketelusan peruntukan yang mampan dan perlu termasuk seluruh rakyat, seluruh masyarakat termasuk mereka yang terpinggir di mahkamah syariah, di mahkamah sivil, jenayah dan syariah.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini dengan saranan agar ia ditambah baik berdasarkan syor yang disebutkan tadi. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput YB Senator Nelson Angang.

12.26 tgh.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, saya akan cuba selesaikan dalam lima minit. Okey, saya akan terus ke RUU ini, *specifically* seksyen 4, berkaitan dengan pelantikan Ketua Pembela Awam. Soalan saya, pertama, Ketua Pembela

Awam ini, adakah status dia merupakan seorang anggota perkhidmatan awam? *Is it government servant* atau tidak. Itu satu.

Adakah dia tertakluk kepada kenaikan pangkat dan sebagainya, sebagai salah seorang anggota kerajaan. Okey, seterusnya, kelayakan. Kelayakan saya rasa, Ketua Pembela Awam ini bagi saya, saya setuju, di mana dia perlulah mempunyai kelayakan akademik dan mempunyai pengalaman dan pengetahuan dari segi litigasi.

Persoalan adalah, seterusnya, dari segi lantikan, dalam RUU ini mengatakan dia sesiapa pun boleh dilantik, tapi cadangan saya, kalau boleh, Ketua Pembela Awam ini dilantik dari kalangan peguam cara dan peguam bela-lah yang bersetuju, *it should not*, dengan izin, *it should not come from the* daripada perkhidmatan awam. Sebab tugas yang akan diberikan itu adalah untuk pembelaan, *I will give the reason why after this*.

Seterusnya, kenapa persoalan saya merujuk kepada anggota perkhidmatan awam, kerana dalam seksyen 4, sub 6 mengatakan, Ketua Pembela Awam dan mana-mana pegawai pembela awam hendaklah berhak bagi maksud akta ini untuk hadir dan berhujah dalam semua prosiding jenayah di Malaysia. Jadi bermaksud termasuk Sabah dan Sarawak.

Kalau tidak silap saya dengan izin, kalau anggota perkhidmatan awam saya rasa boleh pergi, tiada masalah, tapi kalau dia bukan sebahagian daripada anggota perkhidmatan awam, jadi dia dikira sebagai *practitioner*. Jadi sebab *practitioner* di mahkamah tinggi di Sabah dan Sarawak ini, perlu mendapat kebenaran untuk *appear* dari mahkamah ke mahkamah.

Jadi, ini persoalan-persoalan dia dan pegawai pembela awam ini juga, jika di Sabah dan Sarawak, saya percaya, pihak kerajaan sudah tahu bahawa mereka perlulah di kalangan peguam bela, peguam cara yang memang praktis di Sabah dan Sarawak. Itu satu.

Satu lagi persoalan saya, cadanganlah di mana seksyen 4 sub 9 mengatakan tiap-tiap pegawai dilantik di bawah sub (1), yang bukan anggota perkhidmatan awam hendaklah menerima saraan.

Okey, isu dia bukan berkaitan saraan, tetapi ini menunjukkan bahawa anggota perkhidmatan awam juga boleh dilantik sebagai peguam bela awam kalau tidak silap saya berkaitan dengan apa yang dikatakan di sini. Cadangan saya, kalau bolehlah, kalau boleh, untuk menjadi seorang pegawai pembela awam, kalau boleh, janganlah dilantik di kalangan perkhidmatan awam. Kenapa? Kalau boleh di kalangan peguam bela, peguam cara. Kenapa?

Sebab, saya bagi contoh. Jika seorang itu yang dari perkhidmatan awam, contohnya, seorang pendakwa rayalah, pegawai undang-undang, tetapi dilantik sebagai pembela awam. Akan ada waktunya, dia akan membuat satu kes di mana dia mungkin *appear againts* dia punya senior, lebih seniorlah. Dan itu kan memberi satu tekanan, dan dengan izin, *with*

respect, he may not be able to perform to the best of his ability. Because dia mengalami, *whether to offend* dia punya *senior, as an example*.

So, he or she may not want to offend. So, that may put an undo pressure on the officer. So, that will effect his performance, his ability untuk mewakili anak guam dia.

■1230

Jadi, itu cadangan saya, kalau bolehlah, kalau boleh. Dan, satu lagi persoalan saya di sini ketua peguam pembela awam ini dalam sub (5) seksyen 4, hendaklah tertakluk kepada pengawasan dan arahan, arahan Ketua Pengarah. Ketua Pengarah ini dari perkhidmatan awam, *from the judicial and legal service, I believe*, dan Ketua Pembela Awam ini mungkin bukan daripada *judicial service*. Inilah persoalan-persoalan dari tadi saya tanya.

Jadi, kalau dia mewakili seorang tertuduh contohnya, tetapi kita bukan menuduh, tetapi kemungkinan juga wujud situasi di mana arahan juga mungkin berlaku. *There is no clear independence-lah here. Of course*, maksud yang saya katakan di sini *independence* untuk membawa sesuatu kes itu, *to the best of its ability*, mewakili tertuduh dalam kes itu. Ha, itu berkaitan dengan seksyen 4.

Seterusnya – sudah habis masa...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa YB. Saya bagi masa lebih sedikit.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB bawa satu poin yang begitu baik...

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Daripada sudut negeri Sabah.

Datuk Nelson W Angang: Ya, ya. Satu lagi berkaitan dengan batas khidmat pembelaan awam. Okey, saya faham penjelasan Menteri tadi berkaitan dengan kesalahan di mana batas khidmat yang ditawarkan. Ia ada di Jadual Kelima, Jadual Kelima. Okey, yang pertama, mengatakan *criminal punishable with death penalty or imprisonment for life*. Okey, itu tak apa sebab *they will be an assigned council* untuk kes-kes seperti inilah di Mahkamah Tinggi.

Yang kedua, ha, ini persoalan saya — yang ketiga pun *I accept. Accept that way the* khidmat peguam bela ini ditawarkan kepada mangsa. Takkan peguam bela juga ditawarkan – ah, ah *yes that is reasonable*, tetapi berkaitan dengan Perkara 2 ini, *charges for criminal offences under Chapter 6, 6A, 6B of the Penal Code except for child offender. Now*, ini persoalan saya. *I may be wrong*, tapi mungkin kenapa ada diskriminasi, diskriminasi terhadap tertuduh.

Child offender dibenarkan untuk dibela, tapi orang dewasa tidak. Saya khuatir berkaitan dengan Perkara 2 ini, keterbatasan ini untuk mewakili kerana ia seolah-olah dia

melanggar Artikel 8, Artikel 8 dengan izinlah, *vow constitution*. “*All persons are equal before the law and entitled the equal protection of the law.*”

Jika Jadual Kelima No. 2 ini membenarkan untuk pesalah kanak-kanak diwakili, kenapa pula orang dewasa tidak boleh? Itu saya ingat menunjukkan diskriminasi berdasarkan kaum – minta maaf, berdasarkan umur. Jadi, ini perlu dilihat semulalah kerana tidak semua kesalahan yang ada di bawah bahagian Bab 6, 6A dan 6B ini hukumannya adalah hukuman mati atau penjara seumur hidup. Ada juga hukuman-hukuman dia yang di bawah daripada itu. Jadi, itu, itu yang satu lah berkaitan dengan batas hikmat. Ha, okey. Okey. *Sorry*. Ha, ada satu lagi.

Berkaitan dengan mediasi. Mediasi ini saya cadangkanlah kalau boleh – *mediation*, perantara ini. *The mediator* perlulah seorang yang – kalau daripada perkhidmatan awam, sekurang-kurangnya pengalaman dia sama dengan seorang Hakim Mahkamah Sesyen lah, mahu mempunyai pengalaman yang lama. Kalau daripada *private sector* ataupun diambil peguam bela, peguam cara mungkin sekurang-kurangnya tujuh tahun lah, bagi pandangan saya untuk menjadi seorang *mediator*.

Dari segi melantik pembela awam ini, pembela awam ini, saya cadangkan juga bagi kes-kes sebab kes-kes kalau bukan hukuman penjara seumur hidup dan gantung ini, ini kes-kes selalunya di mahkamah sesyen dan di mahkamah majistret. Kalau bagi permohonan reman, saya setuju kalau peguam-peguam baharu, peguam cara, peguam bela yang tidak mempunyai pengalaman boleh membuat kes-kes reman, tetapi bagi kes-kes perbicaraan jenayah, kalau boleh sekurang-kurangnya lah di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen ini, mungkin pengalaman sekurang-kurangnya dua atau tiga tahunlah *practicing trial experience* daripada kes-kes jenayah. Saya rasa itu sahajalah daripada saya, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Nelson. Sekarang saya jemput Puan Tiew Way Keng.

12.34 tgh.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua. Prinsip asas sistem keadilan kita terangkum dalam fasal 5(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu tiada sesiapa pun boleh dilucutkan hak nyawa atau kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Namun, prinsip mulia ini menjadi hampa jika seseorang yang tertuduh yang mungkin tidak memahami prosiding mahkamah dan tidak mempunyai wang untuk upah peguam terpaksa berhadapan dengan keseluruhan kuasa negara sendirian.

Pernahkah kita bayangkan seseorang rakyat biasa yang tidak mampu terperangkap dengan kes-kes undang-undang tanpa wang untuk upah peguam walaupun menurut seksyen 255 Kanun Tatacara Jenayah, setiap tertuduh berhak dibela. Jadi, saya berharap fasal 56 Jadual Kelima RUU ini dapat dikeluarkan. Jika seseorang tidak diwakili oleh peguam berhadapan dengan sistem keadilan sendirian, dengan penuh ketakutan dan kebingungan, maka RUU ini tidak dapat membela bagi mereka yang telah didakwa di bawah Jadual Kelima ini.

RUU yang kita bincang hari ini hadir untuk memastikan tiada rakyat Malaysia lagi melalui pengalaman pahit yang berlaku sebelum ini. Atas dasar itu, saya menyokong RUU Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 ini sekiranya fasal 56 Jadual Kelima itu dapat dikeluarkan. RUU ini bukan sekadar reformasi undang-undang, tetapi mengisytiharkan dengan jelas keadilan adalah hak asasi, bukan barang mewah.

Datuk Yang di-Pertua, RUU ini adalah suatu reformasi perundangan yang baik dan semoga RUU ini juga dapat membawa dua perubahan teras, iaitu bagi pembelaan awam yang memberikan bantuan guaman dari saat tangkapan dengan izin, *urgent arrest* bukan hanya di mahkamah, termasuk hal reman yang menyekat kebebasan orang yang kena tangkap.

Kedua, bagi perluasan skop yang merangkumi kes sivil-sivil kritikal seperti tuntutan harta pusaka kekeluargaan dan pengguna, kes-kes yang sering memerangkap rakyat kita. Bagaimanakah pula dengan kes-kes yang melibatkan pembeli-pembeli rumah, khususnya bagi rumah kos rendah yang menghadapi masalah projek terbengkalai atau projek sakit kerana golongan ini hadapi masalah kena bayar sewa dan pada masa, kena bayar ansuran pinjaman pembelian rumah daripada projek sakit.

Ini adalah langkah menjadikan sistem keadilan kita yang lebih saksama sekiranya dapat dimasukkan dengan golongan yang saya sebutkan tadi. Seperti yang menjadikan gelanggang perundangan, kita semua adalah rata bagi semua rakyat. Bukan hanya untuk mereka yang berkemampuan ataupun yang mewah. Sokongan saya berhasrat agar pelaksanaan ini adalah mantap, pembiayaan yang mantap diperuntukkan bagi setiap tahun daripada kerajaan dan saya juga berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang kadar fi yang katakan hanya RM10, tetapi saya juga nampak ada fi dalam fasa ini, dan juga sumbangan daripada pemohon daripada rang undang-undang ini.

Bagi akses yang setara, saya juga menyokong bagi hujahan Yang Berhormat Senator tadi yang khas khususnya bagi rakyat-rakyat yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Dan juga saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengadakan satu sistem supaya sistem akses setara ini bukan sahaja dari segi *geographical*, tetapi juga dari

segi masa iaitu 24 jam, khususnya apabila kes-kes *urgent arrest* dengan izin, iaitu tangkapan berlaku selalunya pada tengah malam. Saya juga berharap supaya satu kempen kesedaran agresif akan diadakan supaya bantuan ini dapat sampai kepada semua yang memerlukan.

Datuk Yang di-Pertua, akhirnya rang undang-undang ini adalah tentang memastikan keadilan, bukan sekadar termaktub dalam perlembagaan, tetapi hidup dan dapat dihidapi oleh setiap rakyat. Buktikan bahawa di Malaysia keadilan berpihak kepada kebenaran, bukan kepada kekayaan. Saya mengalu-alukan reformasi yang begitu baik daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang, saya jemput pembahas terakhir, YB Senator Tuan Che Alias bin Hamid.

12.39 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap satu perkara yang penting iaitu lah berhubung dengan isu pelantikan Ketua Pembela Awam dan juga pegawai pembela awam sebagaimana di bawah fasal 4(1) yang memperuntukkan seperti berikut. Di mana Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai Ketua Pembela Awam dan apa-apa bilangan pegawai pembela awam bagi maksud khidmat pembelaan awam.

■1240

Peruntukan ini memberi kuasa penuh kepada Menteri untuk melatih Ketua Pembela Awam serta menentukan bidang kuasa ini. Pada pandangan saya, hal ini menimbulkan kebimbangan besar terhadap risiko campur tangan politik dalam sistem bantuan guaman negara. Kita tidak mahu struktur yang diwujudkan dengan niat yang baik ini untuk membantu rakyat, akhirnya dijadikan alat untuk kepentingan politik.

Oleh itu, bayangkanlah jika Ketua Pembela Awam yang dilantik tidak bebas dan tidak neutral, sudah tentu ada kemungkinan keputusan berkaitan pemberian bantuan guaman termasuk kes-kes berprofil tinggi boleh dipengaruhi oleh kehendak pihak eksekutif. Ini boleh menjejaskan integriti sistem perundangan dan juga melemahkan hak rakyat untuk mendapat pembelaan dan keadilan yang seadilnya.

Kita perlu memastikan bahawa akses kepada keadilan berada di luar campur tangan politik. Saya mencadangkan agar pelantikan Ketua Pembela Awam ini dilakukan melalui

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ataupun Jawatankuasa Bebas Parlimen, bukannya bergantung sepenuhnya kepada budi bicara Menteri. Mekanisme ini penting bagi menjamin bahawa pegawai-pegawai ini benar-benar profesional, berpengalaman dan bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Saya juga mencadangkan agar kriteria kelayakan dan juga tempoh pelantikan Ketua Pembela Awam serta pegawai-pegawainya dinyatakan secara jelas dalam rang undang-undang ini. Tanpa garis panduan yang jelas, khususnya budi bicara ini boleh memberi ruang kepada penyelewengan dan amalan pilih kasih. Kita mesti ingat bahawa tujuan RUU ini adalah untuk memperluaskan akses keadilan kepada semua rakyat, terutamanya golongan B40, OKU dan juga kanak-kanak. Jika proses pelantikan pegawai pembela awam tidak telus dan bebas, maka objektif RUU ini akan gagal sama sekali. Oleh itu, saya mendesak supaya kerajaan mempertimbangkan pindaan terhadap peruntukan ini bagi menjamin kebebasan institusi dan ketelusan pelantikan dan integriti perkhidmatan bantuan guaman ini.

Seterusnya, Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada isu kedudukan dan peranan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) selepas pelaksanaan struktur baru Jabatan Bantuan Guaman ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2012, YBGK telah memainkan peranan besar dalam memberikan bantuan guaman kepada rakyat di Malaysia ini, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan tidak mampu melantik peguam persendirian. Menurut rekod, ribuan rakyat telah mendapat manfaat daripada YBGK ini dalam kes jenayah termasuk reman, pendakwaan dan juga rayuan. Oleh itu, Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 ini tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana YBGK akan diintegrasikan dengan struktur baru ini.

Kekaburan ini menimbulkan kebimbangan kerana ketiadaan pelan peralihan yang jelas. Selain diamati kandungan RUU ini, tiada sebarang peruntukan terperinci dalam RUU ini. Mengenai pertamanya, bagaimana kes-kes sedia ada di bawah YBGK ini akan dipindahkan ke bawah struktur yang baru?

Yang kedua, sama ada peguam panel YBGK akan dimasukkan ke dalam sistem Jabatan Bantuan Guaman dan yang ketiga, bagaimana klien-klien ataupun pelanggan lama akan dilindungi dalam tempoh peralihan ini?

Tanpa pelan peralihan yang jelas, kita berisiko mencipta kekosongan perkhidmatan di mana rakyat yang memerlukan bantuan guaman akhirnya tidak mendapat khidmat pembelaan yang sewajarnya. Oleh itu, kerajaan saya mengharapkan, kerajaan tidak boleh sekadar memperkenalkan struktur baharu tanpa memikirkan kesinambungan institusi dan juga keberkesanan perkhidmatan yang sedia ada. Kita tidak mahu situasi di mana dua entiti

melaksanakan tugas yang sama, tetapi rakyat masih gagal mendapat akses kepada keadilan. Oleh itu, justeru itu, untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya kerajaan memasukkan klausa khusus dalam RUU ini yang menjelaskan peranan YBGK ini selepas pelaksanaan struktur baharu dan mengumumkan pelan peralihan yang jelas supaya rakyat dan juga peguam panel tidak keliru dengan sistem baharu yang kita kemukakan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Selesailah sesi perbahasan kita. Sekarang saya minta YB Menteri. YB Menteri perlu banyak masa?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: *Insya-Allah*, saya cuba habiskan dalam masa 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, kalau tak ada pencelahanlah. Silakan. *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Apa pun Tuan Speaker, saya akan cuba menjawab. Yang mana saya tak sempat jawab, saya jawab secara bertulislah. Tak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

12.46 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan nak ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam. Saya duduk di sini mendengar dengan begitu teliti isu-isu yang dibawa oleh semua Yang Berhormat Senator yang bagi saya, saya menghargai pandangan, teguran dan cadangan yang telah dikemukakan.

Dan sebahagiannya akan saya sentuh dalam — sebahagiannya tadi ada yang saya dah jawab masa dalam ucapan pembukaan. Namun, izinkan saya untuk menjawab dengan lebih terperinci pada isu dibangkitkan dan seperti yang saya sebut pada Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak mampu saya akan jawab secara bertulis ya.

Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin, Senator Datuk Anna Bell, Senator Tuan Azahar, Senator Tuan Manolan, Senator Datuk Rosni, Senator Tuan Haji Hussin, Tuan Haji Abdul Nasir, Senator Datuk Nelson, Senator Puan Tiew dan Senator Tuan Che Alias.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu rata-rata di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini pun isu yang lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya nak sentuh tentang fi dan sumbangan. Isu fi telah disentuh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman, fasal 13 menetapkan bahawa orang yang layak mendapatkan bantuan guaman atau pembelaan awam perlu membayar fi sebagaimana ditetapkan oleh Menteri. Seperti yang juga telah dijelaskan ketika pembukaan saya tadi, kadar fi untuk semua perkhidmatan ditetapkan melalui *prescribe via rules*, hanyalah hanya sebanyak RM10, amat nominal, bersifat simbolik dan tidak sesekali dimaksudkan untuk membebankan golongan B40 ataupun M40 yang rendah.

Tujuan fi ini adalah untuk menunjukkan komitmen pemohon supaya perkhidmatan ini tidak dipandang ringan. Dan ia adalah juga untuk mengelakkan penyalahgunaan sistem, contohnya permohonan yang membuat permohonan berbilang kali tanpa keperluan yang sebenar. Dalam penyumbangan ini, saya juga telah sentuh dalam perbahasan saya tadi, awal tadi, dalam pembukaan bacaan kedua tentang isu membantu juga dari segi fail dokumen pemprosesan.

Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin tanya tentang fasal 22, 23, tentang kuasa ketua pengarah dalam — beberapa perkara berkenaan dengan fasal 63, berkenaan memberi maklumat palsu dan juga berkenaan dengan ada juga beberapa Yang Berhormat yang telah sentuh tentang pendapatan yang setahun selepas ditolak tanggungan.

Ini bermaksud bahawa penilaian ini tidak hanya melihat pada jumlah kasar pendapatan, tetapi turut mengambil kira tanggungan keluarga, kos sara hidup, bilangan anak dan keadaan kewangan seluruh. Kenapa 50,000? Ini adalah di paras yang diselaraskan berdasarkan pendapatan isi rumah yang membolehkan majoriti B40 dan sebahagian daripada M40 yang rendah kelayakan itu untuk memohon.

Pendapatan ini juga mengelakkan ketirisan di mana golongan dalam menggunakan kemudahan, tapi rata-rata kalau kita tengok pada akta ini Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya walaupun ditetapkan kepada permohonan pada dasar permohonan tersebut, tetapi diberikan kuasa budi bicara bagi pihak kerajaan melalui Menteri untuk membuat kepastian seterusnya.

Contohnya, saya menerima mungkin RM50,000 tahun ini, tapi dalam masa lima, 10 tahun akan datang, mungkin 50,000 itu dianggap dalam kes kejadian sangat kecil. Jadi, itu sebabnya, akta ini, bila kita bentuk akta ini, kuasa budi bicara itu kita letakkan. Sebab kita mengambil kira tentang perubahan zaman, tetapi saya nak tekankan sini pada semua Yang

Berhormat, apa yang kita buat pertama sekali ialah dulu kita ada Akta Bantuan Guaman Tahun 1971 [*Akta 26*].

■1250

Ia hanya dilihat kepada kes bantuan guaman. Itu sebab ada yang Senator sebut Biro Bantuan Gaman. Dulu biro, sekarang dipanggil jabatan. Jadi dengan ada akta ni, *insya-Allah* bantuan guaman akan tukar nama kepada agensi. Kenapa? Sebab perkhidmatan kita begini lebih. Kalau kita lihat dulu, kalau kita dengar – saya juga di pelajar universiti. Kalau cakap pasal juga Biro Bantuan Guaman dulu orang selalu ingat ini mesti kes cerai-berai. Cerai-berai sahaja. Orang tak pernah fikir bahawa kerajaan boleh memberi bantuan guaman dalam aspek kes-kes jenayah. Tak pernah.

Itu sebab saya nak kumpulkan isu yang Yang Berhormat tanya pasal YBGK. Di sini Tuan Yang di-Pertua, YBGK ini Pengerusi dia Peguam Negara. YBGK ini bukan syarikat. Dia bukan dipunyai oleh Majlis Peguam Malaysia, tidak. YBGK adalah satu yayasan yang ditubuhkan oleh kerajaan masa itu, 2011.

Kemudian, ia mula berkhidmat pada tahun 2012 dan YBGK ni kerajaan bagi duit. Maknanya bila bantuan guaman melalui kes Akta 26 ini, kes-kes sivil, syariah, kerajaan bantu secara pegawai-pegawai yang ada, tetapi bila kes jenayah itu dia memakai YBGK, tetapi komitmen kerajaan – dengan adanya akta ni dan di mana nama akta ni juga telah diubah iaitu Akta Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam bererti bahawa kerajaan nak meluaskan pentadbiran memberi bantuan ini bantuan guaman kepada rakyat dalam aspek syariah, sivil dan diwujudkan satu saluran baru yang dipanggil jenayah iaitu kita panggil *public defender* ataupun pembelaan awam yang mana dalam mukadimah saya tadi saya kata banyak negara dah mula membuat rentak sedemikian.

Kalau tidak, dah lebih tahun 1971, ini tahun 2025. Dah 54 tahun bantuan guaman kita kes cerai-berai. Cerai-berai. Kes sivil pun, betul yang mana Yang Berhormat sebut tadi memang tak berubah banyak. Itu yang kadang-kadang dalam hal ini, kalau kita nak buat reformasi institusi kita mesti mula dengan satu kadar yang baru. Apa kadarnya? Kerajaan mesti bertanggungjawab.

Ada Yang Berhormat tadi tanya. Saya tahu Datuk Senator Nelson tanya. Saya nak cakap hari ini ya, nak cakap pasal konflik. Saya berani cakap di sini. Hakim Mahkamah Sesyen, Hakim Mahkamah Majistret daripada *judicial legal service*. Pendakwa DPP daripada *judicial and legal service*. Tak konflik ke? Ini yang sedang berlaku hari ni.

Itu sebab bagi Kerajaan MADANI, bila kita bercakap tentang pemisahan AGPP, Peguam Negara dengan kewujudan pendakwa negara itu sebab kita memikirkan bahawa

kalau tidak ada adanya pemisahan lama kelamaan macam mana yang Yang Berhormat Senator cakap betul, memang ada konflik. Di mana paksinya?

Sekarang ini sebagai contoh, DPP pergi ke mahkamah mungkin Hakim Mahkamah Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen kenal daripada dia? Gred dia rendah. Kita tak tahu. Mungkin Dato' Setia Salehuddin sebagai bekas DPP, dia tahu cerita yang saya nak cakap ini. Kita tak tahu, tapi tak apalah, kita ada sistem rayuan. Majistret nak rayu, sesyen kemudian dia boleh rayu ke Mahkamah Tinggi. Tak ada masalah, tapi dalam kes jenayah.

Kerajaan hari ini nak memulakan langkah baharu supaya kita ada agensi kerajaan yang boleh mengambil kes-kes jenayah yang kita senaraikan dalam jadual. Memang saya tak menafikan keutamaan kerajaan kepada rakyat Malaysia. Sebab kerajaan mesti tahu antara isu kos ni bukan sahaja isu memohon itu, RM50,000 ini pun rakyat dah bising kata kenapa RM50,000? Kenapa tak boleh pada kadar yang lebih tinggi.

Cuba kita fikirkan kalau kita nak luangkan keluasan bantuan guaman kes-kes jenayah kepada yang bukan warganegara. Ini pun akan menjadi suatu pertikaian rakyat. Jadi keutamaan dia adalah pada warganegara, tetapi budi bicara diberi kepada Menteri.

Ada kes-kes tertentu kemungkinan walaupun dia tak perlu bantuan guaman, tetapi kes dia ialah kes yang mempunyai nilai *national interest* yang perlu kita memberi pembelaan, tapi di sini Yang Berhormat Senator, keyakinan yang saya bagi pihak kerajaan nak memberi kepada Yang Berhormat Senator ialah niat kerajaan supaya ini adalah pembentukan baru yang kita nak buat. Akta baharu.

Satu, jenayah dengan sivil, syariah itu mesti ada. Yang Berhormat ada sebut tentang adakah jenayah maknanya jenayah macam jenayah syariah. Isu dia kalau kita tengok dalam jadual selagilah dia kata undang-undang jenayah di Malaysia, interpretasi kami ialah jenayah syariah. Kecuali jenayah dalam jadual yang dia kata memang tidak boleh diberikan pembelaan awam.

Dalam mana erti kata sekalipun kalau kerajaan tak dapat memberi *the legal defense*, Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Association dengan Sarawak mempunyai semua di peringkat negeri, *state bar, legal* – LAC: Legal Aid Committee. Ini memang akan hidup selamanya yang mana ditanggung oleh Majlis Peguam Malaysia di Semenanjung. Kes-kes jenayah yang nak diberi pembelaan, *legal aid* masih akan berjalan. Tidak adanya kononnya arahan daripada kerajaan tak boleh langsung Majlis Peguam pun bantu. Tak ada.

Ini memang tertakluk kepada Majlis Peguam Malaysia, Majlis Peguam Negeri-negeri, Legal Aid Committee nak menentukan The State Bar Committees nak beri ke tak nak bagi *legal aid*, tetapi bagi pihak YBGK, sebab antara sebab utamanya Tuan Yang di-Pertua ialah isu berkenaan dengan – saya nak sebut di sini. Bukan isu ketirisan.

Daripada 2011 sampai 2024, kerajaan telah meletak lebih daripada RM100,528,400 juta kepada YBGK. Kes-kes itu semua kes-kes jenayah yang kita bantu melalui YBGK yang disebut antara saya bagikan *breakdown* Yang di-Pertua, kes-kes yang macam mana.

Antara yang kes yang paling banyak ialah kes-kes tangkapan, reman, jaminan mitigasi, pendengaran rayuan, tetapi banyak tiap-tiap tahun itu yang kita tengok daripada jumlah yang paling banyak ialah kes-kes reman dan jaminan mitigasi. Yang ini berlaku sebab bila mereka berada di mahkamah pada saat tersebut mungkin mereka warganegara tidak warganegara memohon bantuan reman untuk memohon dan juga melalui jaminan mitigasi supaya adanya peguam mewakili nak minta kekurangan dari segi masa dan sebagainya ataupun denda. Itu dibuat oleh YBGK.

Jadi apa yang di maksud dalam akta ini yang mana saya buat dalam ucapan saya tadi, kerajaan akan memberi masa setelah semua hutang-hutang pada YBGK kita selesaikan kerajaan akan mengambil alih, tetapi peguam yang akan kerajaan letak untuk kes jenayah memang peguam daripada YBGK iaitu daripada Majlis Peguam Malaysia dan Majlis Peguam Negeri-negeri. Mana boleh kerajaan sekarang dengan adanya peguam yang dalam kes jenayah ke sivil, sekarang ini pun kalau – kerajaan nak hantar semua peguam kerajaan di bawah memang tak sempat dan tak mampu. Betul, yang mana Yang Berhormat Senator sebut.

Itu sebab senarai nama-nama yang diberi Majlis Peguam melalui sistem YBGK, kita akan teruskan. Itu komitmen saya di Dewan Rakyat dan hari ini di Dewan Negara. Itu...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: ...Sila, sila.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh mencelah sekejap Tuan Yang di-Pertua? Sedikit sahaja ya. Saya tertarik tadi tentang *conflict of interest* itu. Saya setuju sangat dengan YB Menteri mengatakan: sebenarnya tidak ada timbul *conflict of interest*. Cuma persoalannya bila Yang Berhormat Menteri kata sedemikian di bawah seksyen 3 dengan seksyen 4 di bawah akta yang baru ini seolah-olah menggambarkan bahawa pelantikan Ketua Pengarah dan juga pelantikan Ketua Pembela Awam dan Pegawai Pembela Awam ini adalah satu *open service*.

Maknanya ia terbuka juga kepada orang luar. Atas alasan saya percaya adalah disebabkan bahawa dikhuatiri bahawa kalau dilantik di kalangan pegawai kerajaan yang juga berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, ia akan ada konflik satu pihak sebagai pendakwa. Dia juga mungkin ada akses kepada fail kononnya untuk menjadi pembela kepada mereka yang dituduh.

Jadi sepatutnya bagi saya tak perlu dibuka jawatan ini. Patutnya diberikan jawatan tertutup. Hanya diberikan kepada pihak mereka yang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara

ataupun di dalam kehakiman. Untuk mohon penjelasan sedikit daripada YB Menteri? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Setia. Saya boleh jawab nak mengatakan memang pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman ataupun pada masa depan mungkin dipanggil Agensi Bantuan Guaman ya. Pengarah di belakang saya ini ialah pegawai daripada Jabatan *Judicial Legal Service*, Pejabat Peguam Negara, tetapi yang paling unik ialah pelantikan yang mana Yang Berhormat ada sebut tadi tentang pelantikan Ketua Pembelaan Awam iaitu yang menjalankan kes-kes jenayah. Okey, di sini kalau kita tengok fasal 4 ya.

Fasal 4 mengatakan pembelaan awam hendaklah menumpu sepenuh masa profesionalnya sebagai Ketua Pembelaan Awam dan semasa memegang jawatan tidak boleh memegang apa-apa jawatan ataupun pekerjaan lain sama ada dengan saraan ataupun tidak.

Ini Yang Berhormat Senator Rosni tanya ini kalau ada bau-bau politik macam mana? Itu sebab perkataannya ialah profesional. Kadang-kadang orang Yang Berhormat Senator, mungkin dia tak mengaku dia menyokong parti politik mana, tetapi jiwa dia kita tak tahu. Macam Yang Berhormat dengan saya hari ini pakai *pink* dengan merah. Lebih kurang lah semua orang tahu. Lebih kurang, tetapi tak akan lah YB Dato' Saidin pakai hijau pun kita nak kata dia sokong siapa.

Isunya ialah naluri dalam itu kita tak dapat kepastian, tetapi yang penting untuk kes jenayah ini yang kita nak tekan – saya nak berkata di sini ialah mesti seorang itu profesional dan dia tidak boleh mendapat saraan. Maknanya kalau dia daripada peguam swasta, dia memang kena letak jawatan. Tak akanlah dia nak pegang duit, pegang swasta kemudian dia nak masuk untuk pembelaan awam. Saya rasa agak bukan kata mustahil agak bias.

Itu sebab dalam perkara ini, kita sebut tentang yang lebih penting ialah Ketua Pembelaan Awam sebab ini kemungkinan akan menjadi langkah pertama di mana Hakim Mahkamah Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, DPP daripada *judicial legal service* yang menjalankan pembelaan bagi kes-kes kerajaan akan menjadi orang daripada saluran luar.

■1300

Ini satu pembaharuan yang bagi saya begitu unik dan saya berterima kasih kepada Jabatan Bantuan Guaman termasuk Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri AG sendiri yang bersetuju untuk memberikan pembukaan kepada pelantikan supaya boleh diambil daripada kategori luar. Kategori swasta sebagai contoh ataupun kemungkinan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin ini adalah antara peguam terkenal dalam kes jenayah nombor satulah, *top ten*-lah saya kata. Fi dia satu jam pun saya pun tak boleh sebut di sini. Alamak, punyalah

tinggi. Manalah tahu esok lusa dia bangun tidur, saya hendak jadi Ketua Pengarah Pembelaan Awam. *[Tepuk]* kononlah, manalah tahu. *Wallahualam.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Public service. [Ketawa]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Ya lah, mana tahu, tetapi dia kena tinggalkan jawatannya, terutama sekali sebagai penasihat kah? Sebagai Ketua pada Majlis Agama Islam Selangor? Macam-macam dia kena tinggalkan tetapi perasaan jiwa dia untuk membantu golongan-golongan rentan dan sebagainya. *Alhamdulillah. The best brain in criminal law,* mewakili *public defender, director general.* Kalau bolehlah, *insya-Allah* saya berdoa hari-hari. Tapi tak tahu, mungkin tak dapat, mungkin dapat...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu bukan tawaran. *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Tapi, nak bayar dia, tak mampu. Contoh juga, kategori kedua. Ada fi kata, fi tertentu kita hendak bayar peguam. Tapi ada peguam, mungkin dia tak setuju. Macam hari ini, saya nak cakap kes YBGK Tuan Yang di-Pertua. Kesian, peguam kita di bawah kes-kes reman, *on the spot* tu RM30, dia dapat bayaran daripada YBGK. Itu pun 100 lebih juta, daripada 2011 sampai 2024. Cuba kita bayangkan, punya banyak kes, kita tutup mata, tak kisah rakyat Malaysia kah, bukan warganegara Malaysia. Tapi kita bagi bantuan jenayah.

Tapi dalam perkara ini, ada sesetengah kes, kemungkinan peguam kita ambil dari luar, dalam senarai. Dia tak bersetuju pada RM30. Dia kata minimum *rate* dia RM300 ke RM500 ke satu jam, sebagai contoh. Jadi, kita ada keputusan untuk membuat keputusan dasar untuk membenarkan, itu dalam rang undang-undang ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya yang sangat penting bagi akta ini, yang lain saya akan bagi jawapan bertulis ya, terlepas pukul 1 ini. Saya nak tekan, paling penting ialah sivil, syariah dan jenayah.

Kemudian, *legal companion* yang mana Yang Berhormat sebut tentang mempunyai kemahiran dari segi mental. Memang kita akan pilih mereka yang mempunyai kemampuan, *legal companion* ini bukan apa. Tuan Yang di-Pertua, daripada kes jenayah seksual tu bermula nak pergi ke hospital, nak naik bas, nak naik taksi, nak naik *Grab*, nak jumpa doktor pakar, nak pergi jumpa polis, nak jumpa IO dia takkan pergi seorang diri. Tak payah tunggu ke mahkamah, ada seorang pembela, *public defender*, tak ada langsung.

Kanak-kanak itu, daripada mula dia menjadi mangsa jenayah seksual, daripada itulah Jabatan Bantuan Guaman di peringkat negeri akan memberi bantuan pendampingan kanak-kanak. Mungkin orang pencen, mungkin orang masih bekerja, tetapi yang lebih penting kanak-kanak itu mendapat perlindungan.

Sebab Yang Berhormat Senator-senator dan Tuan Yang di-Pertua, mangsa kanak-kanak, kalau yang menjadi *perpetrator* itu daripada keluarga, *nauzubillah.* Bapa kah? Abang

kah? Atuk kah? Dengan duduk di rumah, dia nak pergi ke mana? Siapa nak bawa dia ke hospital? Ibu, nenek, mak saudara, mak saudara kat rumah tengah takut, ini *perpetrator*, orang yang bayar untuk kebajikan makanan di rumah, siapa yang nak bantu? Dan kalau seorang mangsa itu ada duit, dia boleh ada peguam daripada hari pertama, ikut ke kanan, ikut ke kiri. Kalau dia mangsa yang tak ada kemampuan?

Jadi, inilah rang undang-undang yang bagi saya satu komitmen daripada Kerajaan MADANI, melalui rang undang-undang ini, dengan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, memberitahu anak-anak dalam negara kita, *you will not walk alone*. Daripada mula menjadi mangsa, bukan dalam mahkamah.

Saya Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang terkilan. Bila kes dah pergi ke mahkamah, semua kes banyak DNAA. Daripada mangsa umur enam tahun, kes boleh selesai umur 10 tahun, 15 tahun, 16 tahun, semua dah malu dah. Semua buat-buat lupa, banyak kes. Itu sebabnya dalam perkara ini, saya pun dah bincang dengan Ketua Hakim Negara yang baharu, Ketua Hakim Malaya, bercakap tentang *guidelines* yang kita keluarkan pada tahun 2015 itu, kita kena tentukan *guideline* yang kes kanak-kanak mesti selesai dalam masa setahun menjadi prioriti mahkamah kita. Mereka bersetuju, komitmen sekali lagi.

Jadi, dengan ada sistem ini ialah ekosistem yang ditubuhkan oleh Kerajaan MADANI supaya bercakap tentang pendampingan daripada mula kanak-kanak itu menjadi mangsa. Kemudian mediasi. Yang Berhormat ada kata, adakah mediasi di sini? Saya nak sebut memang Yang Berhormat, dalam fasal 43 ke bawah, ke atas, memang ada fasal mediasi. Mediasi itu ialah dalam perantaraan tapi dalam bahasa orang putih, *mediation*, *mediator*. Dan dalam perkara *mediation* dan mediasi, daripada 43 ke atas iaitu pengantaraan bab 5, saya nak menyatakan memang kita pakai mediasi. Terutama sekali dengan kes-kes keluarga sebab dalam undang-undang keluarga Islam, penetapan pertama ialah *sulh*, menyelesaikan secara baik bersama wakil suami dengan wakil isteri.

Jadi, dengan perantaraan yang kita letak, dulu kita tak ada perantaraan, kita ada sekurang-kurangnya adalah perantaraan, tetapi di sini kita mesti tentukan perantaraan yang kita nak keluarkan, perantaraan yang bersijil. Sekarang ini sijil dikeluarkan ada daripada beberapa macam Majlis Peguam tu, bukan murah, mahal, berapa ribu satu kursus.

Jadi, dengan adanya sistem ini, saya pun dah arah pada ketua pengarah di belakang ini, bahawa kalau kita nak bagi perantaraan, bagilah kursus mediasi. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Senator boleh juga melalui kursus mediasi ini dan menjadi *mediator* di kawasan-kawasan masing-masing. Ya lah sebab kita orang politik ini banyak sangat kes-kes hari ni, 3R lah, benderalah marah, semualah nak marah. Entah-entah ada mediasi di bawah bantuan guaman, bolehlah kita sejuukkan sikit perasaan semua pihak.

Jadi, saya sebenarnya — yang lain saya boleh jawab secara bertulis ya Tuan Yang di-Pertua, tapi disebabkan dah 1.05 minit. Saya berharap bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya hendak bagi YB lebih masa kerana saya pun seronok dengar jawapan daripada Menteri.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Cerita tentang bantuan guaman.

Timbalan Yang di-Pertua: Tapi saya — tapi kalau YB Menteri hendak berhentikan awal, mana-mana yang YB Menteri fikir prioriti itu, YB jawab lisanlah.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Saya jawab, tapi dah saya tekankan di sini tentang fi YBGK, antara isu tentang pendampingan, ketua pengarah, tetapi, bila cakap pembelaan awam itu, ketua pengarah dalam senarai ini, dia boleh jadi ketua pengarah yang ada latar belakang syariah. Dia tak semestinya mesti hanya mempunyai latar belakang — apa, *litigation* itu hanya litigasi sivil, tak ada. Dia tidak mengata, tidak.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, selalu berpegang kepada prinsip akta. Selagi akta itu kata boleh, ia adalah boleh. Kalau dia kata tak boleh, dia tak tulis tak boleh, maknanya itu bolehlah. Maknanya, *if it is not written cannot, it is deem to say can*. Jadi, di sini makna Yang Berhormat kata, "*Oh, orang yang macam mana kita nak lantik?*" Itu saya kata, dia menyatakan karakter tertentu.

Jadi, katakan saya nak masuk — akhir sekali ya Tuan Yang di-Pertua tentang jadual kes-kes jenayah. Bila kita tengok kes-kes jenayah, ada Yang Berhormat tanya, "*Eh, ini diskriminasi.*" Orang yang dalam dewasa boleh mendapat — tak dapat dalam kes jenayah kanak-kanak, tetapi yang pesalah kanak-kanak semua mendapat pembelaan.

Saya nak jawab di sini ini ialah keputusan dasar yang dibuat oleh kerajaan sebab kalau kita masuk ke mahkamah, takkan *perpetrator* dengan *victim* yang pada kes jenayah seksual kanak-kanak, dua-dua kerajaan nak membela. Kita kena pilih satu, tetapi dalam hal lain, dalam Jadual Kelima itu, perihal prosiding jenayah, nombor satu, dua dan tiga itu memang semua tahulah kes-kes bunuh, kes-kes jenayah melibatkan jenayah terhadap *national security* dengan *interest*. *National security* itu memang kita tidak akan membuat pembelaan, tetapi lebih kepada kanak-kanak, tetapi saya nak rujuk balik kenyataan saya awal tadi bahawa State Bar Committees, Bar Council Malaysia memang tetap boleh memberikan pembelaan kepada mereka, tak ada masalah.

Ini hanya bantuan guaman kepada mereka yang ingin mendapat bantuan tersebut. Kalau ini bukan pilihan mereka, tak semestinya mereka tak boleh mendapat dia punya *defender, council* daripada sistem swasta. Tak ada masalah melalui Legal Aid Centers ataupun daripada Legal Aid Bar Committee, tapi saya nak sentuh juga dalam prosiding jenayah. Kita ada tambah dari segi jenayah syariah. Saya hendak rujuk kepada Jadual Kelima.

Ini tak — Jadual Kelima ini dalam kes rang undang-undang. Tadi ada Yang Berhormat ‘Teh’ ke – tanya pasal kes sewa beli?

Saya nak rujuk pada Jadual Kedua, Bahagian I. Dalam prosiding sivil, kalau kita tengok pada nombor 17, berhubung tanggungjawab prosiding berhubung penyewaan iaitu *rental* dan kemudian tuntutan pengguna, *consumer*, bawah 19. Maknanya, pengguna, *consumer* 19, *rental* pun kita memberi *defense*. Yang keunikan rang undang-undang ini ialah kita boleh bagi *legal opinion*. Maknanya, selain daripada *legal aid*, kita bagi *legal opinion*. Maknanya, dia boleh minta pendapat, *opinion* dan *opinion* pun yang saya sebut dalam mukadimah saya tadi, dia boleh *online*. Tak semestinya dia nak cari pejabat-pejabat bantuan guaman.

Saya juga nak maklum, ada yang menegur, takkan nak pergi beratus kilometer nak cari pejabat di peringkat negeri. Saya setuju dan saya beritahu pada ketua pengarah saya, tak boleh. Kita hanya berpusat di daerah-daerah besar sahaja negeri-negeri itu sebabnya kita membuatkan pendekatan kewujudan *Justice on Wheels* (JOW). Yang mana *insya-Allah* kita nak buat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk semua negeri ada satu. Itu pun tak cukup. Harapan saya kalau boleh, setiap daerah ada satu. Kalau boleh pun, setiap kawasan Parlimen ada satu. Kalau boleh pun, setiap kawasan DUN ada satu.

Sebab dalam mobil ini, kita harap bahawa ia akan membantu dalam memberi khidmat-khidmat yang dipohon di sini. Kalau tidak, betul kata Yang Berhormat, apa gunanya undang-undang yang hebat kita luluskan, implementasinya menjadi janggal kepada rakyat, rakyat tak rasa, ini kerajaan yang menipulah dan ini bukan komitmen daripada Kerajaan MADANI.

■1310

Akhir sekali saya nak sebut kalau Yang Berhormat tahu di segi *social* media dan media, kita — mahkamah sekarang, Ketua Hakim Negara yang baru dah bersetuju, kita nak mulakan mahkamah bergerak di Semenanjung. Dulu kita ada mahkamah, sekarang kita ada mahkamah bergerak di Sabah, Sarawak, tapi sekarang kita nak buat di Semenanjung, supaya satu negeri, satu mahkamah bergerak sebab kita tahu, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Tinggi: banyak di daerah-daerah besar.

Yang kawasan-kawasan jauh, macam saya ni, saya orang Pengerang, orang kampung. Duduk kawasan luar bandar. Lepas Kota Tinggi, daerah Kota Tinggi, daripada Pengerang, Bandar Penawar nak ke Kota Tinggi, 45 minit. Dalam ambulans banyak orang boleh mati tengah jalan pasal *accident*...

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato’ Sri Azalina binti Othman Said: Jauh hospital, saya tak dapat daerah, walaupun ada projek minyak RAPID. Saya, macam Tuan Yang di-Pertua, kawasan bandar. Yang Berhormat Senator Halim kawasan bandar, saya orang kampung, kawasan kampung. Saya

nak kan ada kalau boleh, mahkamah bergerak, supaya rakyat yang mengundi saya tak payah nak pergi ke jauh, nak 45 kilometer, nak tumpang kereta orang, nak cari mahkamah. Itu sebab kes selalu tangguh.

Itu sebabnya harapan daripada kerajaan hari ini, Kerajaan MADANI dan saya berharap kepada Kementerian Kewangan dan Menteri Kewangan iaitu merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita perbanyakkan mahkamah-mahkamah bergerak. Perbanyakkan van-van bantuan guaman supaya rasa rakyat dikatakan “Malaysia MADANI Rakyat Disantuni” inilah maksud “santuni” itu. Bukan hanya berbicara manis di bibir mulut. Itu maksud sayalah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dengan itu, saya memohon kepada semua Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kalau rang undang-undang ini diluluskan dan mengakhiri penggulungan saya, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua sekali lagi, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua agensi-agensi yang terlibat dan seperti janji saya dalam masa lima hari. Sebelum lima hari, semua jawapan yang saya janjikan akan diberikan secara bertulis kepada semua *point, point* yang ditimbulkan Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator sekalian. Dengan itu saya dibangkitkan sekali lagi memohon sokongan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri. Satu jawapan yang begitu mantap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 83 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG FI (FERI PENGKALAN KUBOR)
(PENGESEAHAN) 2025****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****1.16 ptg.****Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan YB Menteri.**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk mengemukakan Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 dibacakan kali kedua sekarang.**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh ya. Kita tak ada, tak ada berhenti?**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terus saja hari ni?**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada banyak rang undang-undang hari ini. *[Ketawa]* Jadi, lebih baik kita tahan dan puasa makan tengah hari ini. Yang Berhormat, terus YB. *[Ketawa]***Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator, Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 adalah bertujuan untuk mengesahkan kutipan fi perkhidmatan feri di Terminal Feri Pengkalan Kubor, Kelantan yang telah dikutip bermula 1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2024, tetapi tidak diwartakan secara sah di bawah Akta Fi 1951.

Untuk makluman, Perkhidmatan Feri Pengkalan Kubor–Takbai mula beroperasi secara rasmi pada tahun 1990 hasil Memorandum Persefahaman antara Malaysia dan Thailand yang ditandatangani di Hatyai. Kadar fi permulaan yang dikenakan telah diwartakan di bawah seksyen 3 Akta Fi 1991 melalui Perintah Fi pada 1 April 1990. Kemudian, berdasarkan mesyuarat *Joint Management Committee* (JMC) pada tahun 1998, kadar fi baharu telah diluluskan dan mula berkuat kuasa oleh kedua-dua negara pada 1 Januari 1999.

Selanjutnya, pada 6 Ogos 2020, Jabatan Kerja Raya Feri Pengkalan Kubor di bawah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah membuat permohonan pelarasan harga tiket feri Malaysia dan feri Thailand berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Harga Tiket Feri Seri Tanjong, JKR Feri Pengkalan Kubor yang telah diadakan pada 17 Julai 2019. Pada 6 Oktober 2022, KKR telah dimaklumkan bahawa Presiden Pertubuhan Pentadbiran Wilayah Narathiwat, Thailand telah bersetuju dengan permohonan pelarasan harga tiket berkenaan dan mengangkat permohonan kepada KKR untuk mendapatkan kelulusan.

Walaupun bagaimanapun, Pejabat Penasihat Undang-undang KKR mendapati pindaan kadar fi yang bermula pada 1 Januari 1999 ini tidak diwartakan. Pihak Jabatan Peguam Negara berpandangan berdasarkan Perkara 96 Perlembagaan Persekutuan, tiada cukai atau kadar boleh levi kan oleh atau bagi maksud Persekutuan kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang.

Oleh itu, kutipan fi yang dikutip mulai 1 Januari 1999 iaitu selepas kadar itu dinaikkan, perlu disahkan melalui suatu rang undang-undang pengesahan yang hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen. Rang undang-undang ini bukan sahaja bertujuan mengabsahkan kutipan fi terdahulu, tetapi juga bertujuan memastikan pematuhan undang-undang, mengurangkan liabiliti kewangan kerajaan dan memperkukuh keyakinan rakyat terhadap integriti pentadbiran.

Perkhidmatan feri ini juga kekal relevan sebagai laluan utama rentas sempadan bagi penduduk Malaysia dan Thailand, terutamanya sebelum jambatan dibina. Namun, kos penyelenggaraan feri terus meningkat. Misalnya, kos tahunan penyelenggaraan mencecah RM1.6 juta pada tahun 2019 sedangkan pungutan hasil jauh lebih rendah. Ini menunjukkan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan tanpa pewartaan yang sah sebelum ini.

Selain pengesahan kadar lama, kerajaan juga telah bersetuju untuk menaikkan kadar fi baharu mulai 1 Januari 2025 seperti berikut. Penumpang dari 60 sen kepada RM1, murah je Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kereta daripada RM5 kepada RM8, lori 10 tayar dari RM10 kepada RM13 dan lain-lain kategori turut diselaraskan.

■1320

Kenaikan ini disandarkan pada peningkatan kos operasi, harga diesel pasaran, kos alat ganti feri serta kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya sejak tahun 2008. Kajian Kepuasan Pelanggan juga menunjukkan penerimaan yang positif. Indeks Kepuasan melebihi 85 peratus menunjukkan bahawa rakyat menyambut usaha kerajaan memperbaiki perkhidmatan ini. Susulan kelulusan dasar oleh Jemaah Menteri, Perintah Fi baharu bagi 2025 telah ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan pada 24 Disember 2024.

Selain itu, usaha sedang dijalankan bersama Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut Malaysia untuk memperkemas kawal selia dan pengurusan sektor feri termasuk penyaluran subsidi bahan bakar, peralihan pentadbiran pada agensi yang lebih sesuai,

penggunaan sistem tiket elektronik serta penubuhan *Task Force* Feri Pengkalan Kubor yang akan menilai semula struktur tambang dan tadbir urus secara menyeluruh.

Datuk Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator, pengesahan akta ini akan memperkukuh sistem tadbir urus kewangan kerajaan, menghormati prinsip keluhuran Perlembagaan, zahirkan komitmen kerajaan dan memberikan perkhidmatan yang cekap dan sah dari segi undang-undang kepada rakyat. Akta Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 melibatkan pengesahan pemungutan fi berkenaan dengan perkhidmatan feri di bawah — di antara Pengkalan Kubor, Malaysia dan Takbai, Thailand dalam tempoh 1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2024. Ringkasan pengesahan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengesahkan fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Kerja Raya dan telah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dengan perkhidmatan feri di antara Pengkalan Kubor, Malaysia dan Takbai, Thailand mulai 1 Januari 1999 iaitu tarikh kadar fi itu mula-mula dikenakan dan dipungut hingga 31 Disember 2024 iaitu tarikh akhir kadar fi itu dikenakan dan dipungut sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Fi 2024.

Fasal 2 juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa atau dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia, mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, RUU ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi, Parlimen Kelima Belas Bilangan 5 Tahun 2025 pada 24 Julai 2025 dan telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas pada 28 Julai 2025. Segala pandangan, cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat telah diperhalusi dengan teliti oleh pihak kementerian bagi tujuan penambahbaikan RUU ini secara bersama. Justeru, saya berharap Ahli Yang Berhormat Senator dapat memberikan pertimbangan sewajarnya serta bersama-sama mengesahkan rang undang-undang ini. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan bahawa hanya dua orang saja YB yang nak berbahas dan sekarang ini ada...

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, baik, baik. *[Dewan ketawa]* Minta maaf. Bukan, saya nak — saya belum minta pasal saya nak tangguh dulu, tapi okeylah, YB dah apa ini, kalau apa ini, YB nak menyokong. Ada, ada YB menyokong?

Puan Lim Hui Ying: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan memandangkan bahawa ada taklimat kementerian pada tengah hari ini, waktu sekarang ini, maknanya — dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk menghadiri taklimat tersebut. Saya fikir elok juga saya tempohkan Mesyuarat ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, boleh saya bagi pandangan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Sebab hanya dua orang dan ini spesifik untuk apa, Pengkalan Kubor sahaja. Jadi, saya rasa itu tidak mengganggu untuk program dan selalunya dia orang ini makan dulu, lepas itu baru beri taklimat. Saya rasa sementara itu dah selesai dah.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya bercakap *on behalf of* dua orang nak bercakap, walaupun saya tak akan bercakap pun.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Menteri ada.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Dan mudah urusan Menteri juga.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri ada, ada permohonan untuk nak meneruskan. YB Menteri bersetuju?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Setuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. *[Ketawa]* Okey, baik. Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan perkhidmatan feri di antara Pengkalan Kubor, Malaysia dengan Takbai, Thailand yang ditadbir dan dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia semasa tempoh 1 Januari 1999 sehingga 31 Disember 2024 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang Ahli yang hendak berbahas maka saya buat ketetapan bahawa masa yang diberikan ialah lima minit seorang. Silakan Dr. Wan Martina.

1.25 tgh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi, kerana memberi peluang kepada saya untuk terus sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025.

Saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong RUU ini kerana ia bukan sahaja menyelesaikan isu teknikal dan perundangan yang telah berlarutan begitu lama, malah memberi kepastian terhadap pengurusan hasil negara serta memastikan kutipan fi feri yang telah dibuat oleh kerajaan sejak lebih dua dekad lalu sah di sisi undang-undang.

Datuk Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang kronologi dan latar belakang isu ini. Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), kutipan fi di Pengkalan Kubor bermula secara sah pada tahun 1990 melalui pewartaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Namun, selepas pindaan undang-undang tahun 1999 yang memindahkan senarai fi tersebut ke bawah Akta Fi 1951, pewartaan semula tidak dibuat. Akibatnya, kutipan fi dari tahun 1999 hingga kini berlaku dalam keadaan tidak selari dengan kehendak undang-undang.

RUU ini bertujuan untuk mengesahkan semula secara retrospektif kutipan tersebut di samping memastikan pada masa hadapan tiada lagi kutipan hasil kerajaan dilakukan tanpa asas perundangan yang kukuh. Ini mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam memperbetulkan keadaan serta menegakkan prinsip tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada perbezaan kadar fi yang telah ditetapkan pada tahun 1990, 1999 dan kadar baharu yang dicadangkan untuk tahun 2025. Perubahan ini adalah penyesuaian wajar berasaskan kos operasi dan penyelenggaraan. Pelarasan kadar ini hendaklah berada pada tahap yang berpatutan dan tidak membebankan pengguna. Harapan rakyat supaya RUU ini dapat menambah baik sistem kutipan fi agar lebih teratur serta selari dengan kehendak undang-undang.

Dari aspek hasil Kerajaan Persekutuan, kutipan fi feri di Pengkalan Kubor sejak tahun 1999 melibatkan jumlah jutaan ringgit. Namun begitu, dimaklumkan bahawa kos operasi perkhidmatan feri setiap tahun adalah jauh lebih besar berbanding hasil kutipan tiket. Maka jelas Kerajaan Persekutuan tetap menanggung sebahagian besar kos ini semata-mata untuk

memastikan perkhidmatan feri terus beroperasi dan rakyat khususnya penduduk tempatan dapat menikmatinya tanpa gangguan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menekankan perlunya pihak berkaitan memastikan penyelenggaraan teknikal dilaksanakan secara konsisten dan berjadual supaya mutu perkhidmatan feri sentiasa terjamin. Sebarang kelewatan, kerosakan atau gangguan operasi boleh menjejaskan kehidupan harian rakyat dan aktiviti ekonomi setempat. Oleh itu, penyelenggaraan yang rapi amat penting demi keselamatan, kebolehpercayaan serta kelangsungan perkhidmatan ini.

Datuk Yang di-Pertua, sebagai wakil untuk Dewan Negara dari negeri Kelantan, saya amat memahami betapa pentingnya perkhidmatan feri ini kepada masyarakat setempat. Ia bukan sekadar pengangkutan tetapi nadi perhubungan kepada ekonomi, mobiliti rakyat dan kesejahteraan komuniti di kawasan sempadan. RUU ini adalah langkah tepat untuk memperkukuhkan asas perundangan, meningkatkan tadbir urus kewangan dan pada masa yang sama memastikan kebajikan rakyat terus terbela.

Saya telah meneliti jawapan penggulungan oleh YB Menteri semasa perbahasan RUU ini di Dewan Rakyat. Kelantan sangat mengharapkan pembangunan kawasan sempadan ini menjadi agenda dalam perancangan RMK13 dan juga di masa hadapan. Moga-moga dengan perancangan kerajaan membina jambatan yang menghubungkan antara Pengkalan Kubor ke Takbai walaupun masih lagi dalam peringkat kajian awalan, akan memangkin pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan ini. Harapan Kelantan juga supaya kawasan ini menjadi hab ekonomi yang dapat menghubungkan Malaysia dan Indochina.

■1330

Selari dengan feri yang baru dirasmikan pada 9 Ogos yang lalu, dengan nama Feri Seri Tanjong 1, Kelantan juga mengharapkan supaya pengurusan feri lebih cekap dan telus serta pengaturan jadual dan kekerapan perjalanan dapat diurus dengan baik dan tepat masa untuk memberi kemudahan pada rakyat.

Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan, ICQS Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor akan menjadi terlalu padat pada hujung minggu atau setiap kali musim perayaan, cuti sekolah dan juga cuti panjang. Oleh itu, besar harapan kami supaya Kompleks Imigresen Pengkalan Kubor juga dapat dinaik taraf untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat.

Sebagai penutup, saya menyatakan sokongan terhadap RUU ini dan berharap Dewan yang mulia ini dapat meluluskannya dan RUU ini bukan sahaja merungkai kekaburan undang-undang tetapi juga memperkukuhkan integriti serta kebertanggungjawaban kerajaan dalam

menguruskan hasil negara yang pada masa yang sama, memberi kemudahan perhubungan kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, YB. Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

1.31 tgh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Saya pun sikit saja untuk bahas ni. Sebenarnya, padan seorang sahaja, tapi oleh kerana dua orang itu lebih baik, saya berbahas jugalah. Isu yang ringan saja untuk disetujui. Cuma ada beberapa perkara penting yang saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri.

Yang pertama, saya terfikir kenapa selepas 25 tahun kita kenakan fi untuk perkhidmatan feri ini, baru sekarang kita nak sahkan selepas 25 tahun? Adakah faktor terlepas pandang ataupun telah ada satu usaha pihak tertentu untuk mencabar keabsahan pungutan fi tersebut?

Yang kedua, setakat ini fi yang dikenakan adalah berpatutanlah, sebagaimana yang disebut Yang Berhormat, YB Martina tadi, Wan Martina tadi. Dan tidak ada kedengaran sungutan daripada pengguna, dari kedua-dua pihak, dari kedua-dua arah, Malaysia dan juga Thailand. Jadi, saya pohon penjelasan, adakah dengan adanya akta ini kerajaan akan kekal memberi jaminan dan memastikan bahawa perkhidmatan feri penghubung dua negara ini akan kekal bersifat kesejahteraan rakyat dan tidak akan menjadikannya sebagai satu entiti komersial yang bertujuan menjana keuntungan?

Saya mohon jaminan ini memandangkan kita tahu bahawa kos penyelenggaraan feri ini adalah besar, melibatkan jutaan ringgit dan boleh menjadi alasan untuk kerajaan ataupun untuk kenaikan fi di masa akan datang, yang boleh menimbulkan keresahan rakyat, yang sekarang ini agak selesa dan berterima kasih dengan harga fi yang dikenakan.

Yang ketiga, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dengan tibanya feri baharu bagi menggantikan feri lama yang telah lama berkhidmat. Harapan saya ia nya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan mampu memberikan rasa gembira, sejahtera dan unik, terutamanya kepada pelancong-pelancong asing yang keluar dan masuk ke dalam negara kita sebagai satu ucapan selamat datang ataupun selamat jalan kepada mereka. Maksudnya naik feri ini rasa seronok di sempadan. Jadi, saya harap perkhidmatan ni berjalan dengan cemerlang.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya perasan dan dimaklumkan, saya tengok *Facebook* feri ini, acap kali feri kita ini tak dapat beroperasi. Baru, tapi tak dapat beroperasi harian secara

baik dan asyik tergendala. Ini menyebabkan kebergantungan lebih kepada feri sebelah Thailand dan membazirkan masa akibat lamanya menunggu di sempadan, sedangkan tempoh menaiki feri melintasi sungai sempadan ini hanyalah beberapa minit sahaja.

Soalan saya, mengapa ini boleh berlaku kepada feri baharu dan tidak diselesaikan dengan secepatnya? Saya kira kita bersetuju bahawa kerajaan dan rakyat mahukan tempoh yang sekejap sahaja bila berada di sempadan. Melepasi sempadan, agar ia dilihat sebagai kecekapan pentadbiran sebuah negara. Dan oleh kerana — satu lagi, oleh kerana isu besar sempadan adalah soal penyeludupan.

Adakah kerajaan melihat perkhidmatan feri ini boleh menjadi satu *tool* atau pemangkin kepada penyelesaian masalah penyeludupan dan rentas sempadan? Perkhidmatan feri ini boleh berperanan sebagai serampang dua mata bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara daripada dirosakkan oleh anasir jahat luar dan dalam negara.

Akhir sekali, saya fikir bahawa kerajaan perlulah pergi kepada penyelesaian jangka panjang untuk perkhidmatan feri yang saya kira bukan lagi pilihan terbaik untuk hubungan sempadan antara dua negara kita yang berjiran ini.

Setakat manakah cadangan pembinaan jambatan di sempadan Pengkalan Kubor ini berjalan? Ternyata jambatan sedia ada dan lama terbina di pintu sempadan Rantau Panjang telah menjadi pilihan orang ramai kerana kelancarannya. Ini, Datuk Yang di-Pertua, sedangkan kita ada satu lagi pintu sempadan di Kelantan iaitu di Bukit Bunga. Dah ada jambatan pun, sedangkan yang Takbai ni, yang Pengkalan Kubor-Takbai ini lebih terkenal, tapi masih dengan penggunaan feri. Siapa tak kenal Takbai? Dalam bahasa Kelantan *ore* panggil “Ta Ba.” Sekian, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, selesailah perbahasan kita. Sekarang saya jemput YB Menteri untuk menjawab.

1.36 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih kepada dua Senator, Dr. Hajah Wan Martina dan Senator Nik Mohamad Abduh.

Saya ingin kongsi, Datuk Yang di-Pertua, berapakah kutipan dan berapakah yang kita belanjakan untuk operasi. Pada tahun 2022, kos operasi RM898,137. Pungutan cuma RM10,714. 2023, kos operasi RM1.2 juta, hasil RM89,000. 2024, operasi RM1.25 juta, hasil RM123,000. Apabila dicampur daripada 2015 hingga 2024, kos operasi RM12.3 juta, pungutan hasil RM1.3 juta.

Jadi, ini sebenarnya adalah usaha kerajaan untuk membantu rakyat, sebagaimana yang saya sebut ni. Apakah kos-kos yang terlibat? Kos penyelenggaraan feri, kos bahan api, kos gaji kakitangan. Itu adalah tiga kos utama yang merupakan kos yang terlibat.

Dan dua-dua Ahli Yang Berhormat mencadangkan mengenai jambatan. Itu adalah untuk masa hadapan dan saya memaklumkan bahawa jambatan ini kita telah mengadakan kerja-kerja awalan dan kita mencubalah untuk Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Jika peruntukan ada.

Dan sebagai mana Ahli Yang Berhormat Nik Abdulh menyebut, kita dah ada tiga. Satu di Takbai, Pengkalan Kubor. Saya dah pergi dah. Yang kedua di Rantau Panjang, saya pun pergi jugalah. Yang ketiga di Bukit Bunga, Jeli. Memang kerap kali saya pergi. Kenapa di tiba-tiba Bukit Bunga Jeli yang lewat ada jambatan? Kerana dulu ada Menteri di situ ya. Itu puncanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Setiausaha Politik Menteri dulu ya. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya pula setiausaha kepada Menteri itu. Dan di Takbai-Pengkalan Kubor ini, Parlimen Tumpat tak pernah ada Menteri. Itu untungnya ada Menteri di satu-satu kawasan...

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: *[Ketawa]* Dan satu lagi, ditanyakan oleh Senator Nik Abdulh, kenapa perkara ini berlaku, pelarasan kadar fi ini? Tiada tindakan pewartaan dilaksanakan pada masa tersebut berpunca daripada salah faham bahawa Perintah Fi 1990 mencukupi. Itu salah fahamnya, bagi kutipan fi feri, walaupun terdapat pelarasan, kenaikan. Rupa-rupanya, kelarasan apabila dinaikkan, dia perlu ada diperuntukkan dan diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Itu puncanya. Ketidakepekaan tu boleh jugalah kita kata tetapi kesalahfahaman tu lebih.

Dan ini bukan kes yang pertama, ada kes lagi di Kementerian Kewangan juga mengenai perkara ini. Kutipan yang tertentu pada ketika saya Timbalan Menteri Kewangan ada membuat dua pengesahan juga peraturan seperti ini. Kita nak diselaraskan dengan baiklah. Walaupun kutipannya tidaklah besar, tetapi kita nak secara teratur.

■1340

Satu lagi, supaya keadaan khidmat perlu cemerlang. Itu saya akui dan ada kerosakan itu, saya akui. Para pegawai tadi ramai memberikan maklumat kepada saya, walaupun baru-baru ini Menteri merasmikan.

Yang Berhormat Menteri, Dato Sri Alexander Nanta Linggi bersama Exco Kerajaan Negeri Kelantan merasmikan. Saya melancarkan ketika di Perak, di satu Limbungan: Lumut.

Kemudian daripada itu, feri bergerak ke Kelantan. Perasmian di Lumut itu saya, tetapi perasmian di Tumpat itu Menteri.

Apa yang berlaku ialah ada kerosakan dan kerosakan itu adalah di dalam tempoh kecacatan oleh kontraktor, RM7.9 juta feri baharu ini. Urusannya dibuat oleh Kementerian Kewangan. Pemilihan siapakah kontraktor yang membina feri itu di Lumut ya iaitu tugas Kementerian Kewangan yang memberikan siapa kontraktornya. Sekarang ini dalam tempoh kecacatan dan kita harap feri itu akan dapat dibaiki seberapa segera yang boleh.

Satu lagi, kutipan fi feri itu saya dah jawab tadi, dibanding kos. Kemudian mengenai jambatan, saya dah sebut dan kita berharap bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai ini akan dapat jadi kenyataan mudah-mudahan ya. Mengenai Kompleks Imigresen, memang dipersetujui bahawa perlu dinaik taraf kerana keadaan menjadi terlalu padat terutama pada hujung minggu. Kompleks Imigresen ini di bawah kementerian lain, di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya kira saya dah menjawab perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat dan itu saja yang ingin saya sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih YB Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini dtempohkan dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. *[Ketawa]* Saya dah penat.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.45 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Majlis bersidang semula. Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Di Persilakan Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perintah kehadiran wajib di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] merupakan suatu perintah yang boleh diberikan oleh mahkamah kepada mana-mana pesalah sebagai ganti kepada hukuman pemenjaraan yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau hukuman pemenjaraan bagi kegagalan membayar denda atau hutang.

Perintah kehadiran wajib di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia sejak 1 September 2010. Manakala, Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022 [Akta A1660] berkuat kuasa pada 30 September 2022. Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa seramai 8,269 pesalah telah menjalani perintah kehadiran wajib sejak 2010 hingga 2025.

Jemaah Menteri pada 21 Februari 2024 semasa menimbang memorandum daripada Menteri Dalam Negeri No.M85/2024 bertajuk Kelulusan Dasar Pindaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] antara lain telah bersetuju dengan cadangan penetapan dasar supaya suatu Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] dipinda bertujuan untuk meminda seksyen 5 dan seksyen 8 dalam Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022 [Akta A1660]. Bagi memperkasa inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara, oleh program pemulihan dan komuniti.

Selanjutnya, Jemaah Menteri pada 9 April 2025 semasa menimbang memorandum daripada Menteri Dalam Negeri No.M85/2024 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025 di bentang di Mesyuarat Parlimen. Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) ini telah di bentang pada Jawatan Kuasa Pilihan Khas Keselamatan dan Jawatan Kuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, masing-masing pada 25 dan 26 Februari 2025 yang lalu.

Jawatan Kuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi telah memberi maklum balas secara bertulis kepada Kementerian Dalam Negeri pada 16 Julai 2025 yang berpandangan bahawa pindaan ini wajar dan bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh KDN melalui rang undang-undang ini.

Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022 ini telah diluluskan dengan undian sebulat suara Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat pada 28 Julai 2025 lalu.

KDN berhasrat untuk meminda seksyen 5, Akta 461 bagi meluaskan kuasa mahkamah untuk memberikan suatu perintah kehadiran wajib terhadap mana-mana pesalah yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak lagi mengambil kira tempoh had masa tiga tahun.

Dalam hal ini, perintah kehadiran wajib ini boleh diberikan bagi kesalahan yang boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dalam mana-mana akta yang berada di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab semua kementerian dan jabatan. Selain itu, subseksyen baharu 5(1A), Akta 461 memperuntukkan mengenai perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah sebelum membuat sesuatu perintah kehadiran wajib seperti berikut:

- (a) orang itu sewajarnya dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan
- (b) adalah tidak wajar untuk menghukum orang itu dengan hukuman pemenjaraan dengan mengambil kira watak orang itu, sifat dan keseriusan kesalahan itu, keadaan kegagalan orang itu untuk membayar sekiranya berkenaan atau sebarang keadaan lain kes itu.

Sementara itu, terdapat keperluan bagi meminda seksyen 8, Akta 461 untuk meluaskan punca kuasa kepada mahkamah dalam pengurusan pesalah yang melanggar kehadiran wajib yang sebelum ini tidak dinyatakan secara jelas. Tindakan oleh pihak

mahkamah dalam akta terhadap proses kerja sekiranya pesalah melanggar perintah. Pindaan juga mengambil kira prinsip dalam seksyen 97B Akta Kanak-kanak [Akta 611] iaitu kegagalan mematuhi perintah khidmat masyarakat.

Pindaan seksyen 8, Akta 461 akan meluaskan kuasa mahkamah dalam pengurusan mana-mana pesalah yang melanggar perintah kehadiran wajib iaitu untuk mengeluarkan saman atas waran tangkap untuk memaksa pesalah hadir di hadapan mahkamah selepas menerima laporan dari Komisioner Jeneral dan untuk mengarah pesalah ditahan di suatu tempat tahanan sehingga suatu masa dia boleh dibawa ke mahkamah atau dibebaskan dengan jaminan.

Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025 ini mengandungi tiga fasal dan tiga subfasal di dalamnya. Fasal-fasal pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuasa, kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 461 seperti berikut.

Subfasal 2(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1) Akta 461, bagi memberi kuasa mahkamah untuk memerintah mana-mana pesalah yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak lebih dari 10 tahun untuk menjalani perintah kehadiran wajib bagi ganti kepada pemenjaraan. Pada masa ini, perintah kehadiran wajib hanya boleh diberikan kepada mana-mana pesalah yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

Dengan perintah ini, perintah kehadiran wajib boleh diberikan kepada mana-mana pesalah yang disabitkan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun tanpa mengambil kira tempoh had masa tiga tahun.

Subfasal 2(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1A) Akta 461 bagi mengadakan peruntukan supaya pertimbangan yang perlu diambil kira oleh mahkamah sebelum membuat sesuatu perintah kehadiran wajib.

Dan subfasal 2(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 5(1B) ke dalam Akta 461 bagi memberikan kuasa mahkamah untuk menyatakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pesalah dalam perintah kehadiran wajib.

Fasal ini juga bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk menghendaki pesalah itu untuk menyempurnakan suatu bon dengan atau tanpa penjamin bagi memastikan pematuhan wajar terhadap perintah kehadiran wajib oleh pesalah itu.

Fasal tiga bertujuan untuk meminda subseksyen 8 Akta 461 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) dan (1B) untuk meluaskan kuasa mahkamah dalam pengurusan mana-mana pesalah yang melanggar perintah kehadiran wajib seperti yang berikut.

Subseksyen (A1) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa, mengeluarkan saman atas waran tangkap untuk memaksa pesalah hadir di hadapan mahkamah selepas menerima laporan daripada Komisioner Jeneral di bawah subseksyen 8(1) dan subseksyen (1B) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk mengarahkan pesalah ditahan di suatu tempat tahanan sehingga suatu masa dia boleh dibawa ke hadapan mahkamah atau dibebaskan dengan jaminan.

Dato Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025 ini, akan membolehkan lebih ramai pesalah dijatuhkan perintah kehadiran wajib di luar tembok penjara bagi memperkasa inisiatif hukuman di luar tembok penjara melalui program pemulihan dalam komuniti. Tuan di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Di hadapan saya ada tiga orang, ya tiga orang ahli yang hendak berbahas, maka masa yang ditetapkan lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin.

2.42 ptg.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025.

Saya percaya tujuan kerajaan adalah untuk meminda undang-undang sedemikian adalah bagi tujuan jumlah banduan, kapasiti penjara di Malaysia agak tinggi yang mana terdapat lebih 83,827 banduan, sedangkan kapasiti ideal penjara adalah sebanyak 76,311 orang. Persoalan sekarang ini adakah wajar untuk kita meminda undang-undang ini untuk mengurangkan tempoh bukan– mengambil kira mereka yang telah disabitkan yang boleh

dikena hukuman maksimum sepuluh tahun, yang itu akan dimasukkan di bawah peruntukan akta ini.

Persoalannya sekarang ini skop hukuman yang telah diperluaskan ini adakah dia mencapai hasrat kerajaan untuk memastikan bawah mereka yang ditangkap, dituduh dan disabitkan dan dijatuhkan hukuman bersesuaian dengan hukuman yang hendak dilaksanakan. Sebab kalau kita fikirkan, kalau sepuluh ya, sepuluh tahun ini kalau kita lihat kepada *Penal Code itself*, kesalahannya berbentuk kes culik *less than ten years*, kes culik yang mendatangkan kecederaan pun *less than ten years*, *outraging modesty* pun *less than ten years*, kemudian *causing hurt could be also less than ten years*. Jadi banyak kesalahan yang serius, termasuk, tergolong di bawah mereka yang layak mendapat hukuman di bawah akta yang kita pinda ini.

Persoalannya sekarang ini apa jadi dengan hukuman *deterrent* yang kita hendak kenakan terhadap pesalah-pesalah yang melibatkan jenayah berat? Ini di *consider* sebagai jenayah berat. Dulu, bila kita kata khidmat masyarakat ini, hukuman yang seperti mana dalam rang undang-undang ini adalah bagi mereka yang melakukan kesalahan ringan, tiga tahun dan ke bawah, sekarang dah dinaikkan kepada sepuluh tahun.

Now, of course kalau kita lihat kepada peruntukan (b)(1A), dia ada mengatakan bahawa mahkamah perlu mengambil kira dahulu sebelum memastikan bahawa peruntukan ini dapat diguna pakai iaitu dengan mengambil kira *such person would have been adequately punished by a sentence of imprisonment for a period not exceeding three years*. So, dah macam *at one point of time* dia kata sepuluh tahun, boleh dikenakan maksimum, *you* boleh layak untuk mendapat hukuman seperti mana di bawah akta ini, tetapi dalam masa yang sama kena juga *did take into consideration*, kemungkinan dia dijatuhkan hukuman *less than three years*.

Then, might as well kita tetapkan terus dulu tiga tahun, tak payah kita *increase to ten years because still the fact remains that* faktor *mitigating* akan diambil kira oleh mahkamah untuk memastikan walaupun maksimum *ten years*, kalau hendak kenakan *three years* dan dia layak untuk mendapat hukuman seperti mana di bawah akta yang baru ini. Ini yang satu perkara yang saya rasa pihak kerajaan kena fikir baik-baik adakah ia ini satu, hukuman yang boleh memastikan bawah tidak akan berlaku lagi kejadian-kejadian yang sama pada masyarakat keseluruhannya.

Seterusnya, kita faham apabila kita jatuhkan sesuatu hukuman, bagaimana kita hendak menentukan seseorang itu layak sebab *discretion* yang diberikan, budi bicara yang diberikan kepada hakim itu terlalu luas. Bagaimanakah caranya kita hendak pastikan bahawa

ada yang layak untuk diterima di bawah hukuman di bawah akta ini dan ada yang layak perlu dihantar ke penjara.

Tidakkah kemungkinan *disparity of sentence* itu akan berlaku? Ada satu kes, kes yang sama fakta yang sama, satu dapat hukuman di bawah akta ini, satu lagi kena hukuman penjara. Jadi adakah ini adil kepada masyarakat yang sekarang ini kita tahu kejadian *criminal offences* ini telah berlaku begitu *rampant* sekali. Tambah-tambah kalau kita fikirkan tentang penculikan. Penculikan adalah satu kesalahan yang serius dan kalau *outraging modesty* pun, orang yang melakukan kesalahan jenayah seksual dibiarkan bebas sedangkan kita hendak mereka ini dimasukkan ke dalam penjara untuk tujuan sebagai satu unsur *deterrent* kepada mereka.

Apatah lagi ada juga peruntukan di sini yang mengatakan bahawa sekiranya mereka memberikan satu bon jaminan, maka mereka juga boleh *diconsider* untuk dipertimbangkan untuk jatuh di bawah hukuman di bawah akta ini. Bagaimanakah keadaannya kalau orang kaya, mereka yang berwang mereka mampu untuk memberikan jaminan untuk memastikan mereka mendapat hukuman yang lebih ringan di bawah akta ini.

Kita faham, tujuan kerajaan adalah untuk memastikan penjara ini bukanlah ataupun hukuman bukanlah berunsur untuk hendak *what did call it, punish* mereka, tetapi lebih kepada pendidikan dan pemulihan. Pendidikan dan pemulihan benar kalau sekiranya ianya melibatkan kesalahan yang kecil, bukan kesalahan yang serius seperti mana yang cuba dibawa di dalam peruntukan akta ini.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan pihak kerajaan untuk meneliti semula peruntukan yang ada ini khususnya di bawah walaupun tidak sepuluh tahun, walaupun tidak tiga tahun, kita boleh pertimbangkan untuk kadar lima tahun sahaja untuk memastikan *offences* yang lima tahun ke bawah itu kita boleh *consider* ataupun *consider violent crime as to as against the commercial crime*.

Mungkin *commercial crime* yang melibatkan penipuan yang melibatkan tidak ada fizikal elemen antara si pemangsa dan juga *perpetrator* ini kita boleh *consider* untuk diberikan hukuman di bawah akta ini, tidak kepada *violent crime*. Ini cadangan saya, dan saranan saya. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nelson.

2.48 ptg.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas berkaitan dengan RUU ini. Perbahasan saya hanya merujuk kepada dua perkara yang pertama – satu perkara. Mana yang pertama saya menyokong RUU ini,

cuma cadangan daripada saya kenapa tidak dibuat jadual, jadual untuk menunjukkan apakah jenis-jenis kesalahan atau seksyen-seksyen atau akta-akta yang boleh diguna pakai untuk memohon untuk Perintah Kehadiran Wajib Terhadap Pesalah-pesalah. Saya tahu, saya faham ada dia punya *requirement* yang telah diberikan di mana kesalahan itu tidak melebihi sepuluh tahun dan hukuman yang diberikan tidak melebihi tiga tahun.

Namun, kadang-kadang interpretasi daripada majistret ataupun hakim ini berbeza dan saya percaya kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan di dalam akta ini kebanyakannya adalah kesalahan-kesalahan di Mahkamah Majistret dan interpretasi seperti yang saya katakan di kalangan majistret ini kadang-kadang berbeza. Dalam taklimat yang diberikan diberi contoh, saya bagi seksyen 379A *Penal Code* di mana kesalahan ini adalah berkaitan dengan kecurian kenderaan bermotor tidak silap saya.

■1450

Di mana dia mempunyai hukuman minimum satu tahun penjara. Kadang-kadang terdapat tafsiran di kalangan majistret yang melihat jika akta kesalahan itu memerlukan hukuman penjara minimum contoh satu tahun, maka ada pandangan mungkin akta ini tidak bersesuaian kerana akta minimum satu tahun pemenjaraan perlu dilakukan. Jadi, untuk mengelak daripada kekeliruan ini, kenapa tidak jadual diberikan? Sebab ada akta-akta yang ada di negara kita, ada jadual diberikan. Jadual Pertama seperti contoh, Jadual Kedua. Dan menunjukkan mana akta yang boleh diguna pakai untuk sesuatu akta itu.

Saya faham apa yang telah diberikan ini memang cukup jelas. Namun apa yang saya katakan ini kerana kadang-kadang ada situasinya apabila majistret itu tidak bersetuju dengan pandangan yang diberikan, permohonan yang diberikan, ada kalanya tertuduh itu terpaksa membuat rayuan, rayuan ke mahkamah tinggi dan kemungkinan sehingga ke mahkamah rayuan. Ini mengambil masa, meningkatkan kos dan kadang-kadang dia terpaksa menjalani hukuman penjara itu juga dan mungkin setelah rayuan dia didengar setelah dua, tiga, empat, lima, enam bulan, baru dibenarkan. *Then, dengan izin, it defeats the purpose of this act. So, itu sajalah pandangan saya berkaitan dengan akta ini.*

Satu lagi, akta ini saya percaya niat dia adalah untuk kesalahan-kesalahan yang tidak serius, untuk memastikan disebabkan masalah di negara kita ini di mana penjara kita ini memang sudah begitu penuh dengan banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara. Terdapat satu kesalahan yang sebelum ini kita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan juga pindaan terhadap RUU itu iaitu Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan). Ia berkaitan dengan seseorang yang telah didapati air kencing — menggunakan air kencing yang positif. Di bawah Akta Penagih Dadah, dalam pindaan itu membolehkan

seseorang itu daripada menerima — menjalani hukuman penjara, boleh menerima pemulihan dan rawatan di Agensi Antidadah Kebangsaan.

Namun, di dalam Akta Dadah Berbahaya berkaitan — merujuk kepada seksyen 15, kesalahan berulang, di mana dihukum di bawah 39C memperuntukkan hukuman lima tahun minimum penjara jika dua kesalahan telah dilakukan. Namun, kesalahan seperti ini, kesalahan seperti ini seperti yang dinyatakan oleh YB Senator Dato' Setia sebentar tadi, dia tidak — *this is a nonviolent offence* dan lebih kepada *self-harm*. Jadi, kesalahan-kesalahan begini kenapa tidak dipertimbangkan untuk dipertimbangkan di dalam RUU ini?

Saya percaya berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam RUU ini, kesalahan di bawah seksyen 15 di Akta Dadah Berbahaya dan dihukum di bawah seksyen 39C akta yang sama, dia tidak layaklah kerana hukuman dia minimum lima tahun penjara.

Namun, seperti yang dikatakan oleh YB Senator Dato' Setia tadi, tetapi kebanyakan kesalahan-kesalahan yang dirujuk yang di bawah 10 tahun hukuman penjara, adalah kesalahan-kesalahan yang — *there's an element of violence*, kehilangan harta benda semua. Jadi, tetapi kesalahan seperti *non-violence*, *self-harm*, itu pula tidak boleh dipertimbangkan. Jadi, saya rasa kita perlu melihat secara keseluruhannya ya niat apabila suatu rang undang-undang itu dipinda atau dibuat.

Jadi, walaupun — ini adalah cadangan dan pandangan saya, Dato Yang di-Pertua. Walau apa-apa pun, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang.

2.54 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan untuk ikut membahaskan RUU yang dicadangkan ini.

Pertamanya, saya mengaitkan RUU ini dengan latar belakang yang penting iaitu usaha Jabatan Penjara Malaysia untuk — dan juga Kementerian Dalam Negeri untuk mewujudkan satu konsep pusat pembangunan peradaban budaya kemanusiaan yang sudah merupakan suatu program dalam rangka untuk melakukan pemulihan berimpak tinggi. Ia bukan sekadar pemulihan, pemulihan berimpak tinggi. Ini ternyata sudah pun diserapkan dalam pelbagai dokumen yang takdimnya dalam beberapa tahun lepas, saya ada sedikit juga penglibatan dalam memenuhi program untuk banduan yang tergolong dalam kategori ini.

Saya memberikan dukungan penuh kepada RUU ini dengan pengertian. Pertamanya tadi seperti juga telah disebut oleh YB sebelum ini iaitu bagaimana penjara kita sudah demikian padatnya. Maklumat terkini yang saya peroleh, ada kira-kira 90,000 orang banduan.

Dan kita perlu berhemat dalam konteks membantu pemerintah dan juga negara dalam menghematkan pembangunan negara agar soal kesesakan penjara ini tidak menyebabkan implikasi perlunya lebih banyak lagi penjara yang perlu didirikan ataupun dibina. Dan ini berkaitan dengan soal kos negara, soal keperluan asasi makan minum banduan dan juga rawatan kesihatan yang pasti mengambil ataupun menjejaskan soal jumlah perbelanjaan yang cukup besar.

Cuma dalam soal ini, saya sekadar menyarankan supaya pelaksanaannya itu dilakukan berdasarkan SOP ataupun prosedur operasi standard yang jelas terutama dari segi kawalan kepada banduan-banduan yang dikategorikan dalam soal program pemulihan berimpak tinggi ini.

Jadi, saya kira dengan sedikit pandangan itu Dato Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan yang penuh kepada RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan telah tamat. Maka, dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

2.56 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025.

Saya nak maklumkan bahawa sehingga 29 Ogos 2025, jumlah banduan di bawah kawalan Jabatan Penjara adalah seramai 90,386 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 84,322 orang sedang dalam — berada di fasiliti penjara manakala baki 6,054 orang sedang menjalani pemulihan dalam komuniti. Walau bagaimanapun, kapasiti ideal sebenar fasiliti penjara yang dapat ditampung oleh Jabatan Penjara Malaysia hanya 76,311 orang banduan sahaja. Ini menunjukkan terdapat lebih kapasiti seramai 8,021 orang atau bersamaan dengan 10.51 peratus.

Jadi, isu kesesakan banduan yang dihadapi oleh Jabatan Penjara ini boleh menjejaskan persekitaran penjara dan membawa pelbagai implikasi negatif. Antaranya termasuklah soal-soal berkaitan risiko penyebaran penyakit, isu penurunan tahap keberkesanan program, ancaman keselamatan dan kemungkinan berlaku kejadian luar biasa. Antaranya rusuhan, mogok, pergaduhan dan juga peningkatan beban kewangan kerajaan.

Dan melihat pada isu inilah, antara usaha yang dilaksanakan oleh KDN dan Jabatan Penjara Malaysia bagi menangani isu kesesakan penjara adalah dengan perkasa dan melaksanakan hukuman alternatif melalui pindaan kepada Akta Kehadiran Wajib Pesalah-

pesalah 1954 ini. Melalui rang undang-undang ini, lebih ramai pesalah yang berpeluang dikenakan Perintah Kehadiran Wajib di luar tembok penjara.

Saya nak merujuk beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Dato Yang di-Pertua, Dato' Setia Salehuddin Saidin membangkitkan soal apakah wajar untuk meminda sehingga hukuman tidak melebihi 10 tahun, bagaimana usul untuk kesalahan berat, bagaimana untuk bezakan kes yang sesuai dengan perbicaraan, yang boleh dikenakan Perintah Kehadiran Wajib, bagaimana soal bon dan sebagainya.

Pertimbangan di bawah seksyen 5(1)(a) ialah pesalah disabitkan dengan kesalahan yang membawa hukuman tidak melebihi 10 tahun adalah selari dengan tafsiran kesalahan tidak serius tadi di bawah seksyen 52A Kanun Keseksaan, tetapi ia juga hendaklah berdasarkan kesalahan yang dilakukan memadai dijatuhkan hukuman tidak lebih tiga tahun. Walaupun 10 tahun, tapi hukuman mesti dalam tempoh tiga tahun. Itu. Kalau empat tahun tak layaklah maksudnya. Dan perlu mengambil kira watak, jenis dan berat kesalahan, situasi gagal bayar denda dan perkara-perkara lain. Manakala soal bon pula, bukan untuk menjamin pesalah untuk tidak di — bon pula bukan untuk menjamin pesalah untuk tidak dikenakan Perintah Kehadiran Wajib, tapi untuk pastikan pesalah, dia mematuhi perintah tersebut.

■1500

Yang Berhormat juga bangkitkan perlu ada SOP yang jelas untuk pelaksanaan perkara ini. Saya nak maklumkan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Wajib memang berdasarkan akta dan peraturan dan perintah tetap Komisioner Jeneral Penjara yang sentiasa dipastikan relevan dan praktikal dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Nelson juga membangkitkan isu kenapa tidak wujud Jadual bagi kesalahan yang layak diberi perintahkan wajib. Jadual tidak diwujudkan untuk mengekalkan kuasa budi bicara mahkamah dalam memberi perintah perkara wajib selain syarat kesalahan tidak serius tadi.

Hukuman tiga tahun yang ingin diberikan oleh mahkamah, mahkamah masih perlu memberikan pertimbangan seperti mana saya nyatakan tadi soal watak, jenis kesalahan, hal keadaan di mana pesalah gagal membayar denda atau lain-lain keadaan yang lain sebelum memutuskan membenarkan perintah kawalan wajib. Pertimbangan bagi perkara-perkara ini adalah subjektif dan tertakluk kepada satu-satu kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah.

Juga berkaitan dengan pesalah yang didakwa dengan dua kesalahan, tetapi hanya satu kesalahan yang menepati syarat perintah kehadiran wajib. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Senator Datuk Nelson tadi. Yang Berhormat, hakim masih mempunyai

kuasa dan budi bicara untuk memberi perintah kehadiran wajib. Hal ini kerana dua pertuduhan akan tertakluk kepada dua keputusan daripada satu mahkamah.

Sekiranya mahkamah tidak menetapkan agar kedua-dua hukuman tersebut berjalan secara berasingan, hukuman pemenjaraan dan perintah kehadiran wajib tersebut akan dilaksanakan secara serentak kerana tarikh perintah dan tarikh waran adalah sama.

Yang Berhormat, saya nak sebut bahawa apa yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan meminda seksyen-seksyen lain ini ialah sangat jelas dan memang ke arah usul itu mengangkat kedudukan mahkamah supaya ia menjadi pusat untuk memberi peluang kedua kepada mereka yang terlibat.

Jadi, pindaan, pindaan yang dibuat ini kita harap mendapat sokongan kerana ia penting dalam usaha kita untuk memastikan penjara kita benar-benar mampu untuk melaksanakan tanggungjawab yang di amanah oleh kerajaan. Saya ucap terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Dato' Speaker boleh saya dapatkan sedikit pencerahan sebelum kita pergi kepada *vote*.

Pertama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa *requirement* yang mana mahkamah budi bicara diberikan kepada mahkamah dengan mengambil kira kemungkinan hukuman nak dijatuhkan *not less than three, I mean less than three years. Now* persoalannya, bila kita tahu ada kesalahan yang diperuntukkan maksimum 10 tahun penjara, dia dah dikategorikan sebagai satu kesalahan yang berat ya, satu kesalahan yang berat. *Ten years imprisonment* itu *is actually to me, is actually* satu kesalahan yang berat, tetapi kenapa mahkamah diperuntukkan undang-undang ini juga benarkan hakim menyatakan bahawa kalau hukuman nak dijatuhkan adalah *less than three years*, maka ianya masuk di bawah kategori yang mana boleh dihukum di bawah akta ini.

Persoalannya, tiga tahun yang akan dikenakan itu adalah berdasarkan kepada *mitigating factor*. Di dalam hukuman tuduhan yang serius ini, ada faktor yang boleh *mitigate* yang boleh mengurangkan hukumannya *less than three years* dan mewajarkan dia dihukum di bawah akta ini.

Persoalannya sekarang, sebenarnya walaupun *mitigating factor* itu mengatakan bahawa dia layak untuk dihukum penjara *less than three years, but less than three years* itu hukuman ini sepatutnya di penjara. Bukannya hukuman seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan di bawah akta ini. Yang tiga tahun itu *yes of course maximum three years, then* dia boleh hukuman *less than three years, one year or two year or six months then* wajar untuk dia *serve* di bawah akta ini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ya, adakah Timbalan Menteri merasakan bahawa kalau sekiranya hukuman itu maksimum yang boleh dikenakan 10 tahun

tapi hakim itu budi bicara dia hanya nak jatuhkan hukuman *less than three years*, ianya dikategorikan sebagai kesalahan yang tidak membahayakan kepada masyarakat, kalau kita dibenarkan dia duduk dalam masyarakat untuk melakukan komuniti servis atau pun kerja-kerja yang diwajibkan di bawah undang-undang. Minta mohon penjelasan sedikit. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Dato Yang di-Pertua, pertama kita berkeyakinan dengan kewibawaan mahkamah untuk membuat apa juga keputusan. Kerana dalam rang undang-undang ini, setiap keputusan dan perkara-perkara yang ditentukan sangat jelas. Jadi, kita berkeyakinan dengan apa juga yang akan diputuskan oleh mahkamah. Kerana pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambil sebelum satu perintah perkara wajib dilakukan termasuklah saya sebut tadi orang itu sewajarnya dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh 33 tahun. Kita memang sebutkan tadi.

Ia juga akan disebut bahawa adalah tidak wajar untuk menghukum orang itu dengan hukuman pemenjaraan dengan mengambil kira soal watak, soal sifat, soal keseriusan kesalahan, soal keadaan kegagalan itu untuk membayar sekiranya berkeenaan atau sebagainya. Jadi, kita sangat berkeyakinan dengan mahkamah untuk mengambil kira keputusannya berasaskan undang-undang sedia ada. Dato Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dikemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN NEGARA
(PINDAAN) 2025****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat.

3.09 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Darurat (Kawasan-kawasan Pendaftaran) 1948 telah dikuatkuasa pada tahun 1988. Sebagai suatu langkah untuk menentang ancaman keselamatan negara pada ketika itu. Peraturan-peraturan ini memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan peroleh kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meluluskan dasar mendaftarkan penduduk melalui Akta 78. Akta ini ialah suatu akta berkaitan pendaftaran individu dan pengeluaran kad pengenalan di Malaysia.

■1510

Akta 78 telah dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1972 dan 2001. Akta ini mengandungi lapan seksyen yang merangkumi seksyen berkenaan tafsiran, pelantikan orang yang menjalankan kuasa, pendaftaran, prosedur pendaftaran dan daftar, peraturan-peraturan, bidang kuasa mahkamah majistret kelas satu serta obligasi pemilik dokumen perjalanan.

Jemaah Menteri pada 8 Julai 2025 semasa mempertimbangkan memorandum daripada Menteri Dalam Negeri No. M469/2025 bertajuk Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2005 [Akta 78] antara lain telah bersetuju dengan cadangan supaya suatu Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78] dipinda bertujuan untuk meminda seksyen 2, seksyen 6(2) dan memasukkan seksyen baru 6A dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78].

Pindaan ini perlu dilaksanakan terutamanya bagi menambah baik ciri-ciri keselamatan kad pengenalan fizikal rakyat Malaysia. Terdapat keperluan menambah pengambilan, perekodan dan penggunaan jenis data biometrik yang bersesuaian dengan keadaan dan tahap keselamatan serta kerahsiaan maklumat pengenalan diri. Selain itu, ia juga bagi memasukkan

akta ini selari dengan beberapa inisiatif dan dasar baharu kerajaan termasuk dalam pelaksanaan MyDigital ID.

Pindaan ini tidak bermaksud untuk mewajibkan pendaftaran MyDigital ID, tetapi memberi punca kuasa untuk menggunakan maklumat dan fungsi kad pengenalan fizikal dalam bentuk digital. MyDigital ID tidak akan menggantikan kad pengenalan fizikal.

Bagi tujuan penggubalan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti kementerian, jabatan, agensi pusat melalui beberapa siri mesyuarat Majlis Identiti Digital Nasional yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri dan sesi libat urus bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Keselamatan pada 19 Mei 2025 yang lalu, bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan komunikasi pada 31 Julai 2025, bersama Ahli Dewan Rakyat pada 18 Ogos 2025 dan Ahli Dewan Negara pada 3 September 2025 yang lalu.

Secara keseluruhan mereka menyokong cadangan pindaan Akta 78 dan antara perkara yang disyorkan ialah aspek keselamatan data biometrik dan ciri-ciri keselamatan pada kad pengenalan hendaklah ditingkatkan agar ia tidak salah guna oleh pihak-pihak yang tidak sepatutnya serta opsyen penggunaan fungsi kad pengenalan dalam transaksi digital.

Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 mengandungi empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengenai “Tajuk Ringkas” dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta 78.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2 Akta 78 untuk memasukkan takrif baru biometrik data.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6(2) Akta 78 untuk menambah baik kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berikut.

Satu, subfasal 3(a) bertujuan untuk menggantikan perenggan 6(2)(d) Akta 78 untuk memberi kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan bagi pengambilan dan perekodan data biometrik dan syarat yang boleh dikenakan bagi pengambilan dan perekodan data biometrik.

Subfasal 3(b) bertujuan meminda perenggan 6(2)(e) Akta 78 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan bagi kawalan terhadap penggunaan dan maklumat dalam kad pengenalan.

Tiga, subfasal 3(c) bertujuan memotong perenggan 6(2)(j) Akta 78 yang memberi kuasa Menteri untuk menetapkan caj maksimum bagi pengambilan gambar memandangkan caj tidak dikenakan bagi pengambilan gambar.

Dan fasal 4 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 6A dalam Akta 78 untuk memberi Menteri kuasa dengan kelulusan pendakwa raya untuk membuat peraturan-peraturan untuk meletakkan kesalahan yang boleh dikompauun serta kaedah dan tatacara bagi mengkompauun kesalahan itu. Fasal ini juga bertujuan untuk memberi ketua pengarah kuasa untuk mengkompauun kesalahan yang boleh dikompauun dengan keizinan secara bertulis pendakwa raya.

Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Dato Yang di-Pertua saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Negara 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di hadapan saya ada seramai 13 Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berbahas. Maka kita masih tetap lima minit. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad.

3.15 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: ...

*Pergi Pekan membeli jamu,
Singgah sebentar di kedai papan;
Undang-undang adil selalu,
Rakyat sejahtera negara bertahan.*

Terima kasih Dato Yang di-Pertua membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini. *Bismillahirrahmanirrahim*. Kad pengenalan bukan sekadar sehelai plastik. Ia adalah tanda warganegara bukti hak dan kunci kepada segala akses perkhidmatan awam. RUU ini membawa beberapa pindaan penting. Satu definisi data biometrik diperluas untuk teknologi terkini. Dua kuasa Menteri dan Ketua Pengarah JPN boleh menetapkan kaedah kutipan data dan mengenakan kompaun. Tiga pindaan caj gambar yang dihapuskan had lama kerana kini gambar percuma di JPN.

Saya secara prinsip menyokong pindaan ini kerana ia memberi fleksibiliti dan menjadikan sistem lebih moden, tetapi ada juga isu dan kebimbangan saya. Satu perlindungan data peribadi di mana data biometrik seperti cap jari, wajah dan retina adalah data paling sensitif. Kita perlu jaminan setara dengan Akta Perlindungan Data Peribadi supaya tidak berlaku kebocoran atau salah guna.

Nombor dua kuasa Menteri dan ketua pengarah di mana kuasa luas perlu ada semak imbang dicadangkan supaya semua peraturan baharu dibentangkan di Parlimen bukan dilaksanakan tanpa pengawasan legislatif.

Tiga, akses di pedalaman. Kita semua tahu bahawa masih ramai rakyat di Sabah, Sarawak dan pedalaman Tanah Melayu Semenanjung menghadapi masalah mendapatkan kad pengenalan MyKad. Maka dengan teknologi biometrik baharu perlu ada *mobile registration unit* yang benar-benar aktif pergi ke rumah-rumah panjang, kampung-kampung dan pulau-pulau terpencil.

Empat, integrasi dengan sistem digital MyKad 2.0. Kami masih ingat semasa pandemik COVID-19 aplikasi MySejahtera menjadi pusat data kesihatan dan vaksinasi. Maka kini wajar difikirkan boleh kah MyKad baharu digabung dengan elemen digital ID termasuk maklumat kesihatan asas, status vaksin dan maklumat kecemasan? Ia sungguh berguna jika berlaku kecemasan di hospital atau klinik. Maklumat asas kesihatan boleh terus diakses melalui MyKad. Namun perlu ada garis pemisah kuasa jelas di mana data kesihatan kekal di bawah KKM dan data identiti kekal di bawah JPN, tetapi alternatif yang bukan digital pun mesti kekal agar warga emas mereka tanpa telefon pintar dan termasuk golongan buta huruf tidak tersisih dengan izin, *small percentage but they will need our care and consideration*.

Kelima, negara tua 2028. Kita semua akan tua satu hari termasuk saya dan warga emas. Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang 2048 apabila satu daripada lima rakyat berumur 65 tahun ke atas. Pada waktu itu saya sendiri *insya-Allah* akan berumur 79 tahun. Saya akan berada dalam kumpulan warga emas yang amat bergantung kepada sistem kesihatan, keselamatan dan perlindungan data ini.

■1520

Maka, pindaan undang-undang seperti hari ini perlu berpandangan jauh bukan hanya untuk generasi sekarang, tetapi untuk melindungi rakyat pada masa kita semua sudah mesti usia tua.

Keenam, *digital tracker* untuk warga emas dan OKU. Pada hari ini, ramai warga emas menghidap *Alzheimer* atau *dementia*. Ada yang keluar rumah dan hilang arah — sikit masa — menyukarkan keluarga serta pihak berkuasa mencari mereka. Saya cadangkan kerajaan melalui JPN mempertimbangkan integrasi *digital tracker* sama ada cip tambahan dalam MyKad atau integrasi dengan aplikasi rasmi yang membolehkan lokasi warga emas dikesan dengan kebenaran keluarga, penjaga dalam situasi kecemasan.

Fungsi ini bukan untuk kawalan harian, tetapi sebagai alat menyelamatkan nyawa. Bila polis atau hospital perlu bertindak cepat, sistem ini boleh mempercepatkan pencarian. Banyak negara maju sudah menggunakan konsep e-bracelet atau *Smart ID* untuk warga emas. Maka

Malaysia bolehlah mulakan dengan pilihan *optional voluntary opt-in* dengan izin, bukan mandatori supaya menjaga hak privasi. Cadangan saya jika boleh JPN wajib membuat laporan tahunan ke Parlimen jumlah pendaftaran kesalahan dikompaun dan status keselamatan data.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan ini satu langkah ke hadapan, tetapi jangan sekadar moden di atas kertas. Biarlah ia juga selamat, inklusif dan praktikal. Maka, harus kita fikirkan sebagai digital ID generasi baru dengan perlindungan data yang kukuh, ciri kecemasan yang menyelamatkan nyawa dan akses adil untuk semua rakyat termasuk warga emas dan mereka yang kurang berupaya.

Elok budi kerana bahasa, elok bangsa kerana akhlak. Undang-undang kita sempurnakan bersama, demi rakyat, demi Malaysia tercinta. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin.

3.22 ptg.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya tak panjang kali ini. Cuma saya nak balas pantun sedikit dengan apa yang YB bangkitkan tadi.

*Lauk ayam ikan keli,
Buat juadah pembuka selera;
Tujuan kerajaan memang murni,
Jangan sampai korbakan segala.*

Saya mulakan dengan menyatakan bahawa rang undang-undang ini sebenarnya bagus. Kita ke arah *digitalisation*. Satu perkara yang sepatutnya kita ikut peredaran zaman. Cuma saya ingin memesan, adakah kerajaan telah mengambil kira juga bahawa kemungkinan-kemungkinan data-data peribadi ini bocor? Sebab kita tahu ramai yang menyatakan, membicarakan tentang kebocoran, tapi saya pasti kerajaan juga mengambil pendekatan untuk memastikan bahawa segala maklumat peribadi ini dapat dipelihara dengan baik.

Sebab kita bercakap tentang biometrik. Kita bercakap tentang wajah kita, cap jari dan sebagainya. Ini adalah satu maklumat yang terlalu rahsia, terlalu peribadi. Andai kata maklumat ini bocor di pihak yang tidak bertanggungjawab, kesannya begitu buruk sekali kepada individu yang terdedah dengan kebocoran tersebut. Oleh itu, saya mohon sangat-sangat supaya kerajaan memikirkan mekanisme keselamatan yang benar-benar telus dan bebas yang dirancang bagi tujuan untuk melindungi hak rakyat.

Yang keduanya Dato' Yang di-Pertua, kita bercakap tentang *MyDigital ID* mungkin mudah bagi mereka yang berada di kota. Bagaimana dengan mereka yang berada di luar bandar, veteran, orang-orang lama, OKU dan mereka yang tidak boleh akses kepada sistem maklumat? Adakah mereka ini kalau sekiranya kita jadikan dia sebagai satu mandatori, bagaimana mereka ini nak mengakses kepada perkhidmatan kerajaan kalau mereka ini adalah termasuk dalam golongan yang semakin terpinggir dan golongan yang tidak mampu untuk mengikut kepada trend semasa? Jadi, adakah kita nak mengeneipkan mereka ini sama sekali?

Jadi, saya mohon kerajaan untuk memberikan jaminan bahawa alternatif manual tetap diberikan kepada mereka ini selain daripada apa yang kita hasratkan untuk kita *digitalise*-kan segala-galanya. Adakan juga pusat perkhidmatan bergerak bagi memastikan mereka yang di luar bandar, mereka yang tidak berkemampuan juga boleh mendapatkan perkhidmatan seperti mana yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Itu saja Dato' Speaker. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih.

3.25 ptg.

Tuan Michael Muih Lihan: Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kementerian kerana telah mengambil langkah berani dan proaktif dalam membentangkan pindaan RUU ini.

Kali terakhir akta ini dipinda ialah pada tahun 2001, setelah lebih dua dekad berlalu, jelas bahawa inisiatif baru ini mencerminkan komitmen kerajaan yang sentiasa responsif dalam menangani cabaran-cabaran semasa termasuk perlindungan data biometrik dan pengukuhan keyakinan rakyat terhadap sistem pintaran negara. Namun begitu, dalam menyatakan sokongan terhadap pindaan ini, terdapat beberapa perkara yang wajar diberikan perhatian serius kerana implikasinya besar kepada rakyat.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak kementerian. Pindaan terbaru ini memperkenalkan takrifan baharu data biometrik yang merangkumi cap jari, iris mata dan imej wajah serta memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan peraturan berkaitan pengambilan dan perekodan data tersebut. Walaupun langkah ini penting bagi memperkukuhkan keselamatan kad pengenalan, ia juga menimbulkan kebimbangan tentang risiko kebocoran maklumat, penyalahgunaan data dan ancaman siber yang semakin serius hari ini.

Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan tuntas pihak kementerian. Apakah langkah yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kepercayaan rakyat bahawa data biometrik rakyat yang disimpan benar-benar selamat dan terjamin? Adakah kerajaan turut mempertimbangkan cadangan untuk memperkenalkan garis panduan terperinci mengenai tempoh penyimpanan data? Mekanisme penghapusan selepas tamat kegunaan serta pelaksanaan audit keselamatan secara berkala susulan penggunaan data biometrik.

Selain itu, pindaan ini juga memansuhkan perenggan 6(2)(j) yang sebelum ini memberi kuasa kepada Menteri menetapkan caj maksimum bagi pengambilan gambar. Dengan ini, rakyat tidak lagi dikenakan caj tambahan ketika: atau mempengaruhi kad pengenalan selaras dengan usaha kerajaan mengurangkan kos sara hidup. Namun, adakah kos tersebut kini akan ditanggung melalui peruntukan khas dalam belanjawan bagi menampung operasi pengambilan gambar di semua pejabat Jabatan Pendaftaran Negara?

Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut baik inisiatif JPN yang kini berada pada fasa akhir dalam memuktamadkan perolehan MyKad generasi baharu. MyKad ini dilaporkan akan dilengkapi dengan keselamatan terkini seperti cip berkapasiti storan tinggi, torehan laser dan lapisan hologram yang dipertingkat sekali gus berupaya membendung isu pemalsuan serta penyalahgunaan kad pengenalan yang masih berlaku secara sindiket.

■1530

Sehubungan itu, penjelasan lanjut diperlukan mengenai MyKad generasi baharu ini akan diintegrasikan secara sistematik ke dalam pindaan ini khususnya dari aspek pelaksanaan kawal selia agar mekanisme penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh. Apakah langkah pemantauan dan sokongan yang akan disediakan untuk menangani sebarang isu yang timbul, yang timbul sepanjang tempoh peralihan tersebut? Saya mohon penjelasan.

Kesimpulannya, pindaan ini bukanlah sekadar perubahan teknikal pada akta sedia ada sebaliknya ianya sebuah manifestasi komitmen kita untuk membina sebuah negara yang kukuh di era digital. Dengan memperkukuhkan kerangka perundangan, kita dapat memastikan identiti setiap rakyat dilindungi dengan lebih baik daripada ancaman siber dan penyalahgunaan data. Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Rosni.

3.31 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih, Datuk Speaker. Saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini yang pada asasnya bertujuan

memperkuh sistem pendaftaran identiti negara agar lebih selari dengan tuntutan keselamatan dan transformasi digital semasa. Walaupun saya sokong, namun ada beberapa kebimbangan dan cadangan penambahbaikan yang saya percaya wajar diberi perhatian serius oleh pihak kementerian. Berhubung pengumpulan data biometrik yang lebih menyeluruh dalam rang undang-undang ini, persoalan saya:

- (i) apakah garis panduan jelas mengenai tempoh penyimpanan data tersebut?;
- (ii) siapakah yang diberi akses dan kawalan ke atas data biometrik rakyat ini? Bagaimana kerajaan memastikan data ini tidak disalahgunakan atau digunakan di luar tujuan asal?;
- (iii) sejauh manakah pelaksanaan pengumpulan dan pengurusan data biometrik ini selaras dengan prinsip dan kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), khususnya dari segi keizinan hak rakyat untuk mengetahui penggunaan data mereka serta mekanisme menarik balik keizinan tersebut. Adakah kementerian bercadang untuk merangka kod amalan atau panduan khusus bagi memastikan pematuhan PDPA ini dalam konteks, dalam konteks data biometrik;
- (iv) sejauh manakah kementerian dapat memastikan MyDigital ID ini tidak menjadi satu-satunya cara pengesahan identiti terutamanya bagi warga emas, masyarakat luar bandar dan mereka yang kurang akses kepada teknologi? Adakah kaedah pengesahan fizikal akan terus dikekalkan sebagai alternatif?;
- (v) adakah kementerian bercadang menubuhkan sistem sokongan di peringkat komuniti seperti melalui pejabat daerah, pusat ekonomi digital atau NGO bagi membantu golongan ini menggunakan MyDigital ID dengan selamat dan mudah;
- (vi) bagaimana kementerian dapat memastikan Malaysia tidak mengulangi masalah kebocoran data dan penyalahgunaan yang dialami oleh negara lain seperti India dengan sistem Aadhaar-nya?;
- (vii) adakah terdapat rancangan untuk mewajibkan laporan tahunan penggunaan data biometrik kepada Parlimen sebagai mekanisme semak dan imbang yang telus serta bertanggungjawab?; akhir sekali
- (viii) adakah kerajaan bercadang menubuhkan badan pemantau bebas atau memperkuh Suruhanjaya Perlindungan Data bagi memastikan data

identiti dan biometrik rakyat tidak disalahgunakan oleh agensi kerajaan mahupun sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, namun dalam usaha menuju digitalisasi, kita tidak mengabaikan keselamatan, privasi dan keadilan sosial. Rakyat harus sentiasa menjadi fokus utama kita bukan sekadar data dalam sistem saja. Dengan penuh harapan, saya menyokong rang undang-undang ini berserta cadangan penambahbaikan yang telah saya kemukakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj.

3.35 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang fikir undang-undang ini hanya soal kad pengenalan dan cap jari, tetapi hakikatnya ini soal asas negara. Kalau identiti rakyat pun kita tidak urus dengan baik, bagaimana kita mahu uruskan keselamatan ekonomi dan masa depan bangsa?

Menyentuh sedikit mengenai fasal 2 seksyen 3, definisi baru biometrik data; wajah, iris mata, tingkah laku. Nampak futuristik tapi cabarannya bukan teknologi, cabarannya ialah keselamatan data. Lihat saja India dengan sistem Aadhaar, kononnya sistem biometrik terbesar di dunia, *world's largest biometric system* dengan izin, tetapi akhirnya data berjuta rakyat mereka bocor sampai boleh dibeli di pasaran gelap dengan harga yang murah. Bayangkan identiti manusia dijual seperti barang di pasar malam.

Malaysia, jangan ulang kesilapan yang sama. Kalau nombor telefon rakyat pun bocor sampai *scammer* bebas menipu, apakah kita bersedia simpan data iris mata? Maka, langkah perlu jelas dengan satu penyelesaian yang holistik seperti semua data biometrik mesti disimpan dengan sistem enkripsi terkini dan akses berlapis. Audit keselamatan berkala oleh pihak ketiga yang bebas, integrasi teknologi *blockchain* bagi menjamin, menjamin integriti rekod yang tidak boleh diubah.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan fasal 6 seksyen 5A, kuasa kompaun *offence* boleh memudahkan rakyat, tetapi juga membuka ruang salah guna. Untuk elak *selective enforcement* dengan izin, saya cadangkan laporan tahunan wajib kepada Parlimen. Jumlah kes, nilai kompaun, jenis kesalahan supaya rakyat nampak kuasa digunakan dengan yang adil.

Fasal 9 seksyen 6.1A, tentang pendaftaran bukan warganegara. Masalahnya, agensi tidak berkongsi data. *Immigration* ada data, polis ada data, JPN ada data, tetapi berasingan.

Sindiket pula bergerak lintas agensi. Maka, penyelesaian ialah penubuhan Sistem Pengurusan Data Digital Bersepadu (IDMS). Semua agensi berkaitan berkongsi maklumat secara masa nyata dan *real time* yang selamat dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, negara maju bukan berjaya kerana undang-undang mereka paling banyak, tetapi kerana sistem mereka telus, disiplin dan rakyat percaya. Digitalisasi tanpa integriti hanyalah manipulasi. Sistem tanpa ketelusan hanyalah penindasan. Maka, saya cadangkan undang-undang perlindungan data yang lebih tegas dengan hukuman berat terhadap kebocoran, pendidikan dan kesedaran rakyat tentang keselamatan data serta hak mereka, penggunaan teknologi moden yang disokong oleh etika dan integriti. Keempat, latihan semula pegawai kerajaan agar integriti dijalankan, dijadikan asas utama pengurusan data.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini penting dan saya sokong, tetapi jangan kita ulang kesilapan Aadhaar di India. Gah pada nama, tapi bocor pada pelaksanaan. Pilihannya ada pada kerajaan sama ada undang-undang ini menjadi benteng keselamatan negara atau sekadar menambah beban birokrasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias.

3.39 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 pada hari ini.

Datuk Yang di-Pertua, pertama sekali berhubung dengan pindaan seksyen 2 Akta Pendaftaran Negara 1959, memasukkan definisi baru biometrik data yang meluaskan lagi bidang pengumpulan data kepada sebarang data peribadi. Hasil pemprosesan teknologi berkaitan ciri fizikal, fisiologi dan tingkah laku seseorang. Ini merangkumi imej cap jari, imbasan iris dan pengecaman wajah malah boleh lebih luas lagi pada masa depan seperti DNA dan data tingkah laku.

■1540

Walaupun pindaan ini bertujuan menyelaraskan akta dengan kemajuan teknologi digital dan keperluan keselamatan identiti, pengumpulan data sensitif ini menimbulkan risiko besar terhadap privasi dan juga keselamatan data rakyat kerana data ini bersifat unik dan tidak boleh diubah. Sekali ianya dibocor, ia boleh menyebabkan penipuan identiti, pencerobohan privasi dan juga penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, persoalan yang saya ingin mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri:

- (i) apakah mekanisme keselamatan siber yang akan dilaksanakan untuk melindungi data ini?
- (ii) adakah sudah ada sistem enkripsi bertaraf antarabangsa dan audit keselamatan berkala oleh pihak bebas yang dilakukan?
- (iii) bagaimanakah setiap kebocoran data akan diurus? dan
- (iv) apakah tindakan penguatkuasaan sedia ada mampu menangani risiko ini secara meluas khususnya sektor awam yang menjadi fokus kebocoran?

Jawapan Menteri yang menyatakan adanya pelbagai akta dan juga peraturan seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2021, Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Siber 2024 memang mengukuhkan kerangka undang-undang, tetapi soalnya kesungguhan pelaksanaan latihan pegawai JPN dan juga kesiapsiagaan infrastruktur digital juga perlu menjadi fokus utama agar rakyat tidak terus bimbang dan hilang kepercayaan kerana sistem MyDigital ID ini.

Seterusnya Dato Yang di-Pertua, berhubung dengan kuasa Menteri dan pengawasan terhadap penggunaan data seksyen 6(2). Seterusnya, berkaitan dengan pindaan subseksyen 6(2)(d) yang memberi kuasa kepada Menteri dalam membuat peraturan-peraturan berkenaan pengambilan, perekodan dan juga penggunaan data biometrik serta kawalan maklumat dalam kad pengenalan. Walaupun Menteri menegaskan kuasa ini perlu bagi memudahkan kerajaan menyesuaikan peraturan dengan teknologi baharu, saya melihat kuasa ini terlalu luas dan berisiko disalahgunakan tanpa mekanisme semak dan imbang yang mencukupi.

Persoalannya, adakah kerajaan mempunyai jaminan tambahan iaitu selain persetujuan pendakwa raya untuk memastikan setiap peraturan yang dikeluarkan benar-benar berprinsip, berintegriti, ketelusan dan juga keadilan serta bagaimanakah rakyat dapat dipastikan tiada diskriminasi pendakwaan terpilih atau campur tangan politik terhadap penggunaan data penting ini? Saya mencadangkan agar sebarang peraturan penting dalam akta ini dibawa dan dibahaskan dalam Parlimen secara terbuka bukannya ia diumumkan melalui warta semata-mata supaya akauntabiliti lebih jelas dan keterbukaan terhadap rakyat terjamin.

Seterusnya yang terakhir Dato Yang di-Pertua, kompaun kesalahan dan mekanisme penguatkuasaan dalam seksyen 6A, fasal 4 iaitulah yang memperkenalkan mekanisme kompaun bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah peraturan akta ini. Ini membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara mengkompaun kesalahan tertentu dengan kelulusan pendakwa raya tanpa perlu mendakwa di mahkamah.

Persoalannya, adakah senarai terperinci kesalahan yang boleh dikompaun? Adakah kompaun hanya terhad kepada kesalahan teknikal kecil seperti kegagalan kemas kini alamat atau kelewatan pendaftaran? Bagaimanakah mekanisme rayuan bagi yang merasakan tidak adil apabila dikenakan kompaun serta apakah had denda yang boleh dikenakan? Adakah ia munasabah serta berperanan untuk memberi kesan pencegahan yang sebenarnya?

Saya juga ingin membangkitkan kebimbangan terhadap ruang budi bicara yang luas... *[Tidak jelas]* Ketua Pengarah JPN tanpa garis panduan yang jelas boleh menimbulkan risiko ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Saya mencadangkan agar pelaksanaan kuasa kompaun mesti dipantau ketat melalui audit bebas dan laporan tahunan ke Parlimen supaya ketelusan dan keadilan terjamin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nelson.

3.45 ptg.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk berbahas dalam RUU ini. Dato Yang di-Pertua, rata-rata rakan-rakan Senator telah merakamkan kekhuatiran berkaitan dengan ciri-ciri keselamatan data berkaitan dengan RUU ini. Saya juga ingin merekodkan kerisauan yang sama. Namun, dalam perbahasan ini saya akan berbahas berkaitan dengan satu isu lain iaitu persoalan dari segi keselamatan data-data yang sudah sedia ada, pemegang MyKad yang ada pada waktu ini.

Persoalan saya juga adalah apabila — berdasarkan pindaan kepada RUU ini, kita dimaklumkan bahawa tidak perlu menukar MyKad yang sedia ada dan ianya bukan satu kemestian untuk seseorang itu memasukkan biometrik data seperti yang diperuntukkan di dalam pindaan ini.

Namun soalan saya, adakah satu masa nanti keperluan untuk meminda kad pengenalan itu akan wujud disebabkan dengan — berkaitan dengan kemahuan-kemahuan dari segi data biometrik yang perlu dimasukkan? Ini penting kerana apabila kita ingin memasukkan data-data biometrik ini, kita perlu pastikan, seperti yang saya katakan tadi bahawa data-data sebelum ini perlulah data-data yang benar-benar menunjukkan seseorang itu adalah pemegang MyKad yang betul-betul sah dari segi perundangan.

Saya menyatakan perkara ini kerana memang tidak menjadi rahsia lagi, di Sabah ini kami mempunyai isu berkaitan dengan mereka-mereka yang telah memperolehi kad pengenalan bukan melalui cara yang sah. Ini telah disahkan menerusi satu Suruhanjaya Diraja pada tahun 2012 berkaitan dengan warga asing di Sabah.

Izinkan saya memberi sedikit perincian berkaitan perkara ini Dato Yang di-Pertua. Melihat kepada jumlah penduduk Sabah, saya bandingkan dengan rakan saya daripada

Sarawak. Pada tahun 1960 — ini daripada Jabatan Perangkaan, jumlah ini. Pada tahun 1960, Sabah mempunyai jumlah penduduk seramai 450,421 orang. Pada tahun yang sama, Sarawak pula mempunyai jumlah penduduk sebanyak 744,529 orang. Bermaksud, pada tahun 1960, Sarawak mempunyai kelebihan penduduk daripada Sabah sejumlah 300,000 lebih orang. Okey.

Namun pada tahun 2024, tahun lepas, jumlah penduduk di Sabah direkodkan sebanyak 3.75 juta penduduk manakala bagi Sarawak tahun lepas adalah seramai 2.5 juta. Bermaksud, dalam tempoh itu Sabah, jumlah penduduk Sabah telah memotong Sarawak. Memotong dengan jumlah lebih satu juta orang. Lebih satu juta orang, tahun lepas.

Dalam RCI 2012 telah menjelaskan bahawa terdapat empat kategori masalah warga asing, pendatang asing di Sabah. Izinkan saya Dato Yang di-Pertua. Yang pertama, masalah pendatang tanpa izin. Ini masalah.

Yang kedua, kategorinya mereka yang — minta maaf, kategori kedua adalah pelarian perang ataupun *refugees*. Kategori yang ketiga adalah tanpa warganegara (*stateless*). Kategori keempat yang saya rasakan berkaitan dengan RUU pada hari ini adalah mereka, mereka yang telah mendapat kad pengenalan, tapi bukan melalui cara yang sah, bukan melalui peruntukan undang-undang yang sepatutnya. Dalam kategori keempat ini, beberapa saksi telah dipanggil. Ini di dalam laporan suruhanjaya dan saksi-saksi yang saya akan rujukkan ini adalah daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sendiri.

Saya bagi contoh, saksi W12 pada muka surat 61 RCI menyatakan beliau terlibat dalam memasukkan butir-butir yang terdapat dalam borang permohonan ke dalam kad pengenalan sebelum kad pengenalan itu dihantar ke ibu pejabat untuk di-*lamine*.

■1550

Kad pengenalan tersebut dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan. Beliau juga terlibat dalam memasukkan nama-nama dalam kad pengenalan yang terlibat didaftarkan dalam daftar pemilih — mengundi lagi. Menurut beliau, lebih daripada 100,000 lebih kad pengenalan sedemikian dikeluarkan pada waktu itu. Pada masa yang sama juga, beliau mengatakan terdapat sebanyak 200,000 sijil kelahiran telah dikeluarkan, terutamanya kepada pendatang tanpa izin daripada Filipina dan Indonesia.

Seorang lagi saksi, W14, muka surat 63-64, menyatakan beliau bertanggungjawab menandatangani tiga kategori kad pengenalan; biru, merah, dan hijau. Beliau terlibat dalam kegiatan menyalahi undang-undang ini sejak 1990 dan bilangan dokumen sekurang-kurangnya 100,000 yang terlibat pada waktu itu. Beliau juga menyatakan wujud petugas khas di Kuala Lumpur bertempat di sebuah rumah di Kampung Pandan. Beliau berkata di rumah inilah mereka diberi arahan dan taklimat oleh pegawai atasan. Dan di rumah ini, di Kampung

Pandan beliau menyatakan dalam satu bulan, dalam satu bulan mereka mampu menandatangani hingga 40,000 kad pengenalan di rumah itu sahaja.

Jadi, kad pengenalan-kad pengenalan ini jadi persoalan di manakah sudah mereka. Adakah mereka berada dalam sistem? Dalam sistem yang — dalam sistem JPN. Dan seorang lagi saksi, W208, muka surat 79 RCI mengatakan kad pengenalan ini — bermasalah ni ada kategori dia P1, P2, P3 dan menyatakan terdapat sebanyak 113,850 kad pengenalan yang bermasalah dikenal pasti oleh JPN. Ha, dan di Sabah ini juga, banyak kali sudah dilaporkan terdapat sindiket-sindiket menjual dan memberikan kad pengenalan oleh pegawai-pegawai daripada agensi berkaitan.

Dan persoalannya, inilah didaftar dalam JPN ini, apabila kita ingin menyatakan berkaitan dengan biometrik data ini, sebelum ini dikenal pasti — dibuat, kita perlu memastikan dahulu integriti, integriti rekod dalam JPN ini perlu dipastikan betul-betul, benar-benar adalah warganegara Malaysia. Ini penting, Dato Yang di-Pertua. Kenapa? Kerana ini adalah penting kerana ini berkaitan dengan kedaulatan dan keselamatan rakyat kita.

Saya bagi satu contoh. Saya minta maaf. Saya bagi contoh ini. Saya betul-betul mohon maaf. Beberapa tahun lepas, negara kita telah dikejutkan dengan satu kes di mana pengawal keselamatan telah menembak mati seorang pegawai bank, tidak jauh daripada Dewan Parlimen ini.

Dan didapati hasil siasatan, pengawal keselamatan itu mempunyai kad pengenalan palsu dan alamat pada kad pengenalan palsu itu adalah dari Tawau, Sabah. Jika beliau tidak mempunyai kad pengenalan palsu tu sudah semestinya beliau tidak akan diambil bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan. Jadi, perkara ini amat serius. Ini amat serius dan yang perlu ditangani segera sebelum kita menaik taraf kad pengenalan kita ini dengan memasukkan data-data ini.

Jadi, Dato Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini cuma saya berharap pihak-pihak yang berkenaan mengambil serius jugalah berkaitan dengan integriti data-data yang ada pada waktu ini di dalam rekod JPN. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah.

3.53 ptg.

Tuan Isaiah a/l D.Jacob: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin merakam penghargaan kepada pihak kerajaan kerana membawa Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025. Ini untuk kita dibahaskan pada hari ini. Pindaan ini amat penting kerana ia menyentuh soal asas identiti warganegara, hak yang dijamin kepada setiap individu tanpa mengira latar belakang umur mahupun tahap keupayaan.

Saya ingin menekankan bahawa isu pendaftaran negara ini amat rapat kaitnya dengan kehidupan komuniti orang OKU. Identiti bukan sahaja sekadar dokumen rasmi, tetapi ia adalah pintu masuk pelbagai perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan, kebajikan dan juga peluang pekerjaan. Tanpa dokumen pengenalan diri, seseorang itu seolah-olah hilang daripada sistem dan terpinggir daripada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan sudah memperkenalkan kaunter mesra OKU di pejabat JPN, saya ingin mengangkat suara komuniti bahawa cabaran sebenar masih wujud. Ramai OKU mobiliti di kawasan pedalaman terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk sampai ke pejabat JPN terdekat. Bagi OKU penglihatan pula, kaunter mesra OKU perlu diperkasakan dengan pegawai yang terlatih dalam komunikasi mesra, inklusif, bukan sekadar kemudahan fizikal semata-mata.

Justeru, saya mencadangkan agar pindaan ini juga diterjemahkan dalam bentuk dasar pelaksanaannya. Misalnya, perkhidmatan bergerak JPN secara berkala ke PPDK, sekolah pendidikan khas dan kawasan luar bandar. Latihan pegawai JPN mengenai cara berintegrasi dengan pelbagai kategori OKU termasuk autisme, bisu-tuli dan OKU intelek. Sistem janji temu khas OKU supaya mereka tidak perlu menunggu terlalu lama di kaunter memandangkan ada antara mereka sukar untuk berada dalam suasana sesak.

Pada masa ini, maklumat OKU direkodkan oleh JKM, manakala JPN hanya menyimpan maklumat asas identiti. Keadaan ini menyebabkan ada isu pertindihan data dan kelewatan dalam pemberian bantuan. Misalnya, ibu bapa perlu mendaftar anak OKU mereka di dua-dua jabatan berbeza. JPN untuk kad pengenalan, JKM untuk kad OKU sedangkan maklumat asas adalah sama.

Saya menyarankan supaya kerajaan mengambil peluang melalui pindaan ini untuk mengintegrasikan sistem data antara JPN dan JKM. Jika status OKU boleh dimasukkan terus dalam rekod pendaftaran JPN, ia akan menjimatkan masa, mengurangkan birokrasi dan lebih memudahkan penjaga. Malah data dan — malah, data yang bersepadu juga membantu kerajaan dalam perancangan dasar termasuk jumlah sebenar OKU mengikut kategori, lokasi dan keperluannya. Saya juga ingin memaklumkan kepada pihak agensi JPN. Jikalau dia dimasukkan dalam sistem JPN tanpa JKM, maka ia memudahkan banyak perkara dalam masalah OKU.

Dato Yang di-Pertua, ada juga isu praktikal di kaunter. OKU intelek, autisme dan mereka yang mengalami masalah komunikasi sering menghadapi kesukaran ketika perlu memberi cap jari atau duduk lama untuk sesi bergambar. Saya menerima aduan daripada keluarga bahawa proses ini kadang-kadang mengambil masa yang lama kerana prosedur tidak fleksibel.

Saya mencadangkan agar garis panduan baharu diperkenalkan. Contohnya, penggunaan cap jari — cap ibu jari alternatif, pengesahan penjaga sah atau sistem sokongan pegawai khas untuk membantu OKU yang tidak mampu memberikan kerjasama penuh di kaunter. Proses ini bukan untuk memudahkan mereka semata-mata, tetapi untuk menghormati hak mereka sebagai warganegara.

Dalam era digitalisasi, data peribadi amat mudah — termudah kepada penyalahgunaan. Bagi komuniti OKU, risiko diskriminasi lebih tinggi. Bayangkan jika maklumat status OKU digunakan oleh pihak tertentu untuk menolak permohonan pekerjaan atau menafikan peluang tertentu. Oleh itu, pindaan ini perlu memberi perhatian kepada aspek perlindungan data peribadi OKU agar tidak dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Saya ingin mengesyorkan agar kerajaan memperincikan garis sepadan menggunakan data dengan menekankan prinsip data hanya untuk tujuan kebajikan dan perkhidmatan, bukan untuk diskriminasi.

Dato Yang di-Pertua, pindaan undang-undang seperti ini tidak boleh hanya dilihat dari sudut pentadbiran dan keselamatan semata-mata. Ia perlu dilihat sebagai satu jaminan hak dan maruah warganegara termasuk komuniti OKU.

■1600

Saya menyokong penuh RUU Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 ini dengan harapan agar pelaksanaan benar-benar menjimat semangat Malaysia MADANI di mana setiap rakyat tanpa mengira latar belakang atau keupayaan dijamin hak identiti mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Leong Ngah Ngah.

4.00 ptg.

Dato' Leong Ngah Ngah: Terima kasih Dato Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tarik perhatian dan minat dalam isu ini tentang fasal — subfasal 3(c) bertujuan untuk memotong perenggan 6(2)(j) Akta 78, memberi Menteri kuasa untuk menetapkan caj maksimum bagi mengambil gambar memandangkan caj tidak dikenakan bagi pengambilan gambar.

Yang masalah adalah zaman dulu, masa dulu, kita tiada caj. Yang kini sekarang sudah jadi kerajaan, memang kerajaan, rakyat kita mengharap-harapkan supaya kerajaan baharu ini dapat mendatangkan kebaikan kepada semua mereka. Pada zaman keadaan sekarang ini, kita ada banyak tuduhan daripada rakyat. Banyak tuduhan barangan naik, saraan hidup

susah. Semua peringkat komplek kepada kerajaan baharu. Jadi saya fikir, buat sementara ini, kita kena fikir, apa yang buat kita teruskan. Yang baik kita teruskan, yang timbulkan masalah, kita cuba boleh elakkan.

Macam rang undang-undang ini, dulu tiada. Rakyat akan tanya, “Apa pasal dulu tak ada hal, sekarang ada hal?” Walaupun pendapatan kita tak banyak daripada itu, tapi yang masalah ialah timbul isu yang akan dituduh oleh orang ramai khasnya pembangkang. Jadi, saya fikir tidak perlu untuk kita menikam kaki sendiri dengan batu. Maaf, saya ucapkan dalam Cina. *[Berucap dalam Bahasa Mandarin]* Hantam sendiri.

Jadi itulah masalah, masalah itu, sebab sekarang kita berdepan dengan banyak masalah. Saya faham semua wakil rakyat, Senator, masa balik kampung, rumah tentu ada komplek. Komplek ini, komplek itu. Oleh sebab itu, kita kena elakkan masalah macam ini. Kita punya tempoh tak lama, tak sampai tiga tahun. Jadi, jika kita boleh kita tangguhkan, tangguhkan seksyen ini supaya masa yang sesuai, masa kita sudah kukuh, kita sudah kuat, barulah kita melaksanakan ataupun membuat pindaan macam itu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya faham kerajaan kita sangat baik, tapi untuk kalangan kita, kita cakap tak guna. Yang penting rakyat apa dia cakap. Jika rakyat cakap kita tak baik, macam mana pun kita cakap baik pun tak ada guna. Itulah pandangan saya. Dalam rang undang-undang ini, ada empat pindaan. Saya cuma minta satu saja, satu saja, ditangguhkan sementara. Ditangguhkan sementara sampai masa yang kita matang: *matured*, itu barulah kita membuat pindaan pada rang undang-undang itu. Sekianlah, yang lain tiga saya sokong, yang satu saja saya minta ditangguhkan. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Pele.

4.04 ptg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, kerana sama-sama memberi saya ruang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya pun terangkat dari tidur mendengar perbincangan oleh rakan saya, Yang Berhormat Dato’ tadi. Okey.

Dato Yang di-Pertua, saya sama-sama dengan rakan-rakan lain menyokong hujah-hujah rakan-rakan berkenaan dengan keselamatan dan privasi data yang berkenaan dengan pindaan yang akan dibuat kepada rang undang-undang ini. Saya juga ingin memohon pihak kementerian memberi penjelasan langkah-langkah diambil berkenaan dengan keselamatan dan privasi data.

Saya juga ingin mengucapkan kepada pihak kementerian kerana mengambil langkah yang proaktif untuk membentangkan sebuah rang undang-undang yang selari dengan ekonomi MADANI di bawah RMK13 iaitu di bawah matlamat jangka panjang, objektif

berkenaan dengan memperkukuh tatakelola baik reformasi sektor awam. Saya amat menyokong langkah-langkah diambil dengan membentangkan rang undang-undang ini.

Dato Yang di-Pertua, saya hanya ingin merujuk kepada satu fasal iaitu fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 78 untuk memasukkan tarikh baru biometrik data. Dato Yang di-Pertua, sekiranya pindaan ini diluluskan nanti, apabila proses mengemas kini data, mengisi borang-borang permohonan, saya memohon pihak kerajaan melalui kementerian yang berkaitan mengambil berat peruntukan 161A(7) dan juga (6) Perlembagaan Persekutuan di mana kumpulan etnik Sarawak dan Sabah dikategorikan nama-nama kumpulan etnik — dengan nama-nama kumpulan etnik. Kementerian boleh juga merujuk dengan izin, *Interpretation Ordinance* di Sarawak dan di Sarawak, *Interpretation Ordinance* dan kita di Persekutuan adalah *Interpretation Act*.

Dato Yang di-Pertua, di dalam Perlembagaan Persekutuan, bila kita mengumpul data melalui pindaan ini nanti, tiada diperuntukkan di mana bahagian dan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu yang tidak mengkategorikan etnik. Sekarang proses yang sedia ada di bawah Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan pengumpulan data, pengisian borang-borang telah mengkategorikan etnik di Sarawak dan Sabah sebagai “dan lain-lain”.

Dato Yang di-Pertua, dengan melaksanakan biometrik data dengan meminda subseksyen 6(2), Akta 78 ini nanti adalah salah satu saluran perundangan dan juga pentadbiran bagi memperbetulkan tafsiran etnik Sarawak dan Sabah dan termasuk juga orang asli sebagai “dan lain-lain.”

Saya pun rasa tersentuh sebagai seorang insan yang ada nama bangsa, agama. Lebih penting lagi, saya adalah seorang Warganegara Malaysia dikategorikan “dan lain-lain” di dalam proses borang-borang, dokumen-dokumen kerajaan apabila kita mengisi borang, mengemas kini data dalam talian atau manual apabila kita melaksanakan biometrik data ini nanti.

Saya punya ucapan pun tak — itu sahaja kali ini dan saya sama-sama menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan.

4.08 ptg.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Dato Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberikan peluang kepada saya untuk sesama membincangkan, membahaskan RUU Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025.

Pada 19 Jun 1948, darurat diisytiharkan. Dengan pelaksanaannya, beberapa inisiatif telah diambil yang tujuannya ialah bagi mengekang penglibatan ataupun kegiatan yang melibatkan PKM. Antara langkah yang diambil seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri ialah dengan memperkenalkan kad pengenalan.

Pengenalannya pada peringkat awal ialah bagi mengekang kegiatan PKM yang mana ternyata dengan langkah yang diambil, ia telah memberikan suatu impak yang cukup positif kepada negara. Dengan sebab itu, kita lihat bahawa pengenalan ini merupakan suatu yang cukup baik dan merupakan langkah yang berkesan sehingga ke hari ini. Malahan kalau kita lihat dalam kalangan negara membangun yang baru merdeka, Malaysia ada Tanah Melayu pada waktu itu, merupakan antara negara yang terhadapan dari segi mengenal pasti ataupun dengan rakyat atau warganegaranya yang mempunyai identiti yang jelas.

■1610

Untuk makluman para Senator, dengan maklumat yang ada ini, membolehkan pelbagai usaha dan inisiatif dapat dilakukan oleh kerajaan untuk memberikan kemudahan kepada rakyat. Malahan, kita sedar ataupun tidak, DOSM menggunakan data-data ini sehingga membolehkan jabatan ini dianggap sebagai antara jabatan cemerlang dalam negara kita.

Saya ingin teruskan kepada RUU berkaitan dengan pendaftaran pindaan 2025. Pengenalan MyDigital ID ini merupakan satu langkah ke hadapan dan saya kira ia merupakan langkah yang mendapat sokongan dalam ataupun oleh segenap lapisan masyarakat. Antara perkara yang berkaitan ialah berkaitan pengambilan data merangkumi iris mata, cap jari, ibu jari serta gambar yang mana Yang di-Pertua sebenarnya bukanlah merupakan satu perkara baru.

Saya yakin semua kita pernah ke luar negeri. Apabila kita ke luar negeri, terutama melalui jalan udara, data kita diambil oleh negara-negara berkenaan. Maksudnya di sini, data kita sebenarnya ada di tempat lain. Oleh itu, apabila kita mengambil langkah atau inisiatif mempunyai data untuk warganya, ini merupakan satu langkah yang patut dan wajar. Dengan sebab itulah, perkara yang dilakukan ini walaupun akan dilaksanakan selepas akta ini, tetapi saya yakin ia merupakan satu langkah ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai pandangan sebagaimana rakan-rakan sebelum ini iaitu kebimbangan tentang data yang disebutkan, bagaimana ia dipastikan dari segi keselamatannya. Pada anggapan saya bahawa kekhuatiran ini satu yang *real*. Kerana

kalau kita lihat dalam perkembangan yang berlaku di dunia pada hari ini, data-data ini boleh disalahgunakan dan boleh memberikan impak yang tidak baik kepada orang-orang yang data mereka dimiliki ataupun data-data mereka ini dipunyai oleh pihak lain.

Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan mengikuti perkembangan semasa yang berlaku pada hari ini. Negara yang paling ke hadapan menggunakan data biometrik ialah Israel. Mungkin tuan-tuan, para Senator mendengar, melihat berita bagaimana setiap hari Israel membunuh 70 orang. Sebenarnya, mereka ingin membunuh seorang atau dua orang – apa nama ini pejuang Hamas yang tinggal bersama dengan penduduk-penduduk di kawasan tertentu. Dengan menggunakan pendekatan biometrik, mereka berjaya menimbulkan kemusnahan kepada kawasan-kawasan tertentu.

Oleh itu, saya beranggapan bahawa aspek yang berkaitan dengan keselamatan ini merupakan sesuatu yang cukup kritikal. Kerana kalau rahsia ini jatuh kepada mereka yang tidak bertanggungjawab, ia boleh memberikan kesan yang tidak baik kepada masyarakat dan juga kepada rakyat secara keseluruhannya. Oleh itu, perkara yang berkaitan dengan keselamatan teknologi merupakan satu yang kita terima, tetapi aspek keselamatan mestilah diberi perhatian yang sewajarnya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang.

4.13 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Dato Yang di-Pertua atas kesempatan untuk ikut berbahas tentang rang undang-undang D.R.23/2025.

Dato Yang di-Pertua dan rakan-rakan Senator, semua kita maklum bahawa kad pengenalan mempunyai nilai yang penting barangkali boleh dikatakan sebagai nyawa kedua, kerana dengan kad pengenalan itulah kita memperoleh segala keistimewaan sebagai warganegara sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Baik dalam soal memperoleh keperluan dan kemudahan pendidikan, kesihatan, dan urusan-urusan kehidupan yang lain, urusan perbankan dan sebagainya. Maka dalam konteks ini, penting saya kira untuk kita mendukung dan menyokong rang undang-undang ini bagi tujuan meningkatkan dua aspek.

Pertama, aspek kesahihan data bagi setiap warganegara supaya tidak berlaku seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Nelson tadi, ada warganegara dan dah dikutip yang sebetulnya bukan warganegara telah menggunakan, salah menggunakan kad pengenalan sehingga akhirnya dia juga sebenarnya penjenayah yang sebenarnya.

Yang kedua juga untuk meningkatkan keselamatan dalam konteks adanya kemungkinan warganegara palsu berlawanan dengan warganegara tulen dan ini akan dapat

disahihkan dengan penggunaan data biometrik yang direncanakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Namun demikian Dato' Yang di-Pertua dan rakan-rakan Senator, tentulah kebimbangan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan itu tadi juga saya perkongsikan bersama. Kerana masalah kemungkinan salah guna data yang diperoleh daripada perekodan atau pengambilan dan perekodan data biometrik itu, bukan sahaja dalam konteks orang lain salah menggunakannya bahkan ada kemungkinan warganegara itu sendiri yang mungkin gelap mata kerana menerima tawaran tertentu yang besar jumlahnya barangkali sanggup mengorbankan kedaulatan dan keselamatan negara dengan juga barangkali menyalahgunakan data-data yang telah diberikan.

Selain itu Dato' Yang di-Pertua, saya juga menanyakan adakah kemungkinan program yang direncanakan ini dapat diterapkan dalam aplikasi yang praktis. Dengan pengertian, kalau kita ada contoh MyJPJ dan sebagainya yang banyak kali sekarang sudah memberikan kemudahan kepada kita, adakah ini juga nanti akan dapat diterapkan dalam aplikasi tertentu sehingga kita barangkali sebahagiannya yang mudah melalui akses itu tidak perlu membawa kad pengenalan dalam bentuk salinan keras seperti biasa. Jadi itu juga satu kemudahan bagi mereka yang mudah mendapat akses komputer, internet dan sebagainya.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, tentang soal kompaun itu juga, saya menyertai pandangan seorang Senator tadi bahawa adakah kompaun ini dikenakan tanpa suatu ruang berhemah, khususnya bagi kalangan yang tidak mudah mendapat akses, yang tidak mudah untuk memenuhi keperluan memberikan perekodan data biometrik itu? Jadi, saya kira dalam soal ini, masih perlu ada pertimbangan manusiawi agar kompaun itu dapat dilaksanakan dengan cukup berhemah.

Dan terkait dengan itu, adakah kita hanya berbicara tentang soal kompaun atau hukuman kepada mereka yang tidak mematuhi atau tidak memenuhi keperluan perekodan data biometrik ini? Apakah pula langkah, tindakan undang-undang terhadap mereka yang menyalahgunakan data biometrik? Ini yang kebimbangan yang telah pun disuarakan berkali-kali oleh rakan-rakan Senator sebelum ini. Saya kira itu juga harus diberi perhatian.

Dan saya juga separuh menyokong, walaupun tidak mengatakan ditangguhkan seperti Yang Berhormat, tapi saya kira perlu ada satu tempoh percubaan untuk meneliti dan membuat penilaian keberkesanan mekanisme, kaedah dan peraturan agar apabila diputuskan pelaksanaannya, kita tidak lagi... *[Tidak jelas]* Kerana telah ada satu tempoh percubaan. Jadi, dengan demikian Dato' Yang di-Pertua, saya turut menyokong dan mendukung rang undang-undang D.R.23/2025. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan pembahas yang terakhir bagi Rang Undang-undang Pendaftaran Negara ini. Yang Berhormat Senator Tuan Amir.

4.18 ptg.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang yang dihormati semualah. Terima kasih kerana memberikan ruang pada petang ini untuk membahaskan pindaan pendaftaran negara pindaan 2025 iaitu pindaan ini bagus dan terbaik sekali untuk masa kini sebab dia bertujuan meminda seksyen 2, Akta 78 untuk memastikan takrif baru data biometrik serta meminda subseksyen 6(2) akta sama bagi menambah kuasa Menteri dalam membuat keputusan dan juga peraturan.

Rang undang-undang ini juga adalah mereformasi penting bagi negara ini, bertujuan untuk meningkatkan ciri keselamatan dan juga pengenalan, memperkenalkan rekod biometrik tambahan termasuk 10 cap jari, wajah dan juga anak mata dan menyokong inisiatif pendigitalan negara melalui MyDigital ID tanpa menggantikan kad pengenalan digital. Ini adalah salah satu undang-undang – dan saya merasakanlah harus kita sama-sama menyokong sebab pindaan ini boleh membantu rakyat dan juga kewarganegaraan untuk keselamatan dalam negara kita.

■1620

Walau bagaimanapun, pindaan ini juga memperluaskan peranan Menteri dengan kuasa yang meluas untuk menetapkan peraturan berkaitan pengumpulan dan penggunaan data biometrik serta kawalan maklumat dalam MyKad. Ini mewujudkan risiko ketidakseimbangan antara kuasa eksekutif dan juga hak individu berpotensi mengurangkan ketelusan dan juga akauntabiliti. Jadi, ini harus diperhatikan dan juga perlu diamati sepenuhnya.

Dato Yang di-Pertua, demi untuk memperkukuhkan ketelusan dan hak perlindungan individu, sekatan dan imbang perlu dijelaskan. Peruntukan undang-undang perlu menyatakan had jelas terhadap penggunaan kuasa Menteri misalnya membataskan penggunaan data biometrik hanya untuk tujuan keselamatan atau identiti sah dan bukan tujuan yang lain.

Bentangkan prosedur rasmi di mana peraturan yang digubal mesti melalui peringkat semakan terbuka atau mendapat kelulusan Parlimen. Mekanisme yang lainnya wujudkan keperluan notis awam dan tempoh pandangan awam, *public consultation* sebelum sebarang peraturan dilaksanakan. Bentangkan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai pelaksanaan potensi penyalahgunaan audit dan pengkompaun kesalahan di bawah seksyen

baru 6A. Perkara-perkara ini harus dititikberatkan supaya setiap pindaan itu rakyat boleh menapis dan memberi sokongan yang jitu terhadap sebarang pindaan.

Dato Yang di-Pertua, selain itu langkah ini juga memberikan keyakinan yang lebih tinggi kepada rakyat sekali gus mencegah pemalsuan identiti, penyalahgunaan dokumen dan memastikan setiap warganegara dilindungi dengan sistem yang lebih moden dan selamat. Jadi dengan ini saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran (Pindaan) 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah perbahasan. Maka, sekarang dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan, saya nak alu-alukan kehadiran guru-guru dan para pelajar dari SMK Bedong, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang dan kalian dialu-alukan. *[Tepuk]*

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada 13 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 pada petang yang berbahagia ini.

Pindaan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 perlu dilaksanakan. Saya dah sebut tadi bahawa bagi menambah baik ciri-ciri keselamatan kad pengenalan fizikal rakyat Malaysia kerana terdapat keperluan untuk pengambilan, perekodan dan penggunaan jenis data biometrik yang bersesuaian dengan keadaan dan tahap keselamatan serta kerahsiaan pengenalan diri.

Ia dilakukan sebenarnya selari dengan beberapa inisiatif dan dasar baharu kerajaan termasuklah pelaksanaan MyDigital ID. Namun demikian, pindaan ini bukan bermakna kita mewajibkan pendaftaran MyDigital ID.

Dato Yang di-Pertua, banyak yang bercakap tadi soal berkaitan dengan kebocoran maklumat. Dato Yang di-Pertua, boleh bagi panduan pada saya beberapa minit saya diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit sebenarnya, bukan lima minit ya.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Dato Yang di-Pertua, banyak yang bercakap tadi ialah soal kebocoran maklumat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator

Ahmad Dato' Haji Ibrahim, Senator Dato' Setia Salehuddin, Senator Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni Sohar dan beberapa yang lain.

Kerana itu, bagi mengekang kebocoran maklumat oleh agensi, jabatan kerajaan, terdapat beberapa peruntukan perundangan dan peraturan yang telah digubal bagi mengawal dan mencegah kebocoran maklumat. Antaranya ialah Akta Rahsia Rasmi 1972, kita ada Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan) 2017, kita ada Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, Akta Keselamatan Siber 2024, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] dan Akta Jenayah Komputer 1997.

Sekiranya mana-mana penjawat awam daripada mana-mana kementerian, jabatan, agensi, membocorkan data Jabatan Pendaftaran Negara, mereka boleh dikenakan pertuduhan di mahkamah atau tindakan tatatertib. Jika pegawai membocorkan maklumat terperingkat maka penjawat awam tersebut boleh dituduh di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

*[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selain itu, pertuduhan juga boleh dikenakan di bawah Peraturan 25(1)(k) dan 25(1)(f) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 sekiranya maklumat dalam daftar di bawah akta ini. Di samping itu, mana-mana kesalahan yang melibatkan aktiviti penggodaman ke atas sistem Jabatan Pendaftaran Negara maka pesalah boleh didakwa di bawah Akta Jenayah Komputer 1997.

Maknanya bagi memastikan pindaan ini dapat di kuat kuasa dengan berkesan, kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah merangka beberapa langkah. Pertama, kita meningkatkan kesiapsiagaan infrastruktur digital termasuk menaik taraf sistem teknologi maklumat, pangkalan data serta ciri-ciri keselamatan siber.

Kedua, kita memberikan latihan pembangunan kompetensi secara berterusan kepada pegawai JPN agar sentiasa bersedia dengan keperluan semasa termasuk pengesanan penipuan dokumen. Kita juga melaksanakan mekanisme pemantauan dan audit berkala supaya sebarang kelemahan dapat dikenal pasti lebih awal.

Selain itu, kerjasama strategik bersama agensi seperti PDRM, Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Agensi Keselamatan Siber Negara, Kementerian Digital dan lain-lain akan diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan akta ini benar-benar berkesan.

Dibangkitkan juga soal pengambilan data biometrik ke atas pemegang kad pengenalan ini akan membantu kerajaan dalam pendataan dan keselamatan negara. Ini dibangkitkan oleh ramai tadi. Saya nak sebut, satu ialah ketetapan identiti. Dengan

pengambilan rakaman biometrik, kita dapat ketepatan identiti. Maknanya kita ada 10 cap jari, imej iris, ini dapat mengurangkan pemalsuan identiti serta pengeluaran dokumen pengenalan diri yang tepat dan sah.

Ini pembaharuan, pembaharuan yang kita nak lakukan dengan pindaan ini. Ia juga akan memperlihatkan keberkesanan kepada perkhidmatan kerajaan. Maknanya pengesanan biometrik, ini akan lebih teratur, tepat dan cepat, memudahkan proses semakan identiti individu dalam perkhidmatan kerajaan seperti pemberian subsidi, pendidikan, perubatan dan proses pilihan raya.

Ia juga akan melihat peningkatan kepada tahap keselamatan negara. Maknanya memudahkan pihak berkuasa mengenal pasti penjenayah setempat dan rentas sempadan. Dengan adanya data biometrik, akan memudahkan agensi kerajaan dan penguat kuasa undang-undang menggunakan pengesanan biometrik untuk tujuan keselamatan negara, kawalan sempadan dan pencegahan jenayah.

Kerana pengesanan cap jari dan pengesanan wajah digunakan secara meluas untuk mengesan identiti individu semasa proses pemprosesan pasport, visa atau dokumen pengenalan diri. Ini membantu mengesan pemalsuan dokumen dan mengelakkan kemasukan yang tidak dibenarkan dalam negara.

Dalam penyiasatan jenayah, pangkalan data biometrik seperti pangkalan data cap jari atau wajah digunakan untuk mengenal pasti suspek-suspek atau menghubungkan individu dengan bukti di tempat kejadian. Ini menunjukkan bahawa sangat penting perubahan dilakukan.

Ada juga membangkitkan berkaitan dengan status semasa keselamatan data biometrik di Jabatan Pendaftaran Negara. Dibangkitkan oleh Dato' Ahmad bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Senator Yang di-Pertua sendiri, Dato' Setia Salehuddin Saidin, Yang Berhormat Senator Tuan Abun, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni, Yang Berhormat Senator Sivaraj a/l Chandran...

Tuan Pele Peter Tinggom: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Abun tak ada, Yang Berhormat Pele Peter.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]* Silap.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: *[Ketawa]* Minta maaf Yang Berhormat. Masukkan pindaan itu dalam ucapan saya. Berkaitan dengan status keselamatan data biometrik di JPN.

■1630

Tahap keselamatan dan privasi data biometrik di JPN di laksana melalui pelbagai kawalan teknikal prosedur dan fizikal. Data biometrik disimpan dalam bentuk templat dan

bukan imej penuh bagi mengelakkan penyalahgunaan. Kita ada kaedah-kaedah dan prosedur yang tertentu. Semua data disimpan secara berasingan dari maklumat peribadi yang lain, dalam pangkalan data dan persekitaran yang dilindungi dengan teknologi penyulitan tahap tinggi dan akses pelapis. Pematuhan pada sistem pengurusan keselamatan maklumat ISO/IEC 27001:2022 adalah menjadi asas kepada pengurusan data biometrik di JPN. Sangat teliti, Ahli Yang Berhormat.

Lebih penting lagi, data ini hanya disimpan di premis Jabatan Pendaftaran Negara bagi pastikan kawalan penuh dan keselamatan fizikal yang terjamin melalui kawalan keselamatan, kemasukan berasaskan biometrik dan pengawasan kamera litar tertutup. Manakala, dalam perkongsian data biometrik, ia hanya terhad kepada agensi kerajaan melibatkan data templat yang digabungkan dengan maklumat lain bagi individu yang diperlukan sahaja. Perkongsian data biometrik tidak akan dilakukan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dan hanya akan dibenarkan untuk tujuan yang sah dan spesifik.

Pihak penerima data juga bertanggungjawab untuk pastikan data yang diterima disimpan dengan selamat dan tidak disalah guna seperti digariskan dalam Garis Panduan Perkongsian Maklumat Jabatan Pendaftaran Negara. Setiap perkongsian data akan dilaksanakan melalui protokol pertukaran data yang disulitkan dalam rangkaian bersepadu kerajaan MyGov*Net. Setiap transaksi perkongsian akan direkod bagi menjamin akauntabiliti serta mengelakkan penyalahgunaan.

Juga dibangkitkan status terkini kad pengenalan generasi baru yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan dan apakah kelebihan serta ciri-ciri keselamatan yang ada berbanding dengan MyKad sedia ada.

Yang Berhormat, KDN dan JPN dalam perancangan untuk mengeluarkan kad pengenalan generasi baru yang bakal mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dipertingkat bagi penggantian generasi sedia ada yang telah diguna sejak 2012 lalu. Kelebihan MyKad generasi baru antara lain adalah untuk membendung isu pemalsuan dan penyalahgunaan kad di samping memastikan pengeluaran kad pengenalan baru ini adalah selari dengan perkembangan teknologi terkini. Dalam hal ini, ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dalam kad pengenalan baru tersebut antara lain adalah seperti berikut.

Kita ada bahan polikarbonat berkualiti tinggi, maknanya kad ini diperbuat daripada bahan polikarbonat yang telah diuji ketahanannya di makmal bertauliah menjadikannya lebih tahan lama dan sukar dipalsukan. Cip keselamatan berkapasiti storan lebih besar dilengkapi dengan cip keselamatan yang mempunyai kapasiti storan lebih besar serta piawai keselamatan dan penyulitan yang dipertingkatkan untuk melindungi data peribadi daripada

kebocoran dan akses tidak sah. Reka bentuknya juga moden dengan elemen keselamatan tambahan.

MyKad baharu ini menampilkan reka bentuk yang lebih moden dengan elemen seperti tulisan laser, hologram canggih selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Hanya sistem yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara saja Yang Berhormat boleh mengakses cip MyKad. Segala data biometrik juga di-enkripsi dan disimpan dalam pangkalan data yang dipantau secara berterusan.

Ramai juga yang membangkitkan berkaitan dengan perkongsian data tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertama sekali, kita tidak perlu bimbang mengenai integriti data di bawah kawalan Jabatan Pendaftaran Negara. Kedua, JPN dah memang melaksanakan perkongsian data melalui sistem myIDENTITY yang mana data JPN dikongsi dengan agensi-agensi kerajaan dan kementerian yang dibenarkan saja oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara mengikut SOP dan piawaian yang cukup teliti.

Bagi setiap agensi atau jabatan yang diberikan kebenaran, JPN hanya menyediakan *ID access*. Dengan ID tersebut, mereka boleh mengakses sistem JPN. Namun, maklumat yang diberikan hanya maklumat asas seperti nama, alamat dan jantina saja. Tiada maklumat sensitif lain diberikan. Hanya bagi agensi tertentu sahaja yang keperluan sah permohonan maklumat tambahan perlu dibuat kepada JPN untuk dibawa ke jawatankuasa bagi pertimbangan dan kelulusan.

Sekiranya diluluskan, maklumat tambahan yang diberikan juga adalah terhad. Contohnya, jika memerlukan maklumat pasangan, hanya butiran pasangan akan dikongsi. Data lain seperti maklumat datuk, nenek, isteri kedua, ketiga dan keempat atau butiran anak-anak tidak dikongsi.

Ini yang kita lakukan sejak sekian lama. Ramai juga tadi membangkitkan program-program yang meminta bertanya berkaitan dengan *mobile service* kepada golongan rentan, kawasan luar bandar dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang melakukan program-program ke kawasan-kawasan luar bandar melalui Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR). Ini sangat popular. Ia merupakan inisiatif prihatin terbaik Jabatan Pendaftaran Negara dalam menyokong aspirasi kerajaan untuk memberi perkhidmatan JPN terus kepada rakyat terutama golongan yang memerlukan seperti warga emas, golongan orang kelainan upaya (OKU), pesakit terlantar, pesakit mental, mereka yang tidak berupaya untuk hadir ke mana-mana Pejabat JPN terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya. Kita memang ada pasukan khas mengenai program ini.

Kita ada MEKAR Ihsan untuk golongan berisiko seperti warga emas dan sebagainya. Kita ada MEKAR Komuniti. Ini program agensi kerajaan, badan berkanun dengan NGO, persatuan penduduk dan sebagainya. Kita ada MEKAR Pahlawan. Ini MyPendaftaran, MyTentera, MyPolis, Askar Timbalan Setia Negeri Johor. Kita ada MEKAR Identiti dan sebagainya. Dan program-program ini sentiasa berjalan tidak terhenti kerana kita mahu menyelesaikan masalah rakyat.

Dan perkhidmatan yang disediakan melalui Bas MEKAR ini termasuklah ganti kad pengenalan yang rosak, permohonan kad pengenalan bawah umur 12 tahun, permohonan daftar lewat, permohonan kad pengenalan pemastautin sementara, daftar kelahiran, daftar kematian, cabutan daftar kelahiran dan pelbagai lagi yang dilakukan melalui program seumpama ini.

Yang Berhormat, Yang di-Pertua, banyak yang dibangkitkan ini. Saya akan tepat masa. Mana yang tak dapat jawab, kita akan bagi secara bertulis dan semua pandangan-pandangan yang berkaitan dengan akta ini saya jawab kerana sahabat saya sedang menunggu dan dia pun sudah sejuk itu ya.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh. Boleh. *[Ketawa]*

Datuk Nelson W Angang: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Berkaitan dengan integrasi MyDigital ID dengan sistem lain termasuk MySejahtera. MyDigital ID ini di bawah bidang kuasa Agensi Keselamatan Siber, Jabatan Perdana Menteri. Pada masa hadapan, MyDigital ID akan diintegrasikan dengan beberapa pihak yang berkaitan. Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Michael Mujah, kos pengambilan gambar dan tempah untuk pelaksanaan pemansuhan. Melalui rang undang-undang ini Yang Berhormat, seksyen 6(2)(j) telah dimansuhkan kerana kerajaan tidak mengenakan sebarang kos bagi pengambilan gambar.

Berkaitan dengan pendaftaran MyDigital ID untuk warga emas, golongan masyarakat luar bandar dan OKU, saya juga dah sebut tadi melalui program-program *outreach* kita Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) dan sebagainya kita sentiasa lakukannya. Ini berkaitan dengan kuasa — *last point* dah Yang Berhormat. Kuasa memberi kompaun di tangan ketua pengarah.

Tanpa garis panduan jelas dibangkitkan tadi boleh menimbulkan diskriminasi, ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Untuk makluman, pengenaan kompaun oleh ketua pengarah bagi kesalahan kecil di bawah PPN 1990 dilaksanakan dengan elemen kawalan iaitu keperluan mendapat keizinan secara bertulis oleh pendakwa raya. Ia tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa keizinan bertulis oleh pendakwa raya.

Dato' Yang di-Pertua, saya bagi pihak...

Datuk Nelson W Angang: Dato' Yang di-Pertua, YB Menteri...

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Kementerian Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kerana...

Datuk Nelson W Angang: YB Timbalan Menteri, kalau boleh diberikan sedikit penjelasan berkaitan dengan jawapan tadi. Mohon kebenaran untuk meminta sedikit penjelasan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Timbalan Menteri, boleh benarkan?

Datuk Nelson W Angang: Satu sahaja.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Yang mana?

Datuk Nelson W Angang: Berkaitan — satu sahaja, berkaitan dengan pengenalan — pengenalan: kad pengenalan yang baharu ini, pengeluaran kad pengenalan baharu.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Saya tak ada maklumat *detail* yang ini. Saya akan minta pegawai saya untuk...

■1640

Datuk Nelson W Angang: Boleh saya rekodkan soalan saya...

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Boleh bagi jawapan bertulis?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh, rekodkan soalan.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Okey, tak apa, boleh, sebab...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi jawapan bertulis.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Cuma perkara dibangkitkan tadi ialah di luar daripada rang undang-undang ini, tapi saya janji Yang Berhormat bagi *detail*.

Datuk Nelson W Angang: Boleh bagi ke?

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Kita akan bagi maklumat lengkap.

Datuk Nelson W Angang: Boleh saya rekodkan soalan saya.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh, boleh. Silakan, saya benarkan rekodkan soalan.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih YB Timbalan Menteri. Sebentar tadi telah dijelaskan kerajaan bercadang untuk mengeluarkan pengeluaran kad pengenalan yang baharu, berteknologi baharu. Persoalan saya, adakah pihak JPN atau pihak kerajaan akan melakukan satu usaha atau mewujudkan satu mekanisme untuk mengenal pasti kad-kad pengenalan yang mungkin diberikan secara tidak sah kepada pemegang-pemegangnya.

Seperti sama ada wujud pemegang-pemegang kad pengenalan di mana dokumen-dokumen sokongan di dalam rekod JPN tidak wujud atau pun dokumen-dokumen sokongan

yang tidak mencukupi seperti surat beranak, surat sijil kahwin, kad pengenalan datuk, nenek, ibu bapa mereka. Dan di mana ini akan menunjukkan bagaimana kad pengenalan itu boleh dikeluarkan. Itu persoalan saya. Terima kasih YB Timbalan Menteri.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan bertulislah.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Okey, saya akan bertulis walaupun jawapan ada dekat tangan saya, saya akan bagi bertulis ya Yang Berhormat.

Berkaitan dengan perkara ini cuma kita akan teliti kerana kita nak maklum bahawa KDN dan JPN dalam perancangan untuk mengeluarkan kad pengenalan versi baharu yang bakal mempunyai ciri-ciri keselamatan yang terkini.

Dan kita harap akan menyelesaikan banyak masalah-masalah yang dibangkitkan. Yang Berhormat, kita ada satu lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan Kementerian Kewangan jadi bagi pihak Kementerian Dalam Negeri saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat memberi pelbagai pandangan. Saya mohon maaf kerana tak dapat menjawab secara keseluruhannya. Namun demikian, semua pandangan yang baik kita ambil kira dan kita beri perhatian khususnya. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penggulungan jawapan yang bernas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KREDIT PENGGUNA 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 (RUUKP) dibacakan kali kedua sekarang.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Silakan.

Puan Lim Hui Ying: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. RUUKP ini adalah langkah penting ke arah memperkukuh kerangka kawal selia industri kredit pengguna negara bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat, khususnya yang terdedah kepada risiko amalan pemberian kredit yang tidak adil dan menindas.

Perkembangan pesat dalam industri kredit pengguna telah membawa kepada kewujudan peserta industri yang tidak dikawal selia serta menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan di pasaran. Perkembangan ini lazimnya menarik pengguna kredit rentan justeru terdedah kepada risiko eksploitasi.

Skim 'Beli Sekarang, Bayar Kemudian' dengan izin, *Buy Now Pay Later* (BNPL) mendapat sambutan tinggi di kalangan rakyat terutamanya golongan muda dan pengguna yang berpendapatan rendah kerana ia menawarkan fasiliti kredit yang fleksibel dan mudah diakses.

Jumlah transaksi BNPL telah meningkat lebih tiga kali ganda dalam tempoh dua tahun, melonjak daripada 3.6 juta transaksi bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2023 kepada 102.6 juta transaksi dalam tempoh yang sama pada tahun 2025. Nilai transaksi BNPL pula berkembang daripada RM2.7 bilion kepada RM9.3 bilion bagi jangka masa yang sama.

Selain daripada Skim BNPL, perniagaan kredit lain yang tidak dikawal selia adalah pemfaktoran dan pemajakan. Manakala perniagaan perkhidmatan kredit pula adalah pemungutan hutang, pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas, minta maaf, serta kaunseling dan pengurusan hutang. Sektor ini khususnya perniagaan perkhidmatan kredit yang mengamalkan pelakuan tidak profesional seperti menggunakan tekanan tidak wajar dan kekerasan, membawa kesan secara langsung kepada golongan pengguna kredit rentan.

Bagi menangani permasalahan pertama iaitu kelompondan perundangan dan pengawal seliaan, sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) akan ditubuhkan di bawah RUUKP dalam usaha melindungi kepentingan

pengguna kredit. Suruhanjaya ini akan mengawal selia enam sektor perniagaan yang telah dinyatakan melalui rangka kerja perlesenan dan pendaftaran yang akan dilaksanakan di bawah RUUKP.

RUUKP turut digubal bagi menangani permasalahan kedua iaitu kewujudan landskap rangka kerja pengawal seliaan kredit pengguna di Malaysia yang berbeza. Situasi ini menyebabkan tahap kawal selia tidak setara ke atas pemberi kredit bukan bank dan standard perlindungan tidak sekata atau mencukupi kepada pengguna kredit.

Ini menyebabkan kekeliruan di kalangan pengguna kredit mengenai pihak berkuasa yang bertanggungjawab. Ketidakteraturan ini berpunca daripada pelbagai undang-undang dan agensi yang mengawal selia sektor kredit pengguna iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pemberi pinjaman wang dan pemajak gadaian.

Kedua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk perniagaan sewa beli dan jualan kredit.

Ketiga, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk kawal selia perniagaan koperasi kredit.

Keempat, Bank Negara Malaysia di bawah Kementerian Kewangan untuk industri kewangan dan kelima Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di bawah Kementerian Kewangan untuk pembiayaan rakan ke rakan dengan izin, *peer-to-peer financing* dan pembiayaan hartanah oleh orang ramai dengan izin, *property crowdfunding*.

Bagi menangani permasalahan ini, RUUKP yang berfungsi sebagai akta induk akan memberi kuasa kepada SKP dan pihak berkuasa pengawal seliaan dan penyeliaan selepas ini akan dirujuk sebagai pihak penyelia yang lain iaitu KPKT, KPDN, SKM, Bank Negara dan SC untuk mengawal selia industri kredit masing-masing.

■1650

Usaha kerajaan untuk menggubal RUUKP ini telah dilaksanakan melalui satu proses libat urus meliputi semua pihak berkepentingan iaitu kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, wakil industri, persatuan pengguna serta orang awam. RUUKP turut memberikan kuasa kepada KPKT untuk mengawal selia perniagaan pembiayaan patuh syariah dan pemajak gadaian patuh syariah yang tidak tertakluk kepada mana-mana pihak berkuasa.

Pendekatan kawal selia bersepadu akan dilaksanakan secara berfasa dengan mengambil kira kesediaan industri serta keupayaan SKP yang akan dipertingkatkan dari fasal ke fasal seterusnya.

Dalam fasal 1, SKP akan mengawal selia semua perniagaan kredit dan perniagaan perkhidmatan kredit yang tidak dikawal selia oleh mana-mana pihak berkuasa.

Dalam fasal 2, dijangka bermula pada tahun 2028, tanggungjawab kawal selia bagi aktiviti kredit seperti pemberi pinjaman wang dan pajak gadai di bawah KPKT serta sewa beli dan jualan kredit di bawah KPDN akan dipindahkan kepada SKP.

Dalam fasal 3, yang dijangka akan bermula pada tahun 2031, kerajaan berhasrat untuk memusatkan pengawalseliaan pelakuan bagi keseluruhan aktiviti pasaran kewangan di Malaysia selepas kajian menyeluruh dibuat.

Pendekatan berfasa ini dirancang untuk memastikan transformasi pengawalseliaan industri kredit pengguna dapat dilaksanakan secara teratur. Ini bagi mengurangkan risiko gangguan atau ketidakstabilan dalam pelaksanaan dasar terhadap industri kredit pengguna, di samping memberi ruang kepada SKP untuk memperkasa keupayaan dan kapasitinya secara progresif.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama RUUKP adalah untuk melindungi kepentingan pengguna kredit dalam negara. Dengan pertama, mengawal selia semua perniagaan kredit dan perniagaan perkhidmatan kredit.

Kedua, memastikan pelakuan yang baik dan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh peserta industri kredit pengguna.

Dan ketiga, menggalakkan kemajuan industri kredit yang adil, cekap dan telus.

Dalam hal ini, takrifan pengguna kredit merujuk kepada individu yang mendapat kredit bagi tujuan persendirian termasuk penjamin sosial serta perusahaan mikro dan kecil dengan pinjaman tidak melebihi RM300,000. Takrifan pengguna kredit yang luas ini menunjukkan hasrat kerajaan untuk memastikan isi rumah dan perniagaan yang rentan dilindungi secukupnya.

RUUKP ini terbahagi kepada 10 bahagian dan mengandungi 135 fasal serta tujuh jadual. Izinkan saya untuk menghuraikan beberapa peruntukan utama di bawah RUUKP.

Bahagian II RUUKP merangkumi peruntukan bagi penubuhan fungsi dan kuasa SKP dengan empat fungsi utama seperti yang terkandung dalam fasal 7:

- (i) menasihati Menteri Kewangan dalam semua perkara berkaitan kredit pengguna;
- (ii) menasihati kerajaan dalam pembentukan dasar kebangsaan berkaitan kredit pengguna;
- (iii) menggalakkan pelakuan yang adil, profesional dan bertanggungjawab oleh semua pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit; dan
- (iv) menggalakkan perkembangan industri kredit pengguna yang cekap dan telus.

Fasal 26 memperuntukkan penubuhan suatu kumpulan wang yang membolehkan SKP menjana pendapatan. Antara lainnya daripada fi yang dikenakan ke atas peserta industri di bawah pengawalseliaannya. Walau bagaimanapun, dana yang di sumbang daripada fi pengawalseliaan dalam fasal 1 dijangka rendah memandangkan jumlah entiti yang dikawal selia oleh SKP adalah tidak begitu besar.

Fasal 27 membenarkan pihak penyelia selain KPKT dan KPDN untuk memberi pendanaan kepada SKP sehingga 31 Disember 2030. Pendanaan ini bertujuan menampung kos operasi SKP bagi fasal 1 dan 2 tanpa memberikan implikasi kewangan kepada kerajaan.

Fasal 29 dan 30 memperuntukkan supaya SKP menyediakan suatu laporan mengenai aktiviti dan akaun kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah fasal 26, di mana salinannya perlu dihantar kepada Menteri Kewangan untuk dibentangkan di Parlimen.

Fasal 34 merujuk kepada pihak penyelia seperti SKP, KPKT, KPDN, SKM, Bank Negara dan SC. Pihak penyelia tersebut digalakkan untuk menguatkuasakan aspek perlindungan pengguna kredit yang terkandung dalam RUUKP melalui penggubalan peraturan, standard atau garis panduan kepada peserta industri di bawah seliaan masing-masing. Langkah ini bertujuan memastikan perlindungan yang lebih menyeluruh, konsisten dan meningkat dari segi perundangan.

Fasal 37 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat yang dianggotai oleh wakil daripada SKP, Kementerian Kewangan, KPKT, KPDN, KUSKOP, SKM, Bank Negara, SC dan SKP. Jawatankuasa ini berperanan sebagai platform penyelarasan dan pelaksanaan dasar berkenaan perniagaan kredit serta perkhidmatan kredit merentas kementerian dan agensi berkaitan. Ini akan menyokong SKP dalam memperkukuh struktur kawal selia kredit pengguna dan memastikan pelaksanaan RUUKP berjalan secara menyeluruh dan berkesan.

Bahagian V mempertanggungjawabkan SKP untuk melesenkan tiga jenis perniagaan kredit, termasuk yang patuh syariah, serta mendaftarkan tiga jenis perkhidmatan kredit yang telah diperincikan. RUUKP turut memberikan tanggungjawab kepada KPKT untuk melesenkan dua jenis perniagaan kredit iaitu kemudahan pembiayaan patuh syariah dan pemajak gadaian patuh syariah.

Fasal 45 dan 62 seterusnya, memperuntukkan bahawa pemohon yang ingin menjalankan perniagaan pemberian kredit atau perkhidmatan kredit akan dinilai berdasarkan keperluan layak dan sesuai dengan izin, *fit and proper* termasuk kebolehdayaan perniagaan dan keupayaan tadbir urus.

Fasal 81 dan 83 menetapkan bahawa semua urusan perniagaan pemberi kredit patuh syariah mesti mematuhi prinsip syariah dan menekankan peranan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dan SC sebagai badan berautoriti dalam pematuhan prinsip syariah.

Fasal 84 menekankan kewajipan peserta industri untuk mengamalkan perlakuan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam berurusan dengan pengguna kredit.

Fasal 85 pula menggariskan 11 standard perlakuan perniagaan yang perlu dipatuhi oleh peserta industri yang dikawal selia oleh SKP.

Selain itu, fasal 86 mewajibkan pemberi kredit untuk mempertimbangkan permohonan pengguna yang menghadapi kesulitan kewangan luar jangka seperti penyakit kronik, kehilangan pekerjaan atau bencana alam agar pembayaran balik pinjaman dapat disusun semula secara lebih adil.

Bahagian VIII memberikan kuasa menyeluruh kepada SKP dan pihak penyelia untuk menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan serta memperkukuh aspek pengawalseliaan dan penguatkuasaan melalui peruntukan tambahan yang melengkapi perundangan sedia ada. Ini membolehkan SKP dan pihak penyelia menangani ketidakpatuhan terhadap undang-undang, peraturan dan standard yang ditetapkan dengan lebih berkesan.

Sebanyak empat kategori tindakan penguatkuasaan diperuntukkan iaitu tindakan pentadbiran di bawah fasal 106, tindakan penguatkuasaan sivil di bawah fasal 109, tawaran kompaun di bawah fasal 118 serta tindakan penguatkuasaan jenayah. Peluasan skop penguatkuasaan ini memberi keanjalan kepada SKP dan pihak penyelia untuk mengambil tindakan yang sesuai demi melindungi pengguna kredit.

RUUKP turut mengandungi 57 kesalahan jenayah dan hukuman maksimum untuk kesalahan sangat besar di bawah RUUKP adalah denda tidak melebihi RM5 juta atau hukuman penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Ini mencerminkan ketegasan kerajaan dalam melaksanakan RUUKP dan komitmen terhadap perlindungan pengguna kredit.

RUUKP turut mengandungi tujuh jadual yang menjadi pelengkap kepada fasal utama dan memperincikan maklumat tambahan seperti senarai kredit yang tidak tertakluk kepada RUUKP dan takrifan secara lebih mendalam. RUUKP akan memberi manfaat kepada pengguna dan peserta industri.

Untuk pengguna, RUUKP membawa jaminan perlindungan yang lebih menyeluruh melalui tiga manfaat utama:

- (i) standard perlindungan yang dipertingkatkan yang mewajibkan pemberi kredit mematuhi amalan perniagaan yang ditetapkan termasuk terma kontrak yang adil dan pengiklanan yang tepat;
- (ii) pengawalseliaan terhadap faedah, fi dan caj yang keterlaluan; dan

- (iii) prosedur kutipan hutang yang berhemah dengan melarang gangguan melampau, ugutan atau penipuan terhadap pengguna kredit.

Untuk industri pula, RUUKP mewujudkan ketelusan dan konsistensi dalam kawal selia industri serta memberikan kapasiti. Minta maaf, serta memberikan kepastian dasar kepada peserta industri. Ia juga menggalakkan amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab, mempertingkatkan profesionalisme dan menyokong persaingan pasaran yang lebih sihat, inovatif, cekap dan mampan.

Secara keseluruhannya, RUUKP ini adalah suatu reformasi penting dalam menyokong aspirasi kerajaan yang menekankan prinsip keadilan, keterangkuman dan kesejahteraan rakyat.

■1700

Perlindungan pengguna yang mantap akan memperkukuh keyakinan terhadap sistem kewangan dalam negara. Dengan penuh hormat, saya memohon sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian untuk meluluskan Rang Undang-undang Kredit Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Saya menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna, perlindungan kepentingan pengguna kredit, pengawal seliaan dan penyeliaan perniagaan kredit konvensional atau Islam dan perniagaan perkhidmatan kredit, perlakuan yang sepatutnya dan amalan peminjaman bertanggungjawab dalam industri kredit dan penggalakan suatu industri kredit yang adil, cekap dan telus dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Mengambil kira waktu sekarang sudah jam 5, maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Silakan.

5.01 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pengguna Kredit 2025 hadir tepat pada waktunya ketika rakyat sedang berdepan dengan tekanan kos sara hidup yang semakin mencabar. Dalam keadaan mendesak untuk menampung perbelanjaan harian, peniaga kecil, peniaga biasa, keluarga sederhana, terpaksa mencari bantuan kewangan segera. Malangnya, ruang ini sering dieksploitasi oleh pemberi pinjaman tanpa lesen atau dikenali sebagai along yang menggunakan kadar faedah melampau serta menggunakan taktik ugutan yang menakutkan. Akhirnya, rakyat kecil yang sudah pun terus terjerat dalam kitaran hutang tidak kesudahan.

Namun, masalah tidak terhenti pada pinjaman haram saja. Walaupun wujud pemberi kredit yang berdaftar, kadar faedah mereka yang tinggi masih boleh membebankan. Ramai mengadu bahawa jumlah bayaran balik jauh melebihi pinjaman asal. Justeru, persoalan saya yang timbul adalah, sejauh mana Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) benar-benar mampu melindungi rakyat dengan memastikan kawal selia yang adil, telus dan berkesan?

Dato' Yang di-Pertua, fenomena baru yang semakin membimbangkan ialah penggunaan meluas kemudahan *buy now, pay later* atau dikenali BNPL. Syarikat seperti *Grab PayLater*; *Shopee PayLater*; *Atome* and *MyIOU* menawarkan kemudahan ansuran yang mudah diakses, terutamanya kepada golongan muda dan penjawat awam. Nilai transaksi BNPL di Malaysia mencecah RM9.3 bilion pada separuh pertama 2025, meningkat 31 peratus berbanding enam tahun sebelum ini. Enam bulan sebelum ini, minta maaf.

Lebih membimbangkan tunggakan hutang BNPL kini mencecah RM121.8 juta, melibatkan hampir 170,000 pengguna. Kita tidak boleh menafikan bahawa BNPL ini sering digunakan bukan untuk barangan mewah, tetapi bagi keperluan asas seperti makanan, utiliti dan juga perbelanjaan rumah. Malah, ketika saya berkhidmat sebagai seorang pengarah hospital, saya melihat sendiri bagaimana ramai doktor muda, jururawat PPK, PPP terpaksa menggunakan BNPL untuk bertahan. Gaji mereka rendah, elaun tidak setimpal manakala bayaran *on-call* doktor muda sering ditangguhkan.

Isu ini bukan sekadar soal kewangan, tetapi soal penghargaan. Doktor muda yang bekerja sehingga 36 jam tanpa rehat tidak wajar bergantung kepada BNPL hanya untuk memenuhi keperluan asas. Jika kebajikan mereka terus diabaikan, janganlah kita terkejut mengapa mereka perlu mencari jalan pintas kewangan yang berisiko. Mungkin mereka pun akan cari along, satu kali nanti.

Dalam hal ini, kerajaan perlu meneruskan reformasi Skim Saraan Penjawat Awam yang lebih komprehensif selaras dengan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SBPA). Sebagai contohnya, pada bulan Februari yang lepas, Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan

telah diberitahu bahawa kenaikan elaun tuntutan atas panggilan *on-call* sebanyak RM55 ke RM65 untuk semua doktor sahaja akan menelan kos hampir RM75 hingga RM80 juta setahun iaitu lebih kurang dua peratus daripada peruntukan tahunan KKM.

Saya yakin penjimatan dapat dilakukan di tempat lain. Sebagai contohnya, menghentikan hidangan makan minum semasa mesyuarat untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung supaya elaun tugas atas panggilan dapat dinaikkan dengan kadar segera. Selain itu, bayaran Insentif Pos Basik untuk jururawat, penolong pegawai perubatan juga perlu dikaji agar skim insentif ini dapat memberi lebih relevan dengan beban tugas dan kelayakan Pos Basik yang dimiliki.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong fasal yang menetapkan perjanjian dengan pemberi kredit tidak berlesen adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Ini mesej jelas bahawa syarikat yang enggan berlesen di bawah SKP tidak berhak untuk menuntut hutang di mahkamah. Namun, undang-undang hanya bermakna jika pelaksanaan berkesan. Maka izinkan saya mengemukakan beberapa soalan tambahan kepada Menteri — Timbalan Menteri.

Bagaimana SKP akan bertindak terhadap aplikasi BNPL antarabangsa yang beroperasi di Malaysia tetapi berdaftar di luar negara? Adakah kerajaan bercadang menetapkan had pendedahan kredit maksimum untuk pengguna bawah umur 25 tahun? Bolehkah kerajaan mewajibkan paparan kos sebenar termasuk caj lewat bayar, penalti dalam bentuk notifikasi jelas, bukan tulisan kecil yang akan mengelirukan pengguna? Jika berlaku kebocoran data, apakah bentuk pampasan mandatori kepada pengguna? Adakah SKP diberi kuasa untuk mengenakan penalti?

Dato' Yang di-Pertua, RUU ini memang langkah penting untuk mewujudkan ekosistem kredit yang lebih selamat, telus dan juga adil. Saya menyokong RUU ini dengan penegasan bahawa pelaksanaan mesti tegas dan konsisten. Jangan biarkan rakyatnya, khususnya belia dan penjawat awam yang menjadi barisan hadapan negara terus menjadi mangsa *loan shark digital* dan cengkaman hutang yang tidak terkawal. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Lingesh. Masa yang tepat, lima, enam minit ya. Terima kasih.

Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

5.07 ptg.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* [Berselawat] Dato' Yang di-Pertua, saya mulakan ucapan saya dengan firman Allah SWT,

Surah al-Baqarah, ayat 275 [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan daripada riba.”

Tuan Yang di-Pertua, RUU Kredit Pengguna ini merupakan sesuatu yang wajar dilaksanakan ketika ini. Saiz pasaran pengguna perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL), ini di peringkat global adalah USD6.2 bilion, kemudian diunjurkan meningkat kepada USD39.4 bilion pada tahun 2030. Angka ini juga memberikan gambaran yang seiring dengan peningkatan jumlah penggunaan perkhidmatan BNPL di Malaysia.

Statistik penggunaan *volume* transaksi BNPL bagi separuh tahun pertama tahun ini jelas telah menunjukkan bagaimana BNPL digunakan secara meluas di Malaysia. Separuh tahun pertama 2023, jumlah transaksi melibatkan perkhidmatan BNPL ini 2.7 juta transaksi melibatkan RM30.6 bilion. Dalam tempoh dua tahun sahaja iaitu pada tahun ini jumlah transaksi BNPL adalah berjumlah 9.3 juta, transaksi melibatkan hampir RM102.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, angka ini menunjukkan pengguna perkhidmatan BNPL ini yang meluas dan terus menunjukkan rekod trend menaik saban tahun. Oleh itu, tanpa kerangka perundangan yang mengawal selia akta ini sudah tentu dibimbangi akan membawa kepada penipuan selain menyebabkan kawalan hutang tertunggak yang tidak terkawal.

■1710

Hutang tertunggak bagi suku pertama 2023 di Malaysia adalah RM0.71 bilion. Kemudian, terus meningkat kepada RM1.42 bilion pada suku pertama 2024. Tambahan lagi yang membimbangkan kita ketika ini adalah statistik kebangkrupan dalam kalangan anak muda pada tahun 2024 adalah kebanyakannya daripada hutang persendirian malah hutang isi rumah juga membengkak dengan 1.63 trilion iaitu 84.2 peratus KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, satu sisi lain yang harus diberikan penekanan di sini adalah majoriti pengguna BNPL ini adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur 21 hingga 45 tahun, generasi muda. Ia tidak sesuatu yang mengejutkan kerana lingkungan umur ini sememangnya celik teknologi. Apatah lagi BNPL adalah perkhidmatan daripada teknologi kewangan, membabitkan pembiayaan kredit yang tidak mengikat. Kes-kes yang melibatkan bunuh diri kerana kredit ataupun kerana hutang ini terlalu banyak. Mungkin Menteri boleh dapat jumlah terkini kes-kes yang bunuh diri akibat daripada berhutang ini.

Saya berpandangan akta ini relevan kerana ketika ini Malaysia masih belum mempunyai suatu peruntukan akta yang jelas berkenaan BNPL serta Suruhanjaya Kredit Pengguna.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga tidak mencakupi aspek kawal selia terhadap penyedia perkhidmatan BNPL, tetapi lebih menjurus kepada transaksi atas talian semata-

mata. Oleh itu, sudah tentu pengawalseliaan terhadap perkhidmatan BNPL ini suatu yang rasional dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, pengawalseliaan perkhidmatan BNPL ini perlu merangkumi beberapa aspek, antaranya:

- (a) autoriti daripada aspek pemberian lesen untuk memastikan mereka memenuhi kriteria asas sebagai platform pembiayaan kredit;
- (b) tadbir urus dalam konteks memenuhi ciri-ciri asas pembiayaan kewangan;
- (c) pelaporan yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna;
- (d) penyediaan perkhidmatan BNPL yang mesti mematuhi prinsip kewangan syariah termasuklah kontrak *tawarruk*, *murabahah*, mahupun *qardhul hassan*;
- (e) mestilah bersifat *transparent*, tidak mendedahkan data pengguna serta penyediaan kontrak yang adil dan saksama; dan pengawal seliaan ini juga mesti memberikan perlindungan yang secukupnya kepada pengguna khususnya data peribadi dan sebagainya.

Ini enam aspek utama yang wajar diberikan perhatian oleh kementerian bagi memastikan pengawal seliaan akta ini mencapai objektif sebagaimana yang telah digariskan.

Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Musoddak. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat YB Senator Dato' Sivaraj.

5.13 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama membahas Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar istilah *consumer credit* dengan izin, mungkin nampak moden. Bunyi seperti rakyat diberi lebih pilihan, tetapi di sebaliknya, di sebaliknya nama yang cantik, ada jerat yang sedang menunggu iaitu jerat hutang. Hari ini budaya *buy now, pay later* dengan izin, atau BNPL berkembang dengan pesat.

Statistik rasminya pun tadi telah diterangkan oleh Timbalan Menteri. Separuh tahun pertama, RM41 bilion naik kepada RM7.1 bilion dalam masa berapa bulan. Maka, peningkatan hutang isi rumah BNPL kini lebih kurang RM2.8 bilion iaitu 0.2 peratus daripada keseluruhan hutang isi rumah negara. Ini angka yang bukan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1, 2, 3 memberi ruang terlalu besar kepada pemberi kredit untuk menentukan sendiri yuran, faedah dan penalti. Soalnya, adakah adil kalau hutang RM100, penalti lewat bayar pula mencecah lebih daripada jumlah asal. Negara lain sudah hadkan di Australia, *Afterpay* dan *Zip* dengan izin, dilarang dikenakan penalti melebihi hutang asal. Di Sweden pula, penalti lewat bayar dihadkan kepada kadar tetap. Di Malaysia pula, pemberi hutang diberi lesen untuk mengenakan syarat sesuka hati.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lain ialah yuran peniaga. BNPL mengenakan caj antara lima hingga enam peratus, sedangkan kad kredit hanya 1.5 peratus hingga 3.5 peratus. Apa berlaku kos itu dipindahkan semua kepada pengguna. Yang bayar tunai pun akhirnya memberi subsidi kepada pengguna BP — BNPL. Kalau hari ini mereka masih kecil, masih kecil mungkin kita tidak rasa, tetapi bila mereka menjadi besar, monopoli seperti *Grab*, kos naik rakyat tiada pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, BNPL juga mengubah landskap industri kredit. Bank, koperasi malah *licensed money vendors* dengan izin, terpaksa bersaing. Apabila ganjaran untuk menguasai pasaran sangat besar, risiko amalan pinjaman tidak bertanggungjawab semakin tinggi. Mereka akan pinjam kepada sesiapa saja asalkan dapat pelanggan. Akhirnya, kita cipta along digital berlesen sah, tetapi tetap merosakkan rakyat. Saya ingin mencadangkan lima perkara:

- (i) fasal 1, 2, 3 dipinda, kerajaan mesti tetapkan siling faedah, yuran dan penalti. Kalau tidak, kalau tidak ini undang-undang kosmetik sahaja bagi saya;
- (ii) Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) mesti diberi kuasa undang-undang yang jelas untuk mewajibkan penilaian kemampuan peminjam, bukan sekadar panduan;
- (iii) *merchant fee* BNPL dikawal supaya tidak memindahkan kos berlebihan kepada rakyat;
- (iv) literasi kewangan wajib dimasukkan dalam kurikulum sekolah. *Financial literacy life skill* dengan izin, kalau kita ajar anak kita kira algebra, kenapa tidak ajar mereka untuk mengurus hutang masing-masing;

- (v) kempen kesedaran awam besar-besaran dilancarkan supaya rakyat bukan sahaja tahu *option credit*, tetapi tahu bagaimana mengurus simpanan perbelanjaan simpanan pelaburan; dan
- (vi) wujudkan mekanisme untuk melindungi penjamin sama seperti perlindungan kepada penghutang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini penting, saya sokong, tetapi kalau tidak diperketatkan ia akan menjadi lesen baru, memberi lesen baru kepada kapitalis memeras rakyat atas nama kemudahan kewangan. Kita jangan ulang kesilapan lama, slogan cantik pelaksanaan longgar akhirnya rakyat yang menanggung hutang. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah.

5.17 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja iaitu pertama, saya ingin menarik perhatian kepada beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini untuk diambil kiralah oleh Suruhanjaya Kredit Pengguna nanti iaitu seksyen 44 dan 45. Ya, di mana entiti yang menawarkan perkhidmatan BNPL dan produk serupa mesti memperolehi lesen, memenuhi ambang kewangan minimum dan lulus ujian sesuai dan wajar yang ketat untuk pengurusan dan pengarah.

Saya akui ini adalah memang perkara yang wajar dan wajib dinilai untuk memastikan BNPL, syarikat BNPL tersebut adalah memang sesuai dan layak untuk menjalankan perniagaannya. Namun, saya berharaplah ianya khususnya bagi ambang, nilai ambang kewangan minimum tidak akan membebankan khususnya bagi *fintech company* yang baharu, syarikat permulaan *fintech* yang baharu *because*, kerana ketika Malaysia bergerak ke arah perlesenan dan kita menggalakkan rakyat untuk berinovasi, menjadi pencipta, SKP ataupun Suruhanjaya Kredit Pengguna mesti mencapai keseimbangan melindungi pengguna terutamanya kumpulan yang terdedah seperti golongan berpendapatan rendah tanpa menyekat inovasi *fintech* ya.

Yang kedua berkaitan dengan keselamatan, ketepatan data dan perlindungan data peribadi. *I know it's a given*, mereka adalah daripada CCOP, daripada Bank Negara dan sebagainya. Kita ingat mereka okey, *they're well aware*, tetapi kita tahu perkara ini telah berlaku di kalangan bank dan sebagainya jadi adalah sangat penting — sebab suruhanjaya

ini akan mengumpul banyak data peribadi, data yang akan diguna, disimpan dan untuk digunakan untuk menganalisa kebolehpercayaan kredit pengguna nanti.

■1720

Jadi, suruhanjaya bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan integriti pangkalan data pengguna iaitu terutama dalam era digital yang semakin kompleks. Cabaran seperti daripada penggodaman, *phishing* dan *ransomware*, ia nya, saya percaya SKP nanti akan berdepan dengan cabaran serangan siber. Jadi, saya berharap SKP, *I know*, akan melabur dalam infrastruktur keselamatan siber yang canggih seperti *firewall* generasi baharu, *AI based anomaly detection* dan sistem enkripsi *end-to-end*.

Dan kedua berkaitan dengan data ini, hendaklah memastikan data itu tepat, konsisten dan kemas. Jadi, sekiranya penilaian *credit worthiness* pengguna adalah berdasarkan maklumat yang tidak tepat, jadi akan menjejaskan kelayakan mereka untuk mendapatkan pinjaman ataupun kemudahan kewangan.

Dan satu perkara lagi adalah kebocoran data dalaman. Ini adalah perkara yang amat penting. Perlulah mengadakan protokol keselamatan untuk memastikan kebocoran data dalaman tidak berlaku ataupun kiranya berlaku, ada intervensi yang cepat boleh dilakukan. Dan yang – tidak lupa juga pematuhan kepada undang-undang privasi dan perlindungan data. Jadi, risiko pelanggaran undang-undang jika maklumat peribadi dikendalikan secara cuai atau tanpa kebenaran pengguna.

Dan yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, peranan pentingnya SKP nanti sebagai pengawal selia adalah untuk menggalakkan pendidikan kewangan untuk membantu pengguna membuat keputusan termaklum dan lebih memahami risiko dan faedah kredit. *In other words*, dengan izin, *teaching consumers to protect themselves*. Walaupun kredit digital menawarkan faedah, juga boleh mengecualikan pengguna yang kurang celik digital atau akses kepada teknologi, mewujudkan kelemahan baharu dan mesti ditangani oleh pengawal selia.

Jadi, saya cadangkan sekiranya belum ada, supaya SKP nanti menubuhkan satu unit pendidikan khas untuk pengguna kredit dan buatlah *roadshow* ataupun penjelasan kepada kampung-kampung kawasan pedalaman, kepada mereka yang kurang celik digital. *Mind you, TikTok, Shopee* telah datang ke rumah panjang, ke kampung-kampung. Mereka suka beli *and all that*, tapi mereka kurang tahulah tentang bahaya-bahaya yang timbul akibat daripada penggunaan tersebut.

Jadi, saya berharap selain daripada mengawal selia, SKP nanti juga akan bermain – memegang peranan yang penting untuk berkhidmat kepada – *I think* juga masyarakat juga untuk memastikan pengguna adalah terdidik.

Dengan itu Dato' Yang di-Pertua, kesan industri kredit ini adalah amat besar, ia nya merangsang permintaan dalam sektor utama seperti peruncitan, automotif, elektronik dan perkhidmatan. Dan akses pada kredit membolehkan individu membuat pembelian besar secara ansuran serta membantu PKS mendapat aliran tunai untuk beroperasi dan berkembang. Ini mendorong pertumbuhan perniagaan, penciptaan pekerjaan dan inovasi terutamanya penyelesaian *fintech* memperluaskan akses kepada golongan yang kurang dilayan oleh sistem perbankan tradisional.

Jadi, industri kredit bukan saja pemangkin perbelanjaan isi rumah tetapi juga pemacu kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif. Jadi, dengan inovasi berterusan dan kawalan selia yang berkesan *and I believed that these guys would be able to do that. I have been doing the study* sejak saya rasa tahun 2022 lagi dan memahami apa masalah, isu-isu yang ada dan dapat menangani isu-isu, masalah yang telah timbul. Dan dengan inovasi berterusan, kawal selia yang berkesan, industri ini berada pada landasan kukuh untuk terus menjadi enjin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Puan Rita. Seterusnya, dijemput YB Senator Dr. Hajah Wan Martina.

5.24 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 digubal bagi menutup jurang kawal selia yang selama ini wujud dalam sektor perniagaan kredit. Kita maklum bahawa ada segmen masyarakat golongan rentan termasuk mereka yang di luar bandar yang sering terperangkap dengan tawaran kredit yang tidak adil, tidak telus malah ada yang menjerat mereka dalam kitaran hutang yang berpanjangan.

Kehadiran rang undang-undang ini memberi satu isyarat jelas bahawa negara kita mahu melangkah ke hadapan dengan sistem kawal selia yang lebih moden, lebih menyeluruh dan lebih mesra rakyat.

Saya menyambut baik langkah menubuhkan Suruhanjaya Kredit Pengguna yang akan diberi kuasa untuk melesen, mendaftar dan memantau penyedia kredit yang sebelum ini beroperasi tanpa pengawasan yang ketat. Dengan cara ini, rakyat akan lebih terlindung daripada amalan pemberian kredit yang tidak beretika manakala penyedia kredit pula akan tertakluk kepada peraturan dan standard yang lebih tegas.

Dari sudut ini, rang undang-undang ini adalah satu transformasi besar dalam landskap kewangan negara kerana ia bukan sahaja membela pengguna bahkan mengangkat integriti keseluruhan sistem kredit kita. Saya juga melihat pelaksanaan secara berperingkat adalah pendekatan yang bijak. Ia membolehkan semua pihak yang terlibat bersedia dari segi kapasiti, kepakaran dan penyesuaian undang-undang.

Peralihan kuasa kawal selia daripada pelbagai agensi kepada sebuah suruhanjaya khusus yang lebih fokus akan memastikan tiada lagi percanggahan atau pertindihan peraturan. Lebih penting lagi pelaksanaan berperingkat ini memberi ruang untuk rakyat memahami hak mereka sebagai pengguna kredit manakala industri pula dapat menyesuaikan diri tanpa tertekan kepada perubahan mendadak.

Dato' Yang di-Pertua, RUUKP 2025 ini diharapkan akan menjadi kerangka payung yang menyatukan dan memperkukuhkan kerjasama antara agensi sedia ada seperti Bank Negara Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mewujudkan satu ekosistem kawal selia yang lebih seragam, teratur dan efisien.

Sebagai senator daripada Kelantan, saya memahami bagaimana masyarakat di negeri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak sering berdepan kesukaran mendapat akses kredit yang adil dan berpatutan. Ramai usahawan kecil, peniaga pasar, nelayan, petani dan golongan B40 bergantung kepada skim kredit mikro untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Malangnya, ada di antara mereka yang terpaksa bergantung kepada pemberian kredit tidak berlesen kerana kekurangan pilihan. Dengan adanya RUUKP 2025 ini, diharapkan mereka akan dilindungi daripada amalan yang menindas dan pada masa yang sama berpeluang untuk mendapatkan kredit yang berpatutan akan lebih meluas.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan bahawa perlindungan pengguna dalam kredit bukan soal undang-undang sahaja, tetapi soal keadilan sosial. Apabila rakyat diberi peluang untuk mengakses kredit dengan syarat yang telus, adil dan berpatutan, mereka bukan sahaja boleh meningkatkan taraf hidup, malah dapat menyumbang kembali kepada ekonomi negara dengan lebih bermakna.

Pun begitu, dalam dunia digital yang serba mudah kebimbangan kita juga kepada kaum wanita dan anak-anak muda yang mudah terdedah kepada risiko terperangkap dengan budaya hutang. *Buy now, pay later* (BNPL) menggalakkan pembelian barangan dengan pembayaran ansuran mudah tanpa menyedari caj-caj yang tersembunyi yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

Oleh itu, saya ingin bertanya adakah RUU ini dapat mengawal penggunaan kemudahan pinjaman ini dengan mengehadkan nilai kredit berdasarkan kemampuan peminja? Dan adakah kerajaan akan mengehadkan atau menghapuskan penalti yang dikenakan jika terlewat bayar untuk tidak membebaskan peminjam.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUUKP 2025 ini, namun RUU ini bukan sekadar menyusun semula kerangka kawal selia, tetapi kerajaan juga perlu mengambil berat soal perlindungan rakyat dalam aspek kewangan. Dengan kelulusan RUU ini, harapan kita rakyat disediakan dengan sebuah sistem kredit yang teratur, lebih telus dan lebih berdaya tahan tanpa mendedahkan rakyat dengan risiko keberhutangan dan risiko muflis di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Dr. Hajah Wan Martina. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

■1730

5.30 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya menyambut baik pembentangan Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 ini yang merupakan langkah penting dalam usaha mengawal selia sektor kredit yang bukan bank dan melindungi hak pengguna.

Namun, saya ingin mengajukan beberapa persoalan ya yang kritikal khususnya berkaitan isu sistem *buy now pay later* (BNPL) supaya rang undang-undang ini bersifat responsif terhadap realiti semasa.

Pertama, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewajibkan semua penyedia perkhidmatan BNPL melaporkan pinjaman pengguna mereka ke dalam sistem rujukan kredit rasmi negara seperti CCRIS dan CTOS? Tanpa pelaporan ke CCRIS atau CTOS, pinjaman BNPL ini berada di luar radar kawal selia rasmi sekali gus menyebabkan institusi kewangan tidak dapat menilai kemampuan kredit sebenar seorang pengguna.

Kedua, adakah kementerian bercadang untuk menyepadukan data BNPL yang dikumpulkan oleh Suruhanjaya Kredit Pengguna Malaysia dengan sistem CCRIS dan CTOS? Supaya data ini dapat digunakan oleh bank atau institusi kewangan ketika mereka membuat penilaian risiko pinjaman utama seperti pinjaman rumah.

Ketiga, adakah kerajaan bersedia untuk menjadikan rekod bayaran BNPL sebagai alat membina skor kredit? Supaya pengguna yang membayar dengan disiplin boleh membina sejarah kewangan dan akhirnya layak untuk akses pembiayaan bank yang lebih mampan. Isu ini penting terutamanya untuk golongan muda, peniaga kecil serta mereka yang di luar bandar

yang tidak mempunyai rekod kredit tradisional. Kita tidak mahu sistem ini kekal menghukum mereka hanya kerana mereka tidak pernah ambil pinjaman bank.

Keempat, apakah bentuk kuasa penguatkuasaan yang akan diberikan kepada SKP dalam berhadapan dengan agensi kutipan hutang yang agresif? Syarikat pembiayaan tidak telus serta penyedia pinjaman digital yang menggunakan tersembunyi. Adakah SKP akan memiliki kuasa punitif seperti penggantungan lesen, penalti kewangan dan juga penyiaran awam terhadap pelanggaran hak pengguna?

Kelima, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan satu saluran aduan yang bersepadu, mesra pengguna dan mudah diakses oleh rakyat di seluruh negara? Khususnya di kawasan luar bandar seperti FELDA dan komuniti pedalaman.

Sebagai contoh, rangkaian Pusat NADI ataupun Pusat Ekonomi Digital di bawah Kementerian Komunikasi boleh dimanfaatkan sebagai hab fizikal untuk membantu rakyat membuat aduan atau mendapatkan maklumat berkenaan hak mereka di bawah Rang Undang-undang Kredit Pengguna ini. Ini penting supaya pengguna tidak bergantung sepenuhnya kepada saluran dalam talian sahaja. Kalau kita sedar, masih ramai yang tidak mempunyai akses stabil kepada *Internet* ataupun tidak mahir menggunakan aplikasi digital.

Dato' Yang di-Pertua, dengan penuh rasa tanggungjawab, saya menyokong rang undang-undang ini, tetapi dengan syarat cadangan-cadangan untuk penambahbaikan kepada rang undang-undang ini, yang saya dibangkitkan ini diberi perhatian. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat YB Senator Tuan Amir.

5.34 ptg.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang saya hormati semua Ahli Senator dan juga semua yang ada dalam Dewan ini. Saya mohon membahaskan Rang Undang-undang Kredit Pengguna. Ketiadaan rangka kerja pengawalseliaan bagi segmen tertentu industri kredit pengguna menimbulkan risiko pelakuan tidak adil terutamanya kawalan terhadap kaedah pembayaran.

Contohnya beli sekarang, bayar kemudian. Ini satu budaya yang tidak baik dan sering terjadi dalam masyarakat kita. Ia akan mewujudkan kemudaratan kepada pengguna rentan dan meningkatkan risiko tahap keberhutangan dalam kalangan isi rumah yang tidak terkawal kerana transaksi yang telah diberikan oleh BNPL tumbuh amat ketara sehingga meningkat dalam 88 juta dan meningkat kepada 7.1 bilion separuh masa yang tahun kedua pada tahun 2024.

Perkara ini amat membimbangkan Dato' Yang di-Pertua. Namun begitu, beberapa pihak secara tidak langsung merasa terkesan dan bimbang bahawa kos pematuhan yang tinggi mungkin menyebabkan caj perkhidmatan meningkat atau akses kepada pembiayaan menjadi terhad terutamanya kepada golongan rentan.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperkenalkan, mempelbagai mekanisme perlindungan seperti penilaian kemampuan bayar dan proses pengurusan kesulitan kewangan. Tetapi tidak meleraikan isu mendasar seperti gaji yang statik, kos sara hidup yang meningkat dan ketidaktentuan pendapatan yang mendorong rakyat kepada hutang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi langkah-langkah kawalan supaya dapat diperhatikan fokus kepada isu kredit pengguna ini iaitu hadkan caj penalti dan kadar yang tinggi, tetapkan had maksimum penalti atau caj di bawah skim BNPL dan kredit lain untuk mengelakkan kesulitan kewangan daripada caj yang berlebihan.

Wujudkan hab akses awam kepada skor kredit individu secara percuma atau dengan kos rendah ini membolehkan pengguna memahami kedudukan kredit mereka dan membuat pilihan bijak. Meminta CCC untuk secara berkala mengumumkan senarai pemberi pinjaman yang didaftarkan dan entiti disenarai hitam termasuk kadar faedah yang dikenakan supaya mereka mendapat kesan daripada apa yang mereka lakukan.

Wujudkan mekanisme teguh untuk mengawasi pelaksanaan rang undang-undang. Misalnya audit prestasi, CCC, laporan tahunan kepada Parlimen, keterlibatan bebas dalam penguasaan serta mekanisme aduan yang lebih terbuka dan lebih telus. Larang penggunaan kaedah faedah *front loaded* dan pertimbangkan had tempoh maksimum pinjaman peribadi. Contohnya, tujuh tahun, mengurangkan kos pembayaran dan risiko pembiayaan jangka panjang.

Selain daripada itu, perlindungan hukum. Galakkan pelaksanaan program pendidikan kewangan, kolaborasi CCC dengan AKPK dan bantuan kewangan bagi golongan rentan ini. Dan pastikan undang-undang menyediakan hak jelas untuk aduan dan pembetulan data-data sokongan dalam situasi kesulitan kewangan termasuk pengantaraan tanpa risiko, litigasi ketika penilaian. Tapiskan langkah perlindungan khusus tambahan untuk golongan berpendapatan rendah, pekerja kadar gaji kecil dan generasi muda yang terdedah kepada tekanan pembiayaan digital.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini supaya ia dapat menjaga keselamatan rakyat kita, golongan rentan, golongan bawahan daripada berhutang yang lebih tinggi apatah lagi peniaga-peniaga kecil yang sentiasa terdedah kepada keberhutangan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Amir.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. *You are the last one.*

5.39 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: *Yes, correct.* Saya yang terakhir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan suatu rang undang-undang baru yang mencadangkan penubuhan sebuah badan pengawalseliaan dan penyeliaan yang baru bagi mengawasi aktiviti kredit pengguna. Kredit pengguna wujud dalam pelbagai bentuk dan terbesar secara meluas seperti yang dinyatakan dalam seksyen — fasal 5 rang undang-undang ini.

■1740

Di peringkat akar umbi, kita dapat melihat secara langsung bagaimana kredit pengguna berfungsi. Di jalanan, terdapat banyak iklan haram yang muncul secara tidak sah pada tiang lampu dan papan tanda menawarkan pinjaman mudah serta pengeluaran wang tunai segera. Iklan-iklan ini biasanya disertai hanya dengan satu nombor telefon untuk dihubungi. Ini adalah ciri-ciri aktiviti along. Ini ialah along fizikal, bukan along digital atau pemberi pinjaman wang tidak berlesen. Aktiviti ini sangat menguntungkan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) nampaknya berhadapan dengan satu perjuangan yang sia-sia dalam usaha menurunkan iklan-iklan tersebut.

Sebelum proses penggabungan industri perbankan pada penghujung 1990-an dan awal 2000-an, banyak bank dan syarikat kewangan telah dilesenkan di bawah Akta Institusi Kewangan dan Perbankan iaitu *Banking and Financial Institutions Act*, dengan izin. Dalam proses tersebut, institusi-institusi kewangan kecil telah digabungkan atau diambil alih oleh institusi yang lebih besar.

Sebagai contoh, di Sibu, *my hometown* dengan izin, pernah dikenalkan sebagai pusat kewangan negeri Sarawak dengan tiga bank dan empat syarikat kewangan yang beribu pejabat di Sibu. Namun selepas penggabungan, kesemua institusi ini telah diambil alih oleh pemain kewangan peringkat kebangsaan yang membawa kepada kehilangan banyak pekerjaan kolar putih di peringkat tempatan. Lebih membimbangkan ialah hakikat bahawa pinjaman menjadi semakin sukar untuk diperolehi terutamanya bagi perniagaan kecil dan golongan rakyat biasa.

Lama-kelamaan, kita melihat semakin banyak perniagaan pemberi pinjaman wang ditubuhkan di bawah pelesenan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 iaitu *Moneylenders Act 1951* dengan izin. Banyak daripada mereka beroperasi dengan cara yang hampir sama

seperti along. Adalah menjadi harapan agar rang undang-undang ini dapat memudahkan semula akses kepada pembiayaan khususnya bagi peminjam mikro dan rakyat biasa dengan terma yang lebih adil dan telus berbanding apa yang ditawarkan oleh pemberi pinjaman yang menindas pada masa kini.

Namun, kejayaan undang-undang ini amat bergantung kepada sejauh mana ia dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan. Persoalan yang lebih utama ialah bagaimana kita dapat memastikan bahawa undang-undang ini bukan sahaja memberi perlindungan kepada pengguna, tetapi yang lebih penting, memastikan akses kepada kredit benar-benar tersedia kepada perniagaan kecil dan rakyat biasa yang memerlukan bantuan kewangan untuk menghadapi masa yang sukar.

Satu minit lagi. Dua soalan dan satu cadangan...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]* Tak apa. *You can take your time.* Saya bagi lebih sikit masa kepada YB sebab yang terakhir.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Okey. Soalan pertama ialah ada undang-undang ini akan merangkumi isu-isu yang berkaitan dengan pinjaman wang termasuk untuk mengambil tindakan terhadap pemberi pinjam wang haram dan juga terhadap pemberi pinjam wang yang mengenakan kadar faedah yang terlalu tinggi?

Soalan kedua, adakah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 iaitu *Moneylenders Act 1951* akan dipinda bagi menjadikannya lebih berkesan serta untuk melindungi pinjaman terutamanya di kawasan yang mempunyai akses terhad kepada kemudahan kredit?

Ada satu isu lagi ialah saya merujuk kepada rang undang-undang ini ke ayat yang terakhir, *explanatory note*. Sini ada tulis implikasi kewangan. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya rasa ini tidak betul. *It's not accurate.* Sebab dalam rang undang-undang ini, kita mesti menubuhkan satu SKP. Itu mesti membelanjakan kos.

Lagi, ada *issue of regulation*, ada *license*. Jadi mesti ada pentadbiran, mesti ada satu *secretariat*, *regulatory body*, *compliance* dan dalam sini pun ada isu *about offences*. Kalau ada *offences*, mesti ada *enforcement*, penguatkuasaan. Semua ini mesti ada satu perbelanjaan ya. Kira lebih besar juga. *There must be enforcement, there must be people to run the whole secretariat.* Saya minta Menteri menjelaskan kenapa di sini implikasi tidak perlu wang untuk rang undang-undang ini.

Dengan itu, saya sokong rang undang-undang ini dan terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas sebentar tadi. Banyak persoalan yang perlu dijelaskan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan berhubung penggubalan RUUKP ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator amatlah dihargai dan akan diperhalusi dan dipertimbangkan dalam pelaksanaan RUUKP ini kelak.

Dalam perbahasan berhubung penggubalan RUUKP ini, beberapa tema penting serta isu-isu lazim telah dibangkitkan oleh lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator. Bagi penggulungan perbahasan ini, izinkan saya rangkumkan isu-isu utama yang telah dibangkitkan dan memberi respons secara menyeluruh dahulu, sebelum saya memberi jawapan yang lebih spesifik.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, RUUKP akan menyediakan asas bagi rangka kerja pengawalseliaan terhadap perlakuan industri kredit serta perlindungan pengguna kredit yang lebih mampan merangkumi perkara-perkara berikut.

Pertama, pengawalseliaan terhadap pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit yang tidak tertakluk kepada mana-mana perundangan.

Kedua, meningkatkan perlindungan kepada pengguna kredit melalui penetapan standard perlakuan yang menyeluruh dan perlu dipatuhi oleh pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit.

Ketiga, menyediakan kuasa dan keupayaan penguatkuasaan yang mencukupi kepada Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) dan pihak berkuasa pengawalseliaan dan penyeliaan yang lain untuk mengawal selia secara berkesan.

Akhirnya keempat, menubuhkan jawatankuasa penasihat sendiri daripada semua pihak penyelia yang terlibat dalam industri kredit pengguna yang mana jawatankuasa ini akan berperanan untuk memastikan penyelarasan dan pendekatan bersepadu dalam pelaksanaan RUUKP bagi melindungi pengguna kredit di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan RUUKP ini membawa kepada penubuhan SKP yang sering disebut juga tadi, yang akan mengawal selia tiga jenis perniagaan kredit dan tiga jenis perniagaan perkhidmatan kredit yang kini tidak dikawal selia langsung oleh mana-mana pihak berkuasa.

Menjawab cadangan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak dan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, mana-mana entiti yang ingin menjalankan aktiviti syarikat beli sekarang bayar kemudian (*buy now, pay later*) termasuk entiti antarabangsa yang ingin beroperasi di Malaysia perlu dilesenkan oleh SKP dan mematuhi kriteria layak dan sesuai termasuklah keupayaan kewangan yang ditentukan oleh SKP.

syarikat *buy now, pay later* juga perlu membuat penyerahan laporan berkala kepada SKP. Entiti yang menjalankan perniagaan *buy now, pay later* tanpa lesen akan tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan oleh SKP. Dalam keadaan sedemikian, SKP akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan penyedia aplikasi seperti *Apple Store* dan *Google Store* untuk menyekat dan menghalang pengendalian aplikasi dalam talian di Malaysia bagi entiti yang tidak dibenarkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai telah sebut tentang — hampir semua Yang Berhormat Senator ada bangkit tentang *buy now, pay later* atau BNPL.

■1750

Dengan pertumbuhan pesat industri BNPL dan memandangkan kebanyakan pengguna terdiri daripada golongan B40 dan belia adalah amat penting agar amalan pelakuan penyedia BNPL diselia secara teliti dengan dasar yang proaktif oleh kerajaan. Mereka akan dilindungi dengan keperluan perlakuan agar sebarang penawaran pinjaman yang diberikan adalah berpadanan dengan kemampuan kewangan mereka.

Melalui RUU KP, SKP akan mewajibkan syarikat BNPL untuk menjalankan penilaian kelayakan kredit dan kemampuan berhutang dengan izin, *credit worthiness and affordability assessment* sebelum menawarkan sebarang pinjaman BNPL kepada mereka. Ini termasuk mengambil kira jumlah pendapatan dan komitmen perbelanjaan pengguna kredit bagi memastikan mereka mampu membayar balik wang yang dipinjam tanpa mengalami bebanan kewangan yang serius.

Selain daripada BNPL, pengubalan RUU KP juga membolehkan SKP mengawal selia pemberi kredit yang lain serta pemberi perkhidmatan kredit yang kini tidak dikawal selia untuk meningkatkan tahap profesionalisme peserta industri dan mewujudkan persekitaran kredit yang selamat.

Melalui standard pelakuan yang jelas, SKP akan melindungi pengguna daripada penipuan, memastikan kutipan hutang dilakukan secara adil dan mengutamakan ketelusan. RUU KP juga menetapkan agar agensi pengutip hutang serta syarikat pemeroleh pinjaman

terjejas beroperasi secara berhemah dan profesional serta melarang sebarang bentuk penipuan, kekasaran, ancaman atau tindakan yang mengaitkan pengguna.

Pendekatan berfasa ini bertujuan untuk memastikan proses transformasi pengawalseliaan serta peralihan fungsi kawalselia dapat dilaksanakan secara teratur dan terkawal sekali gus mengurangkan risiko gangguan dan ketidakstabilan dalam pelaksanaan dasar. Di samping itu, pendekatan berfasa, iaitu tiga fasa membolehkan SKP membina dan memperkukuh kapasiti serta keupayaan institusinya secara progresif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran dan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak dan juga beberapa Yang Berhormat Senator yang lain, SKP akan mengambil pendekatan penyeliaan yang seimbang dan bersekadar atau dengan izin, *proportionate* supaya industri kredit tidak terlalu dibebankan.

SKP akan mengguna pakai penyeliaan yang berasaskan risiko, di mana penilaian yang dijalankan akan berdasarkan potensi risiko kemudahan ke atas pengguna kredit. Penyeliaan akan dijalankan melalui pemantauan yang berterusan serta pemeriksaan berkala sekiranya perlu dengan memanfaatkan teknologi. Dengan ini SKP dapat memastikan langkah pencegahan yang berkesan serta penggunaan sumber secara cekap dengan menumpukan kepada penyeliaan berhemat.

Sebagai contoh, dalam mengesan salah laku berkaitan dengan pengiklanan yang juga dibangkitkan serta terma perjanjian pinjaman, SKP boleh menggunakan kaedah seperti analisis aduan melalui sistem aduan SKP, tinjauan rahsia atau dengan izin, *mystery shopping* dan penuaian data web dengan izin, *web scraping*. Sekiranya isu dikenal pasti, SKP boleh melakukan tindakan susulan, pemeriksaan serta mengenakan tindakan pembetulan bagi memastikan pematuhan. Untuk ketidakpatuhan standard atau garis panduan, tindakan pentadbiran seperti teguran awam, denda atau pembatalan lesen boleh diambil bagi mengekalkan profesionalisme industri dan menjamin perlindungan pengguna kredit.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rosni berkenaan pendekatan penguatkuasaan yang diambil oleh SKP di bawah RUU KP. SKP diberi kuasa luas untuk mengambil tindakan penguatkuasaan berbentuk pentadbiran, sivil, kompaun dan pendakwaan. Tindakan pentadbiran merupakan tindakan yang lebih pantas untuk menangani pelanggaran RUU KP dan standard berkaitan.

SKP boleh mengenakan teguran penalti monetari yang tidak melebihi RM500,000 untuk setiap ketidakpatuhan dan arahan langkah pembetulan dengan izin, *corrective measures*. SKP juga boleh menggantung atau membatalkan lesen pemberi kredit atau pendaftaran pemberi perkhidmatan kredit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan pentadbiran sedemikian kerap digunakan oleh badan kawalselia lain seperti Bank Negara dan *securities commission*. Untuk pelanggaran RUU KP yang lebih serius, SKP boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sivil dan dengan izin pendakwa raya, tindakan pendakwaan. Tindakan penguatkuasaan SKP akan berasaskan fakta kes, keterangan sedia ada dan keutamaan kepada kepentingan pengguna kredit secara umum.

Sementara itu, pihak penyelia lain juga diberi kuasa untuk mengguna pakai pendekatan penyeliaan perlakuan berasaskan prinsip perlindungan pengguna yang digariskan di bawah RUU KP. Pihak penyelia lain kini diberi kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang luas untuk menangani pelanggaran RUU KP daripada hanya bergantung kepada pendakwaan di bawah undang-undang sedia ada. Ini termasuklah kebolehan untuk mengambil tindakan pentadbiran dan juga tindakan penguatkuasaan sivil kepada sesiapa yang melanggar RUU KP bergantung kepada keterangan dan keseriusan kesalahan.

Beberapa isu berkenaan – berkaitan pemberi pinjam wang tanpa lesen atau along juga sering dibangkitkan tadi – yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, juga oleh Yang Berhormat Senator Robert Lau – termasuk bagaimana RUU KP boleh dilaksanakan untuk membanteras masalah along.

Pada waktu ini, di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, KPKT telah mengadakan persefahaman dengan pihak Polis Diraja Malaysia atau PDRM bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti pemberi pinjam wang. Dalam hal ini, antara cabaran pengawalseliaan termasuklah along yang menyamar sebagai syarikat pemberi wang berlesen dan kes peminjam yang diarahkan ke premis along walaupun hadir ke premis pemberi pinjam wang berlesen. Selain itu, terdapat juga kes kadar faedah yang dikenakan melebihi had iaitu 18 peratus setahun yang ditetapkan di bawah akta tersebut.

Fasal 2 pelaksanaan RUU KP yang dijangka bermula pada tahun 2028 akan menyaksikan pemindahan kuasa berhubung perniagaan pemberi pinjaman wang daripada KPKT kepada SKP.

Pengawalselian dan penguatkuasaan ke atas syarikat pemberi pinjam wang akan dilakukan dengan mengambil pendekatan secara berhemat, bersasar dan bersekadar iaitu dengan izin *prudent, targeted and proportionate*.

Pendekatan ini akan mengimbang aspek peningkatan profesionalisme di kalangan pemberi pinjam wang dan pada masa yang sama, tidak terlalu ketat bagi meningkatkan akses serta keyakinan para pengguna kredit terhadap pemberi pinjam yang berlesen. Ini dijangka dapat mengurangkan orang ramai daripada berurusan dan terjebak dengan along.

Peralihan pengawalseliaan ke atas perniagaan pemberi pinjaman wang berlesen di bawah fasal 2 ini juga memerlukan kerjasama dengan pihak PDRM serta pendekatan penguatkuasaan yang menyeluruh dalam membanteras aktiviti along yang menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat. Isu berkaitan along ini melibatkan pelbagai aspek, termasuk kesedaran pengguna, kesempitan kewangan serta operasi haram yang terbabit dengan jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu-isu implikasi penggubalan RUU KP ke atas pengguna kredit dan pemberi kredit yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator, izin saya jelaskan isu-isu spesifik.

Antara satu daripadanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina dan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah, secara amnya keperluan penilaian kelayakan kredit dan penilaian kemampuan berhutang ini tidak akan menghalang akses kepada kredit dan agenda keterangkuman kewangan atau dengan izin *financial inclusion*.

Sebaliknya, keperluan penilaian ini akan memastikan pemberi kredit tidak memberikan kredit secara sewenang-wenangnya dan hanya memberikan amaun kredit bersesuaian dengan tahap kemampuan pengguna kredit tersebut agar peminjam mampu membayar balik wang yang dipinjam tanpa mengalami sebarang tekanan kewangan yang serius. Had kadar faedah yang dikenakan oleh pemberi kredit terutamanya di BNPL kepada pengguna kredit adalah satu perkara utama yang sedang dalam kajian. Ramai Ahli Yang Berhormat juga bangkitkan hal ini.

Dalam hal ini, SKP memerlukan maklumat menyeluruh dan terperinci serta penilaian yang sewajarnya berkenaan dengan keberhutangan pengguna kredit dan kedudukan kewangan industri kredit.

■1800

Keputusan dasar yang bersandarkan data serta libat urus bersama semua pihak berkepentingan akan memastikan natijah yang adil untuk pengguna kredit dan industri kredit pengguna. Penetapan hak kadar faedah akan diputuskan pada masa yang sesuai sekiranya data menunjukkan keperluan yang jelas.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Wan Martina dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj turut bertanya tentang caj bayaran lewat. SKP akan menetapkan keperluan agar caj tersebut dikenakan mengikut syarat yang jelas dan munasabah. Penetapan ini termasuklah memastikan caj berkenaan dikira berdasarkan kos sebenar yang ditanggung oleh pemberi kredit dalam proses pengutipan hutang.

Berkenaan dengan keperluan penetapan hak jumlah kredit bagi golongan belia terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, SKP juga akan memperhalusi cadangan tersebut selepas membuat kajian menyeluruh.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj, fasal 123 adalah peruntukan penting dalam RUU KP yang memberikan SKP kuasa untuk menentukan standard atau garis panduan. SKP boleh mengeluarkan standard yang mempunyai peruntukan-peruntukan yang mengehendaki perlakuan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh semua peserta industri di bawah seliaan SKP.

Di bawah fasal 123, SKP boleh mengeluarkan standard pelakuan untuk menetapkan hak kadar faedah dan penilaian kemampuan peminjam bukan sekadar panduan. Boleh sambung ya, Tuan Yang di-Pertua?...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh, sila.

Puan Lim Hui Ying: Okey, terima kasih. Menjawab lagi satu persoalan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, standard pelakuan yang akan diterbitkan oleh SKP mewajibkan semua pemberi kredit di bawahnya untuk menzahirkan maklumat penting berkenaan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk sebarang fi dan caj yang dikenakan seperti caj lewat bayar dan penalti. Maklumat tersebut hendaklah dalam bentuk yang jelas dan dinyatakan dalam bahasa yang mudah difahami. Sekiranya terminologi perundangan dan teknikal perlu digunakan, pemberi kredit dikehendaki untuk melampirkan huraian dalam bahasa mudah.

Berkenaan dengan hak yuran peniaga atau kadar diskaun peniaga dengan izin, *merchant discount rate* yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj, ianya ditentukan berdasarkan persetujuan komersial di antara pemeroleh peniaga atau dengan izin, *merchant acquire* dengan peniaga itu sendiri. Ia juga tertakluk kepada rundingan antara kedua-dua pihak bergantung pada jumlah nilai jualan tahunan, kategori perniagaan dan sebagainya.

Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Senator Puan Rita, peningkatan kos perniagaan merupakan satu implikasi yang dijangka memandangkan perniagaan kredit dan perniagaan perkhidmatan kredit perlu menanggung kos pematuhan pengawalseliaan. Namun demikian, manfaat yang ditawarkan di bawah RUU KP adalah jauh lebih besar kepada pengguna kredit dan juga industri kredit di mana tahap perlindungan kepada pengguna kredit adalah lebih komprehensif.

Manakala tahap keyakinan ke atas industri kredit pengguna juga akan meningkat bila ianya berada di bawah kawal selia yang teratur. Melalui RUU KP ini, SKP akan menangani

sebarang kemungkinan amalan pemberian pinjaman yang tidak bertanggungjawab oleh peserta industri melalui rangka kerja pengawalseliaan yang berhemah, bersasar dan bersekadar.

Lagi satu isu tentang perlindungan data pengguna kredit. Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak dan juga Puan Rita, di bawah RUU KP, pengendalian maklumat pengguna kredit merupakan salah satu daripada 11 prinsip perlindungan pengguna kredit. SKP diberi kuasa untuk mengeluarkan standard dan garis panduan untuk memperincikan tahap perlindungan data yang wajib dipatuhi oleh peserta industri. SKP boleh mengambil tindakan penguatkuasaan atas sebarang ketidakpatuhan standard berkenaan pengendalian data pengguna kredit.

Dalam mengambil tindakan pentadbiran untuk ketidakpatuhan standard, SKP boleh mengenakan penalti sehingga RM500,000 untuk setiap satu kesalahan. SKP juga boleh mengarahkan pesalah untuk mengambil langkah untuk meremеди kemungkinan tersebut termasuk memberikan restitusi kepada orang yang teriklan, minta maaf, terkilan. Nak habis dah ya.

Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Senator Datuk Rosni, bagi membina data kredit berpusat, semua pemberi kredit akan diwajibkan untuk melaporkan maklumat kredit pelanggan kepada agensi pelaporan kredit pilihan mereka. Langkah ini amat penting sebagai permulaan untuk mewujudkan sebuah pangkalan data bagi pengguna kredit BNPL termasuklah golongan pekerja gig yang mungkin tiada rekod kredit tradisional dengan mana-mana institusi kewangan.

Yang Berhormat Senator Datuk Rosni juga bertanya tentang membina sejarah kewangan yang baik. Rekod pembayaran kredit yang positif dapat memperkukuh keterangkuman kewangan dengan membantu golongan yang kurang mendapat akses perbankan, membina profil kredit yang baik sekali gus membantu mereka memperoleh akses kepada produk kredit yang lain.

Selain itu juga bertujuan untuk menggalakkan amalan pemberian kredit yang bertanggungjawab. Dengan adanya gambaran menyeluruh tentang tahap hutang pengguna, pemberi kredit dapat membuat keputusan pembiayaan yang lebih tepat dan mengelakkan pengguna daripada terbeban dengan hutang berlebihan.

Berkenaan dengan literasi kewangan, ramai Yang Berhormat juga telah menyebut tentang literasi kewangan. Kerajaan juga menekankan kepentingan literasi kewangan agar rakyat lebih bijak mengurus hal kewangan mereka dan memahami risiko pengguna kredit

secara berlebihan. Pendekatan ini bertujuan melindungi pengguna daripada beban hutang yang tidak terkawal serta menggalakkan amalan peminjaman yang bertanggungjawab.

Jadi, SKP juga memberi penekanan kepada usaha pendidikan dan sokongan kepada pengguna kredit terutama masyarakat di luar bandar. Mulai kerjasama erat dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Di samping itu, usaha pendidikan kewangan turut disokong oleh jaringan pendidikan kewangan dengan izin, *Financial Education Network* (FEN) melalui inisiatif seperti FEN Proaktif dan Bulan Literasi Kewangan. Peluang kerjasama dengan kementerian berkaitan juga akan diteroka bagi memperluaskan pelaksanaan program literasi kewangan yang menyasarkan pelajar sekolah serta pelajar institusi pengajian tinggi. Usaha ini adalah bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan yang berhemah dan bijak di kalangan generasi muda.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri penggulungan saya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator atas pandangan yang bernas dan sokongan yang padu terhadap aspirasi kerajaan dalam transformasi landskap kawal selia industri kredit negara.

Saya yakin bahawa kita semua mahukan yang terbaik untuk rakyat. Dengan kesedaran ini, kita dapat menzahirkan komitmen kerajaan untuk memperkukuh perlindungan kepada semua pengguna kredit di Malaysia. Justeru, saya menyeru sokongan penuh Yang Berhormat Senator sekalian terhadap usul penggubalan RUU KP. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Timbalan Menteri Kewangan. Dari dulu lagi, saya selalu nampak sentiasa bersemangat dalam memberikan jawapan. Nampak sangat *passionate* dengan setiap jawapan yang diberikan. Tahniah YB Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 135 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah) dan diluluskan]

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 8 September 2025.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.12 petang]